



**Penaklukan Jepun**  
**SUKA DUKA DI**  
**GEORGETOWN**



**MEDIA INDAH SDN. BHD.**



**Penaklukan Jepun**  
**SUKA DUKA DI**  
**GEORGETOWN**

Ahmed Meah Baba Ahmed

**MEDIA INDAH SDN. BHD.**

ISBN 967-9915-12-3

Harga: \$10.00

**MEDIA INDAH SDN. BHD.**

72, Jalan Burhanuddin Helmi

Taman Tun Dr. Ismail

60000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7177701/7177702

Cetakan Pertama 1992

© Hak cipta Ahmed Meah bin Baba Ahmed 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Media Indah Sdn. Bhd.

Muka taip teks: New Baskerville

Saiz taip teks: 11/12

M

940-430977

AM

Dicetak di Malaysia oleh  
Polygraphic Marketing Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan

**606848**

## KANDUNGAN

<b>Prakata</b> Y.A.B. Tun Daim Zainuddin	viii
<b>Pengantar</b>	x
<b>Profil</b> Kapt. Baba Ahmed B. Ahmed J.P.	xiv
<b>BAB 1:</b> 1941 - TAHUN PENAKLUKAN	1
<b>BAB 2:</b> 1942 - TAHUN KENGERIAN	34
<b>BAB 3:</b> 1943 - TAHUN KESENGSARAAN	77
<b>BAB 4:</b> 1944 - TAHUN HARAPAN	102
<b>BAB 5:</b> 1945 - TAHUN KEMENANGAN	127
<b>PANTUN NOSTALGIA</b>	203

Peristiwa-peristiwa, pahit dan manis ini, telah dikumpul dan disediakan daripada bahan-bahan yang dipetik daripada buku harian kepunyaan Kapt. Baba Ahmed bin Ahmed J.P. ayahanda kepada pengarang.

Di ruang inilah tercatatnya penghargaan saya terhadap khazanah persuratan sejarah yang diwariskan oleh ayahanda saya. Buku ini dikaryakan untuk memperingati Allahyarham.





## PRAKATA DARIPADA Y.A.B. TUN DAIM ZAINUDDIN

**MUNGKIN** inilah buku yang pertama dikarang dalam Bahasa Malaysia untuk menceritakan peristiwa suka duka yang dialami oleh rakyat Pulau Pinang di bawah penaklukan tentera Jepun.


Antara lain pengarang telah memaparkan "nostalgia" zaman penaklukan Jepun yang menyentuh peristiwa pengeboman, kekejaman yang dilakukan terhadap penduduk Georgetown serta kesengsaraan yang dialami dan seterusnya pembebasan Pulau Pinang daripada penaklukan Jepun. Walaupun buku ini berdasarkan catatan harian, ia kaya dengan peristiwa-peristiwa yang penting diketahui oleh generasi kini, sekurang-kurangnya sebagai bahan sejarah.

Kita semua mahu bahawa rakyat Semenanjung Tanah Melayu tidak pernah menghadapi penaklukan dan kekejaman sebegitu dahsyat seperti yang dialami semasa penaklukan Jepun. Rakyat yang menjadi benteng pertahanan negara telah lumpuh dan tidak mampu membantu jentera barisan hadapan, lalu angkatan tentera yang juga akhirnya lumpuh untuk melawan penaklukan Jepun. Sejarah ini semestinya menjadi teladan bagi negara kita yang kian meningkat pembangunannya di setiap bidang.

Pada pandangan saya, penulis-penulis di negara kita sepatutnya mencatatkan banyak lagi kisah seperti ini daripada veteran-veteran yang masih hidup. Jika tidak ada daya usaha seperti ini, sudah tentu banyak daripada khazanah negara kita akan terkubur buat selama-lamanya. Persatuan Linguistik Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan beberapa buah bank telah memainkan peranan untuk menggalakkan penulisan karya yang bermutu tinggi dalam Bahasa Malaysia. Pihak Kerajaan telah memainkan perannya bagi menggalakkan penghasilan karya-karya tempatan. Dalam belanjawan 1992, Kerajaan telah menaikkan royalti yang dikewadkan daripada cukai pendapatan daripada \$6,000.00 kepada \$12,000.00. Kerajaan juga menggalakkan institusi kewangan membiayai penterjemahan buku-buku ke dalam Bahasa Malaysia.

Saya gembira melihat usaha-usaha ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini semua akan memberi sumbangan kepada usaha bagi mewujudkan sebuah bangsa yang berilmu dan mempunyai akal budi yang tinggi.

Saya percaya pembaca akan memperolehi banyak teladan dan memahami dengan lebih mendalam lagi sejarah tanah air selepas membaca buku ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Daim', with a horizontal line underneath the name.

Y.A.B. TUN DAIM ZAINUDDIN S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P.

## PENGANTAR

**BAHAN** dalam buku ini dipetik daripada beberapa buah buku harian kepunyaan Kapten Baba Ahmed bin Ahmed J.P. avahanda saya. Menang menjadi kegemaran atau hobi beliau mencatatkan sesuatu peristiwa yang dialami di dalam buku hariannya.

Berdasarkan buku harian ini saya beradang membukukan peristiwa penaklukan Georgetown, Pulau Pinang, oleh Tentera Imperialis Jepun secara kronologis. Ini adalah cara yang terbaik bagi melihat perkembangan peristiwa yang telah berlaku itu. Nostalgia zaman peperangan ini menjangkau masa selama lima tahun, dari tahun 1941 hingga 1945.

Walaupun buku harian Kapn. Baba Ahmed boleh dikatakan banyak perkara-perkara yang dicatatkan tetapi terdapat beberapa kenyataan yang tidak lengkap, kerana makhuliah, catatan itu dibuat semasa peperangan. Akibatnya terdapat perjalanan cerita yang tidak begitu tersusun. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya cerita-cerita ini memberikan banyak keterangan tentang penaklukan Georgetown yang sehingga ini belum lagi sampai kepada pengetahuan umum. Berkenaan dengan serangan bom ke atas Pulau Pinang, cerita-ceritanya hanya dihadkan pada satu kawasan Georgetown yang kecil sahaja, iaitu kawasan dipinggirkan oleh Lebuh Chulia, Lebuh Pitt, Kampung Kolan dan Lebuh Carnoyan. Di dalam kawasan ini terletaklah Dispensari Pesakit Luar Kerajaan, di No 7 Lebuh Buckingham, tempat Kapten Baba Ahmed bertugas. Keseluruhan kawasan perdagangan Georgetown telah mengalami kerosakan besar, dari segi harta dan nyawa, akibat serangan bom Tentera Udara Imperialis Jepun yang tidak berperikemantusiaan.

Saya berharap cerita ini akan menjadi kenangan masa lampau tentang kesusahan, kehuluran, penderitaan dan maut yang sentiasa dihadapi oleh rakyat Georgetown di bawah pemerintahan bercorak totaliterisme.

Banyak peristiwa yang dipersembahkan dalam buku ini telah dipetik daripada surat-surat khabar pada masa itu, iaitu Pancaran

Matahari (jawi), Penang Daily News, yang bertukar nama kepada Penang Shimbun dan akhbar Straits Echo, yang telah muncul semula sebaik sahaja Pulau Pinang dibebaskan daripada penaklukan Dai Nippon.

Media massa di zaman penaklukan Jepun telah dikuasai oleh Jabatan Propaganda Dai Nippon. Oleh itu, berita yang disebar mengandungi unsur-unsur propaganda setelah ditapis ataupun diubahsuai untuk kepentingan Dai Nippon. Misalnya, cerita buruk tentang panglima-panglima tertingginya telah dikeluarkan beberapa minggu selepas sesuatu kejadian itu berlaku. Walau bagaimanapun, akhbar-akhbar telah memainkan peranan penting dan berkesan dalam mencatatkan sejarah penaklukan Pulau Pinang.

Para pembaca budiman, perlu diingatkan bahawa buku ini bukanlah sebuah buku sejarah tetapi ia lebih merupakan sebuah buku yang membawa cerita nostalgia zaman peperangan dan penaklukan Georgetown oleh Tentera Imperialis Dai Nippon.

Sungguhpun Tentera Imperialis Dai Nippon itu dikatakan zalim, sezalim-zalimnya manusia semasa peperangan, dan kita bersyukur kerana terlepas daripada kezaliman itu, tetapi kita tidak dapat menafikan pencapaian dan prestasi cemerlang orang berkulit kuning langsung daripada rumpun Asia. Mereka telah membuktikan kehandalan dan kebolehan luar biasa dalam menentang perisai dan kubu orang putih yang dikatakan kebal dan tidak dapat diterobosi. Kebolehan dan kehandalan ini telah menjadi satu teladan yang telah bertindak sebagai katalis dan pendorong kepada orang Asia untuk menentang dan menuntut kemerdekaan yang adalah hak asasi mereka daripada penindas dan penjajah masing-masing.

Sekarang sudahlah menjadi sejarah iaitu daripada penderitaan sengit selama empat puluh empat bulan itu telah wujud sebuah negara yang bebas dan merdeka. Secara dinamis dan demokratik Malaysia telah mencapai kemajuan pesat di bawah perlindungan, kebijaksanaan dan kearifan empat orang Perdana Menteri berturut-turut sejak merdeka. Ini adalah satu langkah raksaksa ke hadapan dalam pengikhtiaran manusia jika dibandingkan dengan alam kegelapan, kengerian dan penderitaan di bawah penaklukan dan pemerintahan Tentera Imperialis Dai Nippon.

Catatan dalam buku harian Kapt. Baba Ahmed telah ditulis dalam Bahasa Inggeris. Terjemahannya dalam Bahasa Melayu telah diusahakan oleh pengarang ini.

Saya ingin merakamkan di sini penghargaan saya dan seterusnya berterima kasih kepada anak-anak saya, Mahmud Meah, Khamarzan Meah, Azlan Meah, Zaharizan Meah dan menantu-menantu saya, YB Senator Mustapa Mohamed (Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan), Wan Sara, Puteri Zalina dan anak saudara saya Abdul Malik Mohd Ismail terhadap tenaga dan sumbangan mereka yang diberikan kepada saya, dalam apa jua corak atau bentuk, untuk menghasilkan buku ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada adinda saya, Mohamed Meah, yang bersama-sama saya telah memelihara dan mengawetkan khazanah ayahanda kami sehingga tercipta buku ini.

Sekian, wassalam.

Kuala Lumpur,  
8 Disember 1991.

**Ahmed Meah bin Baba Ahmed**



**Al-Fatihah**

**CAPT. BABA AHMED B. AHMED J.P.  
1888 - 1967**

## PROFIL KAPT. BABA AHMED B. AHMED J.P. 1888 - 1967

**BABA AHMED**, nama sebenarnya ialah Shaik Hawati Meah bin Shaik Ahmed Meah tetapi beliau tidak pernah menggunakan nama ini sepanjang hayatnya. Beliau telah dilahirkan pada 13 Disember 1888 di sebuah rumah kampung yang kecil di Lorong Pak Haji Dollah, sekarang dikenali sebagai Lorong Swatow.

Baba Ahmed telah menerima pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Chowrasta dan kemudian di Sekolah Inggeris Anglo-Chinese di Jalan Penang, sehingga beliau lulus pada peringkat Darjah VIII Cambridge. Baba Ahmed ialah seorang ahli bahasa dan boleh bertutur dengan fasih bahasa ibundanya Melayu dan bahasa-bahasa Inggeris, Tamil, Hindustani dan juga Hokkien.

Beliau mula bertugas sebagai Dresser (kemudian dikenali sebagai Pembantu Hospital dan sekarang ini sebagai Pembantu Perubatan) pada 9 Januari 1912. Sejak tahun 1912 hingga 1923 beliau telah bertugas di wad khas untuk orang Eropah dan orang tempatan. Dua institusi ini berlainan layanannya tetapi mempunyai pentadbiran yang sama. Sejak tahun 1923 hingga tahun 1930 beliau telah bertugas di Hospital Daerah Balik Pulau. Hospital ini tidak mempunyai seorang doktor yang tetap. Seorang doktor penjajah akan melawat hospital tersebut sekali atau dua kali seminggu. Oleh itu Baba Ahmed telah diberi kepercayaan penuh untuk mentadbir dan merawat pesakit dari daerah Balik Pulau dan sekitarnya. Beliau telah memainkan peranan yang aktif dalam rancangan pengawasan dan pencegahan penyakit berjangkit dari Balik Pulau sehingga ke Teluk Kumbar dan Teluk Bahang. Baba Ahmed juga telah memainkan peranan penting dalam hal rawatan dan pencegahan penyakit paru dan penyakit cacangan (khususnya cacung kerawati) yang merebak luas pada masa itu di kalangan kanak-kanak Melayu. Baba Ahmed ialah seorang yang mempunyai pegangan kuat kepada agama Islam. Pergaulan rapat dan mesra dengan masyarakat kampung membolehkannya mempengaruhi dan menasihati orang



kampung. Lebih-lebih lagi pada masa itu orang kampung boleh dikatakan amat konservatif untuk menerima perubahan dan rawatan cara Barat.

Pada awal tahun 1928, Baba Ahmed telah ditawarkan jawatan Timbalan Pemungut Hasil Tanah (Deputy Collector of Land Revenue selaku Pegawai Daerah Balik Pulau) oleh Resident Councilor, Encik Meadows Frost. Tawaran ini telah ditarik balik kemudiannya berpunca surat bantahan yang ditandatangani oleh penduduk Balik Pulau. Kebanyakan daripada mereka ini sahabat Baba Ahmed yang mendakwa, kononnya, Baba Ahmed ialah seorang Jawi Peranakan. Oleh itu, darah yang mengalir dalam tubuhnya dikatakan bukanlah darah Melayu tulen. Satu lagi sebab, yang lebih logik dan munasabah, adalah kerana beliau bukan daripada jurusan perkeranian tetapi jurusan perubatan. Persoalan tentang komposisi darah masih dibangkit lagi, 60 tahun kemudian, seperti yang dikaitkan dengan beberapa orang tokoh politik tanah air! Ini adalah sejenis aparteid yang melumpuhkan semangat dan perpaduan Melayu.

Wajarlah masalah ini dikebumikan dan ditalkinkan buat selama-lamanya.

Baba Ahmed telah ditukarkan semula ke Hospital Daerah Pulau Pinang sebagai Pembantu Penyelia Hospital dan kemudiannya sebagai Penyelia. Pada tahun 1933, apabila Blok 'C' Hospital Besar siap dan Hospital Daerah tidak digunakan lagi, Baba Ahmed telah dilantik sebagai Penyelia kakitangan malam di blok tersebut. Dari tahun 1934 hingga 1936, beliau telah bertugas di Hospital Penjara Pulau Pinang. Pada tahun 1936, beliau telah ditempatkan di Dispensari Pesakit Luar Chowrasta untuk menggantikan Encik C. Barnabas. Pegawai Perubatan pada masa itu ialah Dr. E.W. de Cruz. Pada tahun 1937, dispensari itu telah dipindahkan ke No.7, Lebuh Buckingham, kerana tapaknya hendak digunakan untuk bangunan Pejabat Polis Pulau Pinang. Beliau telah bersara sebagai Pembantu Perubatan Tingkatan Tertinggi pada tahun 1947 setelah bertugas dengan kerajaan selama 35 tahun.

Baba Ahmed sangat aktif dalam pasukan Penang & Province Wellesley Volunteer Corps dan pernah dipanggil untuk bertugas dalam operasi berjaga-jaga semasa peristiwa pembedilan laut yang dilakukan semasa Peperangan Dunia Pertama terhadap tiga buah kapal perang laut Rusia di Pelabuhan Pulau Pinang oleh Emden kapal pemusnah laut Jerman. Beliau telah ditauliahkan pangkat

Kapten Kompani C Melayu pada 17 November 1931. Baba Ahmed ialah seorang daripada empat orang kapten yang berkhidmat dalam komapani tersebut. Tiga lagi ialah Kapt. Syed Salleh Alsagoff, Kapt. S.A Mohd Nor dan Kapt. Mohd Noor bin Mohammad.

Di samping itu Baba Ahmed juga seorang pemburu yang handal dan ahli sukan yang bergiat aktif dalam permainan tenis dan bola sepak. Beliau banyak menyumbangkan masa dan wang ringgit dalam kegiatan kebajikan dan rekreasi yang melibatkan masyarakat Melayu. Beliau pernah memegang jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan ahli Jawatankuasa dalam lebih 20 kelab dan organisasi. Baba Ahmed ialah seorang daripada pengasas Persatuan Melayu Pulau Pinang dan Persatuan Bola Sepak Muhammadiyah. Beliau juga ialah seorang pengasas UMNO Cawangan Kampung Makam dan pernah menjadi pengerusinya. Baba Ahmed telah memegang jawatan Setiausaha Rumah Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang selama lima tahun dari tahun 1945 hingga 1949. Kerana sumbangannya terhadap masyarakat Melayu Pulau Pinang, beliau telah dianugerahi pingat Jaksu Pendamai pada 1 Januari 1950. Baba Ahmed juga pernah menjadi ahli Lembaga Luar Bandar Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, dari tahun 1952 hingga 1957. Sebatang jalan yang merentangi Jalan Vale of Tempe telah diberikan nama Jalan Baba Ahmed sebagai penghormatan dan peringatan kerana jasa dan perkhidmatannya terhadap masyarakat.

Pada tahun 1950, beliau pernah mengidap penyakit Parkinson. Akhirnya Baba Ahmed telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 29 Mac 1967.

Pengarang



## 1941 - TAHUN PENAKLUKAN

**TAHUN** 1940, yang penuh dengan peristiwa suka dan duka, baru sahaja meninggalkan alam semasa ke alam silam yang akan menjadi warisan sejarah. Lagu "Au Lang Syne" masih kedengaran daripada nyanyian periang-periang di kabaret-kabaret Elysee dan Wembley, dan periang-periang golongan atasan penjajah British di dua buah hotel terkemuka, iaitu Rumymede dan E. & O. Suara semboyan dari kapal-kapal yang berlabuh di Pelabuhan Swettenham telah sampai ke kemuncaknya dan kini semakin perlahan, bagaikan memberitahu kepada periang-periang yang berhimpun di Padang Kota Lama bahawa tahun 1940 akan pergi dan diganti oleh tahun yang baru, tahun 1941. Semboyan ini juga mengingatkan mereka kepada azam dan janji yang baru sahaja dibuat. Janji yang penuh dengan kevakinan dan semangat kerana tahun baru ini ada hubungan rapat dengan nasib peperangan besar yang sedang berlaku di benua Eropah.

Peperangan besar di benua Eropah telah memasuki bulan ke 16. Sebahagian besar benua itu telah ditaklik oleh tentera Nazi Jerman di bawah pimpinan Hitler. Kubu pertahanan Maginot yang dibina sepanjang sempadan Perancis dan Jerman, yang dikatakan kubu terkuat di dunia selain kubu

Sigfried yang berhadapan dengannya, telah lumpuh ke bawah strategi markas Third Reich. Bahagian panzer tentera Jerman dengan gerakan blitzkrieg telah melumpuhkan tentera negara-negara Eropah Bersekutu. Kekalahan ini telah mewujudkan Peristiwa Dunkirk. Peristiwa yang berlaku pada bulan Mei 1940 itu telah memerangkap 300,000 orang askar British di Pantai Dunkirk. Mereka tidak dapat bergerak kerana disekat oleh lautan luas yang memisahkan pantai British dan pantai Perancis dan Belgium. Mereka akan mengalami kekalahan jika tindakan menyelamat tidak dilancarkan dari laut. Satu operasi laut besar-besaran telah dilaksanakan oleh Markas Tertinggi British. Operasi ini melibatkan beratus-ratus buah kapal. Akhirnya askar-askar yang terperangkap itu telah diselamatkan dalam satu operasi pertahanan garisan belakang yang cemerlang dan berkesan. Beberapa bulan kemudian berlaku satu peperangan udara yang hebat di ruang udara London antara tentera Udara Diraja British (R.A.F.) dengan Tentera Udara Jerman (Luftwaffe). Pihak British telah mencapai kemenangan dan mendapat sanjungan daripada Winston Churchill. Churchill berkata, "Tidak pernah dalam sejarah pertelingkahan manusia, golongan ramai terhutang budi sebegitu banyak kepada sebilangan sebegitu kecil." Kedua-dua peristiwa itu telah membuka ruang yang lebih besar kepada pihak British untuk merancang semula dan melancarkan pertempuran-pertempuran baru di masa hadapan.

Kelegaan besar ini juga dirasakan oleh penduduk Pulau Pinang. Mereka bersyukur kepada Allah Yang Maha Esa kerana masih terselamat daripada keganasan dan penaklukan tentera yang bengis. Peristiwa-peristiwa yang berlaku di pusat Empayar British itu semestinya akan mempengaruhi keadaan semasa di jajahannya, yang kononnya kata orang, matahari tidak pernah terbenam, kerana keluasan bumi jajahannya! Walau bagaimanapun, kemunduran sementara yang dialaminya serta ancaman yang sentiasa dihadapinya daripada serangan kapal selam peronda Jerman (U-Boat), nampaknya tidak memusnahkan talian komunikasinya menerusi udara, laut dan darat dengan tanah jajahannya. Keadaan

keselamatan di Malaya boleh dikatakan stabil dan terkawal. Kehidupan harian berjalan seperti biasa. Pembekalan barang keperluan, ubat-ubatan dan makanan tidak terganggu. Penduduk Georgetown menunaikan keperluan hidup mereka tanpa sebarang keraguan atau kemusykilan tentang kekuatan dan kebolehan kuasa British untuk mempertahankan bumi jajahannya. Semangat ini berasaskan sejarah kekuatan Tentera Laut Diraja British yang cemerlang dan kekuatan kubu Tentera Lautnya di Singapura.

Keyakinan inilah yang telah mempengaruhi penduduk Georgetown bersorak dan bertepuk tangan apabila mereka melihat 27 buah kapal terbang di angkasa yang terbang dengan rangkaian menyerang pada hari Khamis 11 Disember 1941 yang malang itu. Mereka menyangka kapal terbang tersebut ialah pesawat-pesawat tambahan yang tiba untuk mempertahankan bumi pertiwi Semenanjung Tanah Melayu. Tidak beberapa minit kemudian bom-bom eksplosif dan pembakar telah digugurkan ke atas kawasan perniagaan dan Pelabuhan Pulau Pinang. Serangan yang dashyat itu telah memeranjatkan penduduk yang belum pernah mengalami keadaan seperti ini. Keadaan kelam kabut, kerosakan dan kematian akibat serangan udara itu telah melumpuhkan semangat penduduk Georgetown. Tujuan Tentera Imperialis Dai Nippon untuk mewujudkan keadaan kelam kabut dan kengerian telah berjaya!

Peristiwa yang baru sahaja dibicarakan menjadi kenyataan sebelas bulan kemudian apabila Tentera Imperialis Dai Nippon menyerang dan menawan Georgetown. Sementara itu, sekitar Asia Timur, khususnya di Benua China, Jeneralissimo Chiang Kai-Shek sedang berperang hebat dengan Tentera Imperialis Jepun. Keadaan ini turut mengancam keselamatan bumi Semenanjung Tanah Melayu. Jepun ialah sebuah negara yang menganggotai Kuasa Axis yang merangkumi negara Jerman di bawah Hitler, negara Itali di bawah Mussolini dan Imperialis Jepun di bawah Tojo. Kemenangan Jerman dan Itali di benua Eropah dan Afrika memberikan semangat dan dorongan kepada Jepun untuk memperluaskan medan peperangannya ke Asia Tenggara dan per-

sekitarannya. Penglibatan Imperialis Jepun juga boleh dianggapkan sebagai satu strategi untuk menentukan kemenangan muktamad Kuasa Axis di benua Eropah. Gendang peperangan yang mula kedengaran redup dari Lautan Pasifik akan meningkat ke tahap kemuncaknya pada akhir tahun 1941. Perluasan peperangan akan menjadi kenyataan pada bila-bila masa sahaja – menanti satu ketika yang baik dan sesuai bagi mereka menghancurkan dunia demokrasi bebas. Peperangan besar di benua Eropah akan merebak ke benua Asia dan Lautan Pasifik dan akan mencetuskan Perang Dunia ke 2 yang juga akan melibatkan Amerika Syarikat.

Oleh kerana keadaan keselamatan di bumi Semenanjung Tanah Melayu mungkin terancam, kerajaan di Malaya dan Singapura telah mula mengadakan persiapan peperangan. Persiapan melibatkan rakyat pada keseluruhannya untuk menghadapi sebarang peristiwa yang tidak diingini. Oleh yang demikian, Perkhidmatan Pertahanan Awam telah ditubuhkan dan diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga. Kubu perlindungan daripada serangan udara telah disediakan di tempat-tempat strategik dan rakyat juga digalakkan supaya menyediakan tempat perlindungan masing-masing. Sebuah pertubuhan Kor Pertahanan Tempatan telah diasaskan. Pasukan sukarelawan Pulau Pinang (Penang & Province Wellesley Volunteer Corps) telah diperbesarkan dan diperkuatkan lagi untuk menjadi satu cabang pertahanan yang handal di bawah Markas Tentera British. Tentera-tentera British juga telah diperbesarkan dengan ketibaan unit-unit terkemuka ke bumi Malaya. Pertambahan ini telah melibatkan batalion-batalion Australia dan New Zealand, Pathan, Punjab dan Gurkha serta rejimen-rejimen terkemuka dari United Kingdom termasuk rejimen-rejimen Askar Melayu yang ditubuhkan pada tahun 1933. Tentera Laut dan Udara Diraja British, yang sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga, telah diperkuatkan lagi dari segala aspek ketenteraan. Pasukan Palang Merah dan Pasukan St. John bersama-sama perkhidmatan penting di Pulau Pinang dan Seberang Perai, yang melibatkan semua kategori iktisad dan individu, telah




Gambar beramai-ramai sukarelawan Kompani 'C', (Melayu), Penang & Provinve Wellesley Volunteer Corps, digambarkan di markasnya di Peel Avenue pada tahun tiga puluhan.  
(Foto : Daripada koleksi Captain Baba Ahmed J.P.)





Sekumpulan Sukarelawan Kompani 'C', Penang & Province Wellesley Volunteer Corps, pada awal tahun dua puluhan. Berkerusi: Lt. Syed Salleh Alsagoff (kiri) dan Lt. Baba Ahmed (kanan)

(Foto : Daripada koleksi Captain Baba Ahmed J.P.)



Barisan hormat yang didirikan oleh Kompani 'C' Penang & Province Wellesley Volunteer Corps, untuk menyambut lawatan rasmi Gabenor Negeri-Negeri Selat pada lewat tahun dua puluhan.

(Foto : Daripada koleksi Captain Baba Ahmed J.P.)

dikemaskinikan untuk memberi perkhidmatan dan tenaga yang cemerlang apabila menghadapi segala ancaman dan cabaran.

Begitulah keadaan semasa pada awal tahun 1941, penuh dengan harapan dan keyakinan di samping kebimbangan dan keraguan bagi menghadapi bulan-bulan yang mendatang. Marilah kita meneliti peristiwa-peristiwa yang telah berlaku seperti yang dicatatkan dalam buku harian Kapt. Baba Ahmed.

## 1941

### 8 JANUARI

Satu berita dari Nyere, Kenya telah melaporkan kematian Lord Baden-Powell, 83 tahun, Ketua Tertinggi Pengakap Sedunia, pada jam 6.10 pagi waktu tempatan hari ini. Lord Baden-Powell pernah membuat lawatan rasmi ke Pulau Pinang pada tahun 1935.

### 10 JANUARI

Hari ini Thailand telah melancarkan serangan ke atas Indochina atas sebab-sebab pertelingkahan mereka tentang tuntutan sempadan yang telah berlanjutan semenjak beberapa bulan yang lalu. Indochina ialah sebuah tanah jajahan Perancis yang telah ditewaskan oleh tentera Jerman di Eropah.

Kerajaan rasmi Perancis telah diambil alih oleh kerajaan boneka Vichy di bawah perintah Marshal Petain. Kerajaan Perancis Bebas dalam buangan yang bertapak di London diketuai oleh Jeneral Charles de Gaulle. Persahabatan antara negara Jerman dan Imperialis Jepun, yang berperang di benua China, sudah pasti akan membimbangkan dan mengancam keselamatan bukan sahaja negara Thai tetapi juga Asia Tenggara pada keseluruhannya.

### 11 JANUARI

Satu majlis makan malam telah diadakan di Persatuan

Melayu Pulau Pinang (P.M.A) untuk meraikan Dr. K.M. Ariff yang telah dianugerahi pingat M.C.H. (Malayan Certificate of Honour). Dr. K.M. Ariff, sahabat karib Kapt. Baba Ahmed, ialah seorang pemimpin masyarakat Melayu Pulau Pinang yang terkemuka dan beliau ialah ayah kepada Datuk Haji Mushir Ariff. Dr. K.M. Ariff kemudiannya telah dianugerahkan Kesastrian Diraja British yang membawa gelaran Sir.

### 17 JANUARI

Pada musim boria yang baru saja tamat, tiga kumpulan telah menjadi johan dalam kategori masing-masing. Penghakiman telah dibuat oleh Kelab Rekreasi Melayu Kampung Makam. Keputusannya adalah seperti berikut:

- Keroncong : Pancaran Setia Keroncong Party dari Jelutong  
Lawak Jenaka : Lebai Sayur dari Sg. Pinang  
Drama : Datuk Naning, persembahan dari Jelutong

### 19 JANUARI

Beribu-ribu askar Australia dan New Zealand telah tiba di Semenanjung Tanah Melayu dan ditempatkan di wilayah-wilayah strategik tertentu.

### 27 FEBRUARI

Satu jamuan teh telah diadakan di Persatuan Melayu Pulau Pinang untuk meraikan 13 orang pemuda Melayu Pulau Pinang yang telah dipilih untuk berkhidmat sebagai askar dalam Rejimen Askar Melayu di Port Dickson. Rejimen Askar Melayu yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1933 oleh penjajah British untuk meugerahkan tenaga Melayu mempertahankan bumi pertiwi mereka.

Berita dari Tokyo menyatakan bahawa semua rakyat Jepun di Indochina telah diarahkan keluar dari negeri itu mengikut perintah yang dikeluarkan oleh Konsul Jeneral di Hanoi. Langkah berjaga-jaga ini adalah untuk membolehkan kerajaan Jepun bertindak bebas sekiranya rundingan Perancis-Thailand gagal. Nasib perundingan tersebut akan diketahui

dalam masa 24 jam dengan tanda-tanda yang tidak begitu optimistik. Banyak sumber yang menganggap tindakan Jepun itu sebagai menggertak sahaja.

## 28 FEBRUARI

Menurut satu berita daripada wakil agensi Perancis di Shanghai, Majlis Indochina – Perancis telah mengambil keputusan untuk menolak cadangan kompromi Jepun untuk mengatasi kebuntuan persidangan damai antara Indochina dan Thailand. Keadaan menjadi semakin tegang. Tanda-tanda menunjukkan pihak Jepun akan mengeluarkan satu ultimatum kepada Indochina supaya menerima atau menolak tawaran Jepun itu sebelum tempoh gencatan senjata tamat pada 7 Mac. Penduduk-penduduk Jepun di seluruh Indochina yang berjumlah 400 orang telah membuat persiapan terakhir untuk meninggalkan negeri itu berikutan notis Konsul Jeneral Jepun di Hanoi. Sumber-sumber separuh rasmi daripada pihak Jepun di Hanoi telah menduga bahawa Indochina telah memutuskan untuk berdiri teguh kepada keputusan yang telah dicapai di persidangan darurat pada 28 Februari, iaitu menolak segala cadangan untuk memecahbahagikan Indochina. Pihak Jepun sekarang ini sedang menunggu satu jawapan yang jelas – ya atau tidak.

## 1 MAC

Mula hari ini catuan minyak petrol telah dimulakan di seluruh negara sebagai satu langkah ke arah penjimatan perbelanjaan untuk membantu persiapan menghadapi peperangan. Cautan bagi setiap kategori kenderaan adalah seperti berikut:

	Galen/bulan	
Tidak melebihi	8 HP	15
Melebihi 10 HP tetapi tidak melebihi	12 HP	17
Melebihi 12 HP tetapi tidak melebihi	15 HP	20
Melebihi 15 HP tetapi tidak melebihi	18 HP	22
Melebihi 18 HP tetapi tidak melebihi	20 HP	27
Melebihi 20 HP tetapi tidak melebihi	24 HP	30
Melebihi 24 HP tetapi tidak melebihi	26 HP	35
Melebihi 26 HP tetapi tidak melebihi	30 HP	38

## **8 MAC**

Penggelapan adalah sejenis kaedah pertahanan yang digunakan semasa peperangan untuk memberikan perlindungan kepada sesuatu bandar, wilayah atau negeri daripada serangan udara pada waktu malam, dari senja sehingga terbit matahari. Penggelapan, jika diusahakan dengan berkesan, akan mengelirukan dan menyukarkan penyerang untuk mencari sasaran mereka.

Penggelapan terbahagi kepada dua peringkat:

1. Separuh penggelapan (brown out) yang digunakan apabila keadaan semasa tidak begitu membahayakan. Pada peringkat ini cahaya dibenarkan dalam bangunan awam dengan syarat sumber cahaya lampu elektrik hendaklah dipasang dengan sejenis penyalur yang hanya akan menyalurkan sinaran ke arah bawah sahaja sambil mengawal cahaya yang disinarkan ke rusuk.
2. Penggelapan penuh (black out) yang digunakan apabila keadaan semasa membahayakan dan serangan dijangka akan berlaku pada bila-bila masa sahaja. Pada peringkat ini, semua sumber cahaya dalam bangunan hendaklah di padamkan.

Hari ini hari latihan untuk menguji keberkesanan rancangan separuh penggelapan di seluruh negara.

## **10 MAC**

Dua buah tempat perlindungan daripada serangan udara untuk orang awam telah dibina di atas tapak padang Datuk Keramat, berhampiran Kelab Rekreasi Municipal di Jalan Anson.

Semua bank dalam negeri telah ditutup kecuali pejabat-pejabat kerajaan untuk melaksanakan fasa kedua latihan pertahanan negara. Fasa pertama telah dilancarkan pada tahun 1940 dan kelemahannya yang telah dikenal pasti akan diatasi dalam latihan ini.

## **23 MAC**

Syarahan pertahanan awam serta demonstrasi cara mencegah dan meringankan kerosakan daripada serangan udara telah diadakan di beberapa buah kampung di Pulau Pinang oleh Kapt. Gerald Hawkins, bekas pegawai daerah Balik Pulau. Sambutannya amat baik daripada masyarakat Melayu.

## **6 APRIL**

Berita dari pekan-pekan utama di Semenanjung Tanah Melayu melaporkan kekurangan tiga jenis rokok yang telah memasuki minggu kedua. Orang Melayu dilaporkan telah menukar cita rasa mereka kepada rokok daun buat sementara waktu.

## **15 APRIL**

Imperialis Jepun telah memeterai satu perjanjian dengan Rusia. Perjanjian ini melarang sebarang tindakan agresif antara mereka.

Hari ini Hari Perayaan Jubli Emas bagi Sekolah Anglo-Chinese. Perayaan ini telah diadakan di Pykett Avenue.

## **28 APRIL**

Satu rancangan mengumpulkan kertas yang tidak digunakan lagi dilancarkan di Pulau Pinang. Pungutan telah dibuat oleh lori-lori sampah perbandaran dari rumah ke rumah. Pusat pemungutan bagi rancangan ini ialah di Fort Cornwallis. Kertas tersebut akan dihantar ke India untuk diproses menjadi kertas semula.

## **1 MEI**

Pihak Pentadbiran Perbandaran telah melaporkan bahawa nyamuk anopheles yang membawa parasit malaria telah dikesan di kawasan Kebun Bunga. Oleh itu, kawasan tersebut telah ditutup kepada orang awam di sebelah malam buat sementara waktu.

## **7 MEI**

Satu perjumpaan besar-besaran telah diadakan di rumah

Persatuan Melayu Pulau Pinang untuk membincangkan satu usul untuk mewujudkan sebuah Bank Kebangsaan Melayu. Tuan Haji Abdul Majid daripada Syarikat Modern Light Johor Bahru telah memberi taklimat di majlis tersebut. Tujuan pembentukannya adalah untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu menerusi perniagaan dan sebagainya dengan bantuan bank yang dicadangkan. Orang Melayu telah tertinggal jauh di belakang masyarakat asing yang bermastautin di Malaya.

### **8 MEI**

Pertama kali dalam sejarah Mahkamah Pulau Pinang seorang wanita Muslim India, Zaiton a/p Omar, telah dikenakan hukuman gantung sampai mati. Zaiton bersama Baboo a/l Ali telah didapati bersalah oleh Mahkamah kerana membunuh seorang bidan, Mariam Bee, di Jalan Waterfall pada 8 Januari yang lalu.

### **13 MEI**

Satu berita dari London melaporkan bahawa Rudolf Hess, Timbalan Pertama Adolf Hitler, telah melarikan diri dengan sebuah kapal terbang pejuang dari negaranya. Dia sekarang berada dalam tahanan di Scotland. Kapal terbang yang dipandunya telah jatuh terhempas. Semua pihak tertanya-tanya kenapa tangki minyak kapal terbang tersebut tidak mempunyai minyak yang cukup untuk penerbangan balik. Kemungkinannya Rudolf Hess telah pun merancang tidak mahu kembali ke negaranya.

### **24 MEI**

Sekumpulan angkatan Tentera Laut Diraja British yang diketuai oleh kapal lautnya HMS Hood di bawah perintah Naib Laksamana L.E. Holland telah bertempur dengan sekumpulan angkatan Tentera Laut Jerman yang dikepalai oleh kapal lautnya yang terkemuka, Bismark. Dalam pertempuran sengit di lautan barat Greenland pada pagi itu, kapal HMS Hood telah dibedil tepat pada bahagian simpanan pelurunya. Kapal itu meletup dan berkecai. Semua anak kapal terkorban. Kapal perang Bismark juga telah



mengalami kerosakan teruk dan sedang diburut oleh angkatan Tentera Laut Diraja British.

### **18 JUN**

Satu lagi latihan untuk menentukan keberkesanan peringkat penggelapan penuh telah dijalankan selama dua hari di seluruh Malaya. Sebuah khemah pelarian yang boleh menempatkan 9,000 orang telah dibina di perkebunan Thean Teik.

### **29 JUN**

Aktiviti sukan basikalathon telah diadakan pada pagi ini. Seramai 54 orang peserta Melayu telah mengambil bahagian dan mereka telah melahi jakar-jakar terkemuka di Bandar Raya Georgetown. Peserta-peserta kemudiannya berhenti sebentar di Balai Polis Lah Lintas untuk diberi taklimat tentang keselamatan jalan raya oleh Inspektor Bujang.

### **7 JULAI**

Satu majlis juman teh telah diadakan di rumah Persatuan Melayu Pulau Pinang untuk meraikan perlantikan Dr. K.M. Ariff sebagai seorang anggota Majlis Perbandaran Georgetown.

### **16 JULAI**

Lebih kurang 450 orang buruh pengangkut najis dan pembina jalan raya telah melancarkan mogok. Sejurus selepas jam 12.00 tengah malam tadi lebih kurang 200 orang mata-mata, yang bersenjatakan cota dan topi keluli diketuai oleh beberapa orang inspektor, telah menyerbu rumah-rumah kediaman perbandaran di Jalan Sungai dan Jalan Petani. Semua buruh yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka sebelum ini telah ditahan ekoran daripada satu ultimatum yang dikeluarkan oleh pihak Perbandaran sebelum itu.

### **19 JULAI**

Mogok buruh berakhir.

## 22 JULAI

Hujan lebat yang turun semalam telah mengakibatkan banjir yang agak teruk di beberapa kawasan rendah termasuk Lebuh Hong Kong. Sebatang kayu balak yang diletakkan di kaki lima sebuah kedai membuat peti mayat telah hanyut dibawa arus ke pertengahan jalan besar berhampiran dengannya. Pada jam 5.45 pagi, sebuah bas troli yang sedang menuju ke Pangkalan Mitchell untuk memulakan perkhidmatannya, telah berlanggar dengan kayu balak tersebut sebelum merempuh sebatang tiang elektrik. Dalam kemalangan itu, bas tersebut telah mengalami kerosakan yang teruk di bahagian badapannya dan seorang kerani, Khoo Peng Chin, telah terbunuh di tempat kejadian.

## 26 JULAI

Ramai kakitangan kerajaan Negeri Ceylon telah datang bekerja dengan pakaian kemeja dan seluar pendek ekoran satu pengumuman daripada Sir Andrew Caldecott, bekas Setiausaha Penjajah Negeri-Negeri Selat yang kini menjadi Gabenor Ceylon. Sebagai satu langkah untuk membantu peperangan, beliau sendiri ke pejabat dengan pakaian begitu. Kekecualian hanya kepada mereka yang berurusan di mahkamah. Kakitangan di Malaya dan Singapura bertanyanya sama ada peraturan seperti ini akan dilaksanakan di sini.

Satu upacara berkawad oleh sukarelawan bahagian Pertahanan Awam telah diadakan di Padang Kota Lama pada jam 5.00 petang. Resident Councilor Pulau Pinang, Encik A.M. Goodman yang akan bersara tidak lama lagi telah memeriksa perbarisan tersebut.

## 28 JULAI

Berita dari Hanoi melaporkan bahawa kira-kira 40,000 orang askar Jepun telah mula mendarat di Indochina. Serentak dengan itu Tentera Udara Jepun telah diberi kebenaran untuk menggunakan lapangan-lapangan terbang kecil di Indochina termasuk Saigon dan sebuah pekan berdekatan dengan Angkor di sempadan Thailand. Kapal-kapal

Angkatan Laut Jepun juga telah diberikan kebenaran untuk menggunakan pangkalan pertahanan laut di Indochina berdasarkan satu perjanjian yang dimeterai di Vichy. Perancis. Peristiwa ini dengan jelas telah memberikan tapak-tapak strategik kepada Jepun untuk memperluaskan peperangan dan ideologinya ke seluruh Asia Tenggara.

## **1 OGOS**

Penghuni dua puluh satu buah rumah di Teluk Kumbar yang telah dimusnahkan oleh puing beliung baru-baru ini telah menerima pampasan wang hasil kutipan derma daripada orang ramai. Pampasan ini telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Balik Pulau, Encik S.T. Stewart.

Mulai hari ini, minyak petrol yang jernih telah ditukarkan menjadi oren untuk mengelakkan pemalsuan dan penyalahgunaannya.

Encik A.M. Goodman, Resident Councillor Pulau Pinang, telah bertolak ke Singapura setelah bersara daripada jawatannya. Tempatnya telah diambil alih oleh Encik Forbes.

## **20 OGOS**

Warganegara-warganegara Jepun dilaporkan telah mula meninggalkan Hong Kong dan Netherland East Indies kerana besar kemungkinan peperangan di Eropah akan merebak dan melibatkan seluruh dunia.

## **21 OGOS**

Encik Shaik Ibrahim bin Haji Mastan, sahabat karib Kapt. Baba Ahmed dan ayah kepada Datuk Mohd Sopic, telah meninggal dunia di rumahnya di Tanjung Tokong.

## **23 OGOS**

Warganegara-warganegara Jepun telah mula meninggalkan Pulau Pinang menuju ke Thailand. Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada tukang gunting rambut dan tukang gigi yang secara senyap-senyap bertindak sebagai pengintip bagi negara mereka.

## **26 OGOS**

Askar-askar British telah menyeberangi sempadan selatan Iran dan beberapa pertempuran kecil telah berlaku. Markas British itu di bawah perintah Jeneral Wavell, Commander-in-Chief India. Menurut Reuter, askar-askar Rusia juga telah mencerobohi bumi Iran melalui Caucasus.

## **1 SEPTEMBER**

Tepat jam 12 tengah malam, masa tambahan untuk menjimatkan cahaya siang (daylight saving) dari 20 minit ke 30 minit terdahulu daripada waktu Greenwich, telah dikuatkuasakan secara rasmi. Semua jam telah dipercepatkan 10 minit pada waktu itu. Dengan ini, waktu Malaya sekarang ialah 7 1/2 jam terdahulu daripada GMT dan bukan lagi 7 jam 20 minit. Penjinjatan cahaya siang telah mula digunakan pada tahun 1933. Lebih kurang 25 tahun terdahulu waktu di Pulau Pinang telah dipercepatkan 15 minit untuk menyamai waktu Singapura. Oleh itu, waktu di Pulau Pinang sebenarnya telah dipercepatkan 45 minit keseluruhannya dan bukan setengah jam. Setengah jam ini sebenarnya ialah waktu Malaya.

## **5 SEPTEMBER**

Balai Polis Magazine telah dipindahkan ke Jalan Petani. Tempatnya sekarang diambil alih oleh Balai Polis Rendah Pusat.

## **7 SEPTEMBER**

Satu majlis "Pertandingan Membaca Al Quran" telah diadakan di Madrasah Air Itam. Lebih kurang 200 orang telah menghadiri majlis tersebut.

Sebuah pondok lumpu isyarat lalu lintas, sama seperti lampu isyarat di persimpangan Jalan Anson dan Jalan Burma, yang dipasang di persimpangan Jalan MacAlister dan Jalan Anson mula beroperasi hari ini.

## **15 SEPTEMBER**

Satu latihan secara besar-besaran yang melibatkan semua

unit pasukan dalam Perkhidmatan Pertahanan Awam telah dijalankan di seluruh Malaya dan Singapura.

### **23 SEPTEMBER**

Puasa bermula hari ini di Pulau Pinang. Waktu ini, di bawah pemerintahan penjajah, hari permulaan puasa atau Hari Raya di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain berbeza dan tidak seragam.

### **1 OKTOBER**

Pada hari ini Balai Polis Prangin telah ditutup dan pengurusannya diambil alih oleh Balai Polis Pusat.

### **9 OKTOBER**

Banjir yang teruk telah melanda Pulau Pinang. Kawasan-kawasan rendah di Georgetown dan kampung-kampung di sekitarnya telah ditenggelami air. Banjir ini adalah yang paling teruk dalam sejarah Pulau Pinang. Penduduk di kawasan Sungai Pinang khususnya, mengalami penderitaan yang begitu dahsyat. Orang Melayu menganggap banjir ini mencerminkan satu penderitaan yang lebih dashyat akan menimpa penduduk Pulau Pinang.

Seorang wanita campuran Eropah, Johanna Rowell, telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati kerana membunuh anak angkatnya yang berusia lima tahun pada 5 Julai yang lalu. Ini adalah kali kedua dalam tahun ini seorang wanita menerima hukuman seperti ini. Dalam kes yang pertama Zaiton dan Baboo telah menjalani hukuman masing-masing di Singapura setelah gagal dalam rayuan mereka di Mahkamah Tinggi.

### **15 OKTOBER**

Satu laporan daripada Pentadbir Perbandaran tentang banjir yang berlaku pada 8 dan 9 Oktober telah dikeluarkan pagi ini. Menurut laporan itu, banjir yang teruk itu berpunca daripada air hujan yang mengalir dari lereng-lereng Bukit Bendera dan Lembah Paya Terubung. Paras air dilaporkan satu kaki lebih tinggi daripada paras tertinggi yang pernah

dicatatkan dalam sejarah Pulau Pinang dan di beberapa tempat meningkat kepada 2 kaki.

## **22 OKTOBER**

Hari ini Hari Raya Puasa bagi penduduk-penduduk Pulau Pinang.

## **13 NOVEMBER**

Satu berita dari Admiralty London melaporkan bahawa kapal induk pesawat terbang Diraja British, HMS Ark Royal di bawah perintah Kapt. L.E.H Manard, telah karam di lautan sebelah timur Gibraltar. Kapal tersebut telah diserang oleh angkatan Tentera Laut Jerman dalam perjalanan kembali ke Gibraltar lewat petang kelmarin. HMS Ark Royal telah "ditenggelamkan" oleh Dr. Goebhels, Menteri Propaganda Hitler, menerusi siaran radionya sebanyak enam kali! Ini adalah satu helah berunsur propaganda yang digunakan oleh Dr. Goebhels untuk melumpuhkan semangat orang British. HMS Ark Royal telah dibedil dengan torpedo dari sebuah kapal selam Jerman. Dalam perjalanannya ke Gibraltar, kapal malang itu telah tenggelam ke dasar laut semasa ditarik oleh kapal-kapal penarik. Kapal HMS Ark Royal yang berharga £3 juta ialah kapal kebanggaan cabang udara Angkatan Laut British dan telah dilancarkan pada tahun 1937. Pembinaan kapal ini memakan masa dua tahun. Beratnya ialah 22,000 tan tanpa muatan ( 27,000 tan dengan muatan) dan laju maksimumnya ialah 32 knots. Kapal ini direka khas untuk menempatkan lebih banyak kapal terbang daripada muatan kapal-kapal induk yang lain, iaitu antara 60 dan 70 buah kapal terbang. Kapal ini mempunyai lebih kurang 1600 orang anak kapal, 200 orang lebih daripada HMS Hood.

## **20 NOVEMBER**

Satu upacara berkawad oleh Bahagian Pertahanan Awan (Air Raid Precaution) telah diadakan di Padang Kota Lama. Ketua Inspektor Kesihatan, Encik J.M. Villiers telah menerima anugerah M.B.E (Member of the British Empire).

Di upacara tersebut, bahagian Pertahanan Awam telah dihadiahkan dua buah pusat bergerak oleh Encik Soo Eng Keng dan lima buah trailer bergerak oleh Encik Cheah Cheang Lin. Lebih kurang 1000 orang warden A.R.P mengambil bahagian dalam upacara ini.

### **23 NOVEMBER**

Semua tentera Thai telah dikerahkan berjaga-jaga.

### **29 NOVEMBER**

Semua perkhidmatan mustahak telah diarahkan berjaga-jaga sebagai tindakan awal untuk menghadapi sebarang ancaman.

### **1 DISEMBER**

Pengisytiharaan darurat di seluruh Malaya telah diumumkan pagi ini oleh Gabenor Sir Shenton Thomas atas nasihat Kuasa-Kuasa Ketenteraan British. Semua sukarelawan telah dipanggil untuk berkhidmat di seluruh negara. Laksamana Sir Tom Phillips telah dilantik sebagai Laksamana Tertinggi Angkatan Laut Diraja British Bahagian Timur.

### **2 DISEMBER**

Kapal perang laut Diraja British, HMS Prince of Wales bersama-sama kapal pesiarnya, HMS Repulse, dilaporkan telah sampai di pelabuhan Singapura untuk memperkuatkan lagi keupayaan tentera-tentera British di rantau ini.

### **8 DISEMBER**

Kerajaan Imperialis Great Britain hari ini mula berperang dengan Imperialis Jepun. Ini adalah kerana semasa rundingan antara Amerika Syarikat dan Jepun masih diteruskan, tentera-tentera Jepun telah menyerang Pearl Harbour, Guam, Filipina, Thailand dan Malaya serentak pada waktu subuh waktu tempatan masing-masing tanpa sebarang amaran atau ultimatum.

Kapal-kapal pembawa askar Jepun yang diiringi oleh kapal-kapal tentera lautnya telah menceroboh masuk ke sekitar

perairan Kuala Sungai Kelantan di utara Kota Bharu awal pagi tadi. Askar-askar Jepun yang dibantu oleh bedilan meriam kapal perangnya telah mendarat dan mula bertapak di bumi Negeri Kelantan. Askar-askar British telah membalas bedilan itu dan pertempuran sengit telah berlaku di pantai di antara Kota Bharu dan Lapangan Terbang Markas British. Unit-unit daripada batalion-batalion India yang terkemuka telah menunjukkan kehandalan dan keberanian mereka. Dua buah kapal perang Jepun telah terbakar akibat serangan udara Tentera Udara Diraja Australia. Sebuah kapal kecil penuh dengan askar-askar Jepun, yang sedang menuju ke arah hulu Sungai Kelantan, telah dibedil oleh meriam-meriam markas British dan karam. Panglima Agung British, Lt. Jen. Arthur E. Percival berkata keadaan sebenar pada waktu itu agak mengelirukan. Ramai askar Jepun masih berada di kawasan pantai di antara Kota Bharu dan Lapangan Terbang Markas British. Tempat ini belum ditawan dan masih boleh digunakan.

Askar-askar Jepun yang bertapak kuat di Padang Sahak, 15 batu ke utara timur laut Kota Bharu, sejak jam 3.30 pagi telah memperkuatkan lagi kedudukan mereka di situ. Pendaratan pertama yang dibuat oleh musuh pada jam 1.00 pagi dapat dipatahkan.

Satu berita yang dikeluarkan oleh Markas Gabungan British di Singapura menyatakan bahawa Tentera Udara Dirajanya telah membuat beberapa serangan ke atas kapal-kapal angkatan laut Jepun yang cuba mendarat askar-askarnya di beberapa tempat.

Sungai Petani telah dibom dan askar-askar Jepun mula mendarat di Singora. Singapura juga telah diserang dari udara pada jam 4.40 pagi selama setengah jam. 60 orang awam telah terkorban dan 133 orang tercedera.

Satu laporan rasmi dari Bangkok menyatakan bahawa askar-askar Thai telah bertempur dengan askar-askar Jepun selama beberapa jam sahaja. Mereka menamatkan pertempuran dan mula berunding dengan Markas Jepun untuk mencari pendamaian. Hasil daripada rundingan itu sedang



ditunggu-tunggu oleh seluruh dunia. Sementara itu Bangkok telah dibom pada jam 7.30 pagi tadi.

Pulau Pinang juga telah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga apabila lapan buah kapal terbang Jepun yang menuju ke arah selatan telah mencerobohi ruang udara Georgetown. Ruang udara Sungai Petani juga telah diceroboh oleh kapal-kapal terbang Jepun tetapi tidak ada sebarang kerosakan atau kecederaan yang dilaporkan.

## **9 DISEMBER**

Satu serangan udara telah dilancarkan oleh Tentera Udara Jepun ke atas Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja British di Matang Kuching, Butterworth pada jam 4.00 petang. Pertempuran udara yang hebat dan sengit telah berlaku di sekitar angkasa Terusan Utara Pulau Pinang yang disaksikan oleh beratus-ratus rakyat. Sebuah kapal terbang telah ditembak jatuh tetapi negara pemiliknya tidak dapat dikenal pasti pada ketika itu. Tetapi yang dapat dipastikan dengan jelas ialah sifat dan suasana penduduk Georgetown yang tidak menghiraukan keselamatan diri mereka apabila perjuangan maut sehebat itu berlaku di hadapan mata mereka sendiri. Ada yang bersorak keriangannya kerana menyangka kapal terbang yang musnah itu ialah kapal terbang Jepun. Sifat dan semangat seperti ini berasaskan kepercayaan mereka kepada kekuatan yang dipamerkan oleh kerajaan dan markas British dalam usaha mereka untuk mempertahankan bumi Semenanjung Tanah Melayu. Mereka juga percaya kononnya sasaran ketenteraan sahaja yang akan diserang oleh pihak musuh, satu sangkaan dan impian yang akan musnah sama sekali nanti.

## **10 DISEMBER**

Pada hari ini, dua buah kapal perang laut Markas Ketenteraan Gabungan British yang handal – HMS Prince of Wales dan HMS Repulse – telah dimusnahkan oleh kapal-kapal Terbang Tentera Udara Jepun di laut berhampiran pantai Kuantan. Kedua-dua buah kapal perang laut itu telah berlepas dari Singapura dan sedang dalam perjalanan untuk

menyekat dan mematahkan gerakan Jepun untuk mendaratkan askar-askarnya di utara Semenanjung Tanah Melayu dan Selatan Thailand. Kapal-kapal tersebut telah dikesan oleh markas tentera Jepun. Akibat serangan itu, kedua-dua kapal di bawah perintah Laksamana Agung Tom Phillips telah karam. Peristiwa pahit ini sudah pasti akan mempengaruhi perjalanan peperangan di rantau ini buat sementara waktu.

## 11 DISEMBER

Pada jam 9.20 pagi, semboyan yang terletak di Ibu Pejabat Polis, Pulau Pinang, telah berbunyi dengan nada berjaga-jaga. Lebih kurang setengah jam kemudian, 27 buah kapal terbang telah dikesan di langit Georgetown. Kebanyakan penduduk Georgetown menyangka kapal-kapal terbang tersebut ialah pesawat-pesawat British dari kapal induk pesawat udara HMS Eagle, yang dikatakan dalam pelayaran ke Singapura. Mereka telah bersorak dan menjerit "Kapal pembantu dah sampai". Beberapa minit kemudian, bom-bom eksplosif dan pembakar telah digugurkan oleh pesawat-pesawat itu ke atas Georgetown tanpa perasaan perikemanusiaan sama sekali. Serentak dengan itu beberapa buah kawasan perniagaan di Georgetown telah dibinasakan, yang melibatkan kerosakan harta dan kehilangan jiwa yang besar. Sebiji bom telah meletup di tepi menara Masjid Kling, berhampiran simpang Lebuh Pitt dan Lebuh Buckingham. Beberapa biji bom pembakar telah digugurkan beberapa kaki sahaja dari bangunan Dispensari Pesakit Luar Kerajaan tempat Kapt. Baba Ahmed bertugas. Beliau juga tinggal bersama keluarganya di bahagian atas bangunan tersebut. Beberapa biji bom lagi telah meletup di kawasan Lebuh Ah Qwee, Kampung Kolam dan Lebuh Chulia.

Sejurus kemudian, satu rangkaian kapal terbang musuh telah tiba untuk meneruskan tugas pembinasannya dan banyak lagi bom telah digugurkan. Kali ini, sebiji bom telah meletup di kolam wuduk Masjid Kling berhampiran Lebuh Chulia. Dalam serangan ini 12 orang telah terkorban termasuk Encik Shaik Abu Bakar dan Encik Salim bin

Mansure. Beberapa orang lagi telah tercedera. Mayat dan mangsa yang cedera parah kelihatan bergelimpangan di atas jalan raya berhampiran bangunan Masjid Kling. Penduduk-penduduk telah mula melarikan diri ke kawasan yang lebih selamat. Kenderaan awam telah terganggu dan Georgetown bertukar menjadi sebuah bandar yang mati - gelap kerana diselimuti oleh asap dari bangunan-bangunan yang terbakar dan senyap sunyi tanpa bunyi kenderaan dan kesibukan manusia. Yang terdengar hanya jeritan kesakitan manusia yang cedera parah sementara menunggu ketibaan ambulan untuk membawa mereka ke hospital.

Perkara yang jelas, pada satu-saat itu, ialah kegagalan markas Pertahanan British yang tidak dapat mematahkan serangan udara Jepun, malah gagal memberi sebarang tentangan.

Bandar Georgetown tidak pernah mengalami penderitaan seteruk ini. Dalam peristiwa serangan kapal perang laut Jerman Emden, semasa Peperangan Dunia Pertama ke atas tiga buah kapal pesisir laut Rusia di Terusan Utara Pulau Pinang, gerakan itu hanya terhad kepada pertempuran laut sahaja. Berikutan peristiwa itu, penduduk Georgetown enggan memakan ikan kerana terdapat jari manusia di dalam perut ikan yang telah memakan anggota kecil anak-anak kapal Rusia yang terkorban dalam peristiwa itu.

## **12 DISEMBER**

Beberapa serangan udara telah berlaku lagi yang menyebabkan kemusnahan yang lebih teruk ke atas bangunan-bangunan. Jumlah yang terkorban hari ini berkurangan kerana ramai penduduk telah berpindah ke kawasan yang lebih selamat. Georgetown pada ketika ini benar-benar merupakan sebuah bandar yang telah lumpuh nadi, fikiran, persekitaran dan jiwa perbandarannya.

Tujuan utama tentera Jepun untuk melumpuhkan Georgetown dan mewujudkan suasana kelim kabut, pembinasaan bangunan dan pembunuhan kejam telah tercapai dalam masa sehari dua sahaja.

### 13 DISEMBER

Lima serangan udara telah berlaku hari ini. Tiga puluh buah kapal terbang Jepun telah dikesan di udara Georgetown dan Butterworth. Beberapa letupan dari sasaran mereka yang agak jauh telah kedengaran. Pihak musuh juga telah mula menggunakan mesingun dalam serangannya. Sebuah kapal terbang dilaporkan telah ditembak jatuh tetapi tidak ada bukti siapakah yang menjadi mangsa.

Semua kedai di Georgetown telah ditutup. Urusan perniagaan dan pentadbiran telah terganggu buat sementara waktu. Walau bagaimanapun bekalan air dan elektrik di Georgetown masih belum terputus. Barang makanan dan keperluan harian mula sukar diperolehi. Perampasan harta (looting) di rumah dan bangunan yang terbiar semakin menjadi, bermula dengan barang-barang makanan untuk mengisikan perut-perut yang kosong dan akhirnya semakin buruk kerana ia mula melibatkan harta kepunyaan mangsa-mangsa peperangan. Barang-barang hasil daripada jenayah ini kemudiannya dijual di merata rata tempat dengan cara sulit atau terbuka dan diberi gelaran "Cap Kapak". Gelaran ini telah disebut-sebut secara meluas kerana kapak telah digunakan untuk memecahkan pintu-pintu kedai, pejabat, rumah yang terbiar dan bangunan stor yang menyimpan barang keperluan.

Hari ini Kapt. Baba Ahmed dengan bantuan Encik F. H. Grummit, Ketua Warden Pertahanan Awam telah berjaya memindahkan ubat, alat pembedahan kecil dan kain dresing dari Dispensari Lebuh Buckingham ke Ibu Pejabat Polis untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan.

### 14 DISEMBER

Semboyan berjaga-jaga telah berbunyi pada kali pertama pada waktu tengah malam tetapi letupan bom tidak kedengaran. Beberapa pencerobohan udara Georgetown juga telah berlaku di waktu siang tanpa pengguguran bom. Ini dianggap sebagai satu petanda yang baik. Serangan udara sudah mula reda. Perampasan berlaku dengan lebih kerap

dan meluas. Mayat mangsa serangan pada hari pertama masih belum dikebumikan.

### **15 DISEMBER**

Empat pencerobohan udara telah berlaku hari ini tetapi serangan ini sudah tidak membimbangkan rakyat lagi. Hujan lebat yang turun sebagai satu rahmat daripada Allah S.W.T. menyejukkan udara yang panas dan menghilangkan bau kesan peperangan.

### **16 DISEMBER**

Berita separuh rasmi melaporkan bahawa askar-askar British telah berundur dari utara dan sekarang sedang bertempur di daerah Sungai Petani. Ada juga berita dari sumber yang boleh dipercayai mengatakan bahawa Georgetown akan diisytiharkan sebagai bandar terbuka (open city) bila-bila masa sahaja. Dengan cara ini Georgetown tidak akan dibom lagi kerana ia merupakan sebuah bandar yang tidak mempunyai kerajaan. Dari segi bekalan makanan, Georgetown mula mengalami kekurangan garam. Walau bagaimanapun beras, susu dan gula boleh dibeli di balai-balai polis yang berhampiran.

### **17 DISEMBER**

Hari ini hari yang menggembirakan semua kakitangan Hospital Besar Pulau Pinang. Mereka dibayar gaji untuk bulan Disember seperti biasa seminggu sebelum hari Krismas mengikut tradisi lama British. Satu serangan udara telah berlaku ke atas gudang beras yang terletak di pinggir Kampung Makam (sekarang Pawagam Federal). Serangan ini dibuat mungkin kerana gudang itu serupa dengan gudang ketenteraan apabila dilihat dari udara. Asap tebal telah kelihatan di ruang udara Perai dan Butterworth.

Hari ini pula hari yang paling buruk bagi kerajaan Pulau Pinang. Semua pegawai penjajah, askar dan orang Eropah dengan senyap-senyap telah meninggalkan Georgetown tengah malam semalam kecuali Dr. L.W. Evans, Ketua Pegawai Perubatan Pulau Pinang. Dr. L.W. Evans merupakan

seorang pegawai kanan dalam pentadbiran penjajah yang disanjung tinggi oleh rakyat Pulau Pinang kerana keberanian dan keteguhan hatinya untuk bersama-sama rakyat semasa penderitaan mereka, walaupun tindakannya boleh membawa maut serta merta di tangan Jepun yang sememangnya zalim terhadap musuh-musuhnya. Dr. L.W. Evans telah bertugas dengan penuh dedikasi kepada iktisas dan rakyat. Akhirnya beliau telah ditahan oleh Markas Jepun. Sekiranya ada daripada elit penjajah yang berhak diberikan pengiktirafan dan penghormatan kerana pengorbanan dan jasa baiknya (bukan kerana perampasan harta kekayaan bumi penjajahnya), maka orang itu tidak lain tidak bukan, Dr. L.W. Evans.

Laporan dari Butterworth telah mengesahkan bahawa semua kubu British, ibu sawat telefon dan stesen janaelektrik di Seberang Perai telah dimusnahkan oleh markas British mengikut dasar bumi terbakarnya supaya markas Jepun tidak dapat menggunakannya.

Semua banduan di Penjara Pulau Pinang telah dibebaskan, termasuk 20 orang tahanan Jepun yang enggan meninggalkan tempat tahanan mereka buat sementara waktu. Catatan-catatan dalam buku harian yang tidak dapat disahkan menyatakan bahawa seorang daripada tahanan Jepun itu, Dr. Matsutake, telah memainkan peranan penting untuk membentuk perkataan-perkataan bahasa Jepun dengan kain putih yang menyuakan Pulau Pinang telah diisytiharkan bandar terbuka (open city). Kain-kain ini kemudiannya diletakkan di atas Padang Datuk Keramat supaya dapat dilihat dari udara oleh pesawat-pesawat.

Ada juga berita yang melaporkan bahawa wakil-wakil daripada masyarakat Melayu, Cina, India dan Nasrani akan bernesyuarat di Sekolah Francis Light untuk membincangkan cara-cara untuk menyerahkan Pulau Pinang yang pada ketika itu tidak mempunyai sebuah kerajaan kepada Tentera Jepun.

## 18 DISEMBER

Perampasan harta, yang bermula secara kecil, telah merebak dengan lebih luas di kawasan perniagaan Georgetown yang tidak lagi mendapat perlindungan polis. Kedai-kedai dan stor-stor yang menjual barang berharga telah diceroboh dan barang dirampas. Sekumpulan perampas telah dikesan dari udara oleh pesawat-pesawat Jepun yang kemudian telah menjunam dan menembak dengan mesingun ke arah perampas-perampas tersebut, dekat dengan bangunan Mahkamah Tinggi! Beberapa orang perampas telah terkorban dan cedera di tempat kejadian. Bendera putih yang berkibar di kedai-kedai dan bangunan-bangunan menunjukkan bahawa Pulau Pinang telah menyerah kalah. Pesakit-pesakit mula meninggalkan Hospital Besar kerana pihak hospital tidak dapat membekalkan makanan.

Pada jam 1.50 petang, beberapa pesawat Jepun telah menggugurkan satu lagi alat peperangan. Yang dimaksudkan di sini ialah risalah-risalah propaganda mereka dalam Bahasa Melayu..

### *Risalah 1*

"Marilah sahabat-sahabat dengan bendera putih."

### *Risalah 2*

"Orang-orang kita telah penat ditindas oleh orang putih! Tibalah hari membebaskan diri kamu. Al Quran anak-anak Islam adalah senjata untuk menghancurkan rantai besi yang memalukan dan penganiayaan!"

"Our friends who have been weeping under the white tyranny! Now the day has come when you can be free! Here has come your saviour!"

### *Risalah 3*

"Perkhabaran!

Anak-anak Tanah Melayu dan India! Marilah turut dengan seberapa boleh segala perintah daripada soldadu kita dalam semua perkara. Marilah tolong kita – jikalau didapati seseorang mencuri harta benda orang lain ataupun membuat kelakitan yang kasar kami akan menembaknya!"

#### *Risalah 4*

"Semua orang mahukan kerajaan masing-masing berjalan seperti biasa. Jikalau didapati sesiapa yang cuba menjahanamkan barang-barang makanan, mereka akan menerima hukuman yang berat!"

Mayat-mayat serangan udara masih terbiar di merata-rata kawasan Georgetown. Sebahagian daripada mayat-mayat itu telah terbakar separuh bangun sahaja. Bau busuk dari mayat-mayat reput dan berulat menyesakkan nafas hingga beberapa batu jaulnya.

#### **19 DISEMBER**

Lebih kurang 200 orang askar Jepun telah mula bertapak di bumi Georgetown. Mereka telah menuju ke Sekolah Convent Cina di Jalan Datuk Keramat dan mendirikan markas sementara mereka di situ.

#### **20 DISEMBER**

Dua belas mayat orang Islam yang terkorban di Masjid Kling yang telah reput dan tidak dapat dikenali lagi telah dikebumikan di kawasan masjid berhampiran Lebuh Chulia.

#### **21 DISEMBER**

200 askar Jepun yang bertapak di bangunan Sekolah Convent Cina telah berpindah ke Residency.

#### **22 DISEMBER**

Markas Jepun hari ini mula mengambil alih semua kenderaan persendirian di Pulau Pinang. Semua pemilik kereta telah diarahkan supaya menyerahkan kereta masing-masing kepada askar Jepun di Padang Polo.

Beberapa buah kedai telah mula menyambungkan semula perniagaan mereka. Ikan boleh dibeli di Pasar Pulau Tikus. Senarai kakitangan Hospital Besar Pulau Pinang telah dihantar oleh kerani besarnya, Encik Lee Kok Toon, kepada Pentadbir Ketenteraan Jepun melalui Encik C.E. Robless.



## 23 DISEMBER

Tempoh terakhir untuk menyerahkan kenderaan ditetapkan pada jam 10.00 pagi hari ini. Lebih kurang 900 buah kereta telah diserahkan dan diletakkan di Padang Polo.

Banyak kedai di kawasan perniagaan Georgetown yang tidak musnah dalam serangan udara telah mula menjayakan perniagaan mereka.

## 24 DISEMBER

*Perintah Markas Jepun:*

"Any person possessing weapons, ammunitions, etc. must hand them over to the Nippon Military Administration Department at the Runnymede Hotel by latest 24 December 1941 at 12 noon. After the expiration of that date anyone found in possession will be punished.

By Order,  
Japan Military Administration Department"

"Sesiapa yang memiliki senjata api, peluru dan sebagainya hendaklah menyerahkan alat-alat tersebut kepada Jabatan Pentadbiran Ketenteraan Jepun di Hotel Runnymede selewat-lewatnya pada 24hb Disember 1941 jam 12 tengah hari. Selepas tarikh ini sesiapa yang memiliki senjata akan dihukum.

Dengan Perintah,  
Jabatan Pentadbiran Tentera Jepun"

## 25 DISEMBER

Hari ini Hari Krismas yang disambut tanpa keriangian, kemeriahan dan gelak ketawa seperti lazimnya dengan musim-musim Krismas semenjak beberapa abad yang lalu.

Masyarakat berbilang kaum - Melayu, Cina, India dan Nasrani - telah membentuk jawatankuasa perhubungan masing-masing dengan Pentadbiran Tentera Jepun untuk menjaga kepentingan, kebahagiaan dan keperluan kaum masing-masing. Jawatankuasa-jawatankuasa perhubungan Melayu, Cina dan Nasrani telah berpejabat di Hotel Runnymede, manakala jawatankuasa perhubungan India

berpejabat di Sekolah Rendah Wellesley tidak jauh dari hotel tersebut.

### **26 DISEMBER**

Abu mayat mangsa-mangsa yang telah dibakar di atas jalan, tempat terkorbaninya jiwa mereka, telah dipindahkan oleh askar-askar Aussie (Australian) yang kini di bawah tahanan Jepun ke tempat tertentu untuk dikebumikan.

### **27 DISEMBER**

Lebih kurang 250 orang mata-mata telah kembali bertugas di Balai-Balai Polis Datuk Keramat dan Magazine. Mereka berpakaian kopyah Melayu, kemeja dan seluar biasa polis dengan sekeping kain putih yang ditulis dengan perkataan Jepun tersemat di poket kiri kemeja masing-masing. Mereka tidak dilengkapi dengan senjata api.

### **28 DISEMBER**

Satu lagi perintah telah dikeluarkan oleh Jabatan Pentadbiran Jepun yang mengarahkan semua pemilik radio yang menggunakan bateri supaya menyerahkan radio-radio mereka kepada pihak Jepun tidak lewat daripada jam 5.00 petang hari ini. Pada hari ini juga semua mata-mata dibekalkan senjata.

### **29 DISEMBER**

Hari ini Hari Raya Haji. Seperti Hari Krismas, Hari Raya Haji juga dihayati oleh masyarakat Melayu dengan perasaan hampa yang tidak pernah dirasa dahulu.

Georgetown mula mengalami kekurangan makanan secara menyeluruh, yang hanya dapat dibeli dengan harga yang mahal atau harga di pasaran gelap.

Dua orang rakyat telah dipancong oleh pihak berkuasa Jepun atas tuduhan jenayah perampasan (looting) dan juga kerana menikam seorang mata-mata. Hukuman itu telah dijalankan di kawasan Ibu Pejabat Polis di Jalan Penang pada jam 9.45 pagi.

Kepala mangsa-mangsa tersebut telah dipamerkan di atas tiang batu di pintu masuk ibu pejabat tersebut.

Persatuan J.C.S.A (Junior Civil Service Association) telah mengadakan satu mesyuarat berhubung dengan pembayaran gaji bulan Disember.

### **30 DISEMBER**

Pada hari ini daerah perniagaan dan pentadbiran Georgetown mula menjalankan urusan masing-masing. Buruh daripada Pentadbiran Perbandaran dahulu telah mula bertugas untuk membersihkan dan memindahkan sampah-sarap, serpihan-serpihan batu dan lain-lain runtuhan peperangan dari tempat-tempat yang binasa kerana serangan bom. Van-van polis dan kenderaan kepunyaan Keretapi Negeri-Negeri Bersekutu Tanah Melayu (F.M.S) telah diubahsuai dan digunakan sebagai kenderaan awam di antara Ayer Hinam dan Bandar Georgetown.

### **31 DISEMBER**

Banyak berita yang menjadi halwa mulut orang ramai pada ketika itu ialah bagaimana askar-askar Jepun telah bertindak liar, buas dan ganas, yang berakhir dengan peristiwa rogol beramai-ramai! Ini adalah satu dosa yang berat, yang dikeji oleh Allah S.W.T yang dilakukan oleh nafsu liar yang terpendam dalam jiwa seseorang musuh kerana syahwat yang tidak terkawal, takbur dan kerana perasaan euphoria, iaitu perasaan senang dan bahagia rohani dan jasmani. Bukankah pada masa itu perjalanan peperangan telah menyebelahi Tentera Imperialis Dai Nippon? Sejauh mana atau sejauh mana peristiwa buruk ini telah berlaku tidak dapat dipastikan pada masa darurat ini.

Tahun 1941 telah sampai ke hari terakhirnya. Dalam beberapa jam sahaja lagi tahun yang penuh dengan peristiwa-peristiwa sejarah akan meninggalkan kita ke alam silam. Rakyat Pulau Pinang yang dilanda oleh peperangan yang begitu dahsyat telah terkejut dan terperanjat seketika mengenangkan nasib dan suasana persekitaran mereka, yang kini muram dan penuh dengan kehampaan, keruntuhan

semangat, badi, kebingungan tentang masa hadapan mereka dan yang paling menyedihkan kehilangan kebebasan mereka. Walaupun kebebasan itu juga terhad di bawah pemerintahan Imperialis British, tetapi ia tetap dirasai sebagai kebebasan, tidak seperti kebebasan totaliterisme yang ditunjukkan oleh orang imperialis dari negara matahari terbit itu.

## 1942 - TAHUN KENGERIAN

**SINAR** matahari yang merah kesumba mula kelihatan di ufuk timur, yang mencanangkan ketibaan tahun baru 1942. Tidak seperti tahun-tahun yang lalu, ketibaannya telah berlalu tanpa keriuhan dan keriangian yang biasanya dikaitkan dengan sambutan tahun baru. Ini kerana Pulau Pinang kini berada dalam cengkaman Tentera Imperialis Jepun. Berita-berita kezalimannya di benua China telah sampai terlebih dahulu ke bumi Semenanjung Tanah Melayu, yang mencuit-cuit peristiwa kengerian di benua itu yang kini akan berlaku di tanah air kita sendiri. Tahun 1942 akan dipenuhi dengan peristiwa kengerian yang membawa penderitaan yang tidak terkira kepada semua lapisan masyarakat kecuali mereka yang menjadi tali barut Tentera Imperialis Jepun.

### 1 JANUARI

Pada hari ini seluruh kawasan Masjid Kling telah dibersihkan dengan bergotong-royong. Insya-Allah solat jemaah yang terhenti buat seketika waktu dahulu sejak masjid dibom pada 11 Disember 1941 akan disambungkan semula.

### 2 JANUARI

Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang yang terletak di bangunannya yang indah di Jalan Penang telah dipindahkan

ke Sekolah Rendah Convent Cina di Jalan Datuk Keramat buat sementara waktu. Bangunannya di Jalan Penang telah diambil alih oleh Jabatan Pentadbiran Tentera Jepun.

### **6 JANUARI**

Satu berita daripada mulut Encik Mohd Yusuff sendiri, yang bertugas di Inspektorate Elektrik Perbandaran Georgetown, menceritakan bagaimana beliau telah ditahan oleh seorang askar Jepun yang sedang memandu sebuah kereta jenis Morris 5. Motosikal jenis berat yang dipandu oleh Encik Mohd Yusuff pada ketika itu telah dirampas oleh askar Jepun tersebut dan ditukarkan dengan kenderaannya! Cerita ini menunjukkan sikap askar-askar Jepun yang tidak menghiraukan harta benda rakyat dan merampasnya sesuka hati mereka.

### **8 JANUARI**

Encik B.E. Ross, seorang peguam terkenal yang telah ditahan oleh Tentera Jepun, telah kelihatan di serambi Ibu Pejabat Tentera Imperialis Jepun bersama-sama seorang Eropah yang tidak dikenali.

### **9 JANUARI**

Sebuah akhbar harian Melayu, Pancaran Matahari (Jawi) mula dipasarkan hari ini. Akhbar yang mempunyai empat halaman itu dijual dengan harga dua sen. Pencetak dan pengarangnya ialah Encik Mohd Yunus.

Barang keperluan harian mula dapat dibeli dengan harga yang mahal di beberapa tempat.

Dr. Boo telah mengambil alih jawatan Ketua Pegawai Perubatan Pulau Pinang daripada Dr. S.M. Baboo pagi ini. Dr. Boo ialah seorang doktor pembantu kepada Dr. Gan di sebuah klinik persendirian di Georgetown.

### **10 JANUARI**

Banyak lagi risalah telah digugurkan dari udara di sekitar Georgetown oleh pesawat-pesawat Jepun.

**Risalah 1** (Tulisan Jawi di atas kertas merah)

"Kepada rakan-rakan kita yang berbangsa Melayu dan Hindu. Kami fikir engkau semua sudah tahu beberapa ribu rakan-rakan engkau di dalam negeri Kedah yang lari masuk ke sebelah Jepun dan pada masa ini duduk bersama-sama kami menanti masa '**Perintah Baru**' datang ke Timur Asia. Yang cuma engkau patut bawa ialah alat peperangan. Sila datang menjadi kawan kita. Kita menunggu kedatangan engkau."

**Risalah 2** (Tulisan Jawi di atas kertas putih)

"Kepada rakan-rakan kita yang berbangsa Hindu dan Melayu. Sungguhpun orang putih itu orang yang memelihara engkau yang engkau menghilangkan nyawa kepadanya. Adakah darah hamba semacam darah mereka itu? Adakah orang putih itu memberi kesukaan atau keamanan kepada engkau? Adakah apa-apa dalam kedudukan engkau setiap hari yang boleh dikatakan semacam dengan mereka itu? Di dalam perkara agama atau pelajaran dan lain-lainnya? Sangatlah menjadi hairan dan dahsyat kelakitan orang putih itu memelihara engkau semua."

Bibit-bibit bencikan penjajah Inggeris sedang diteruskan.

**Risalah 3**

"Bila Jepun buat serbuk yang kuat ini! Sangatlah kuat kereta kebal Jepun ini! Senapang kereta kebal mereka tidak rosakkan kereta Jepun ini! Peluru-peluru mereka tidaklah berguna!"

Ibu Pejabat Jawatankuasa Perhubungan Melayu yang bertapak sementara di rumah Encik M.N. Hashim, selepas bertapak di Hotel Runnymede, telah berpindah ke Sekolah Rendah Convent Gina di Jalan Datuk Keramat. Ibu Pejabat Jawatankuasa Perhubungan India juga telah berpindah ke tapak yang sama. Sementara itu, Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang telah berpindah ke satu tempat lain yang tidak dapat dipastikan pada ketika itu.

### **11 JANUARI**

Semua sekolah Melayu di Pulau Pinang telah dibuka semula setelah ditutup pada 11 Disember 1941. Akhbar Pancaran Matahari melaporkan Bangkok telah dibom oleh pesawat R.A.F. Menurut berita tidak rasmi, Sungai Petani juga diserang oleh R.A.F.

### **12 JANUARI**

Pada jam 2.45 petang, tiga buah pesawat udara Jepun telah menggugurkan lebih kurang 12 biji bom dalam dua serangan ke atas Bukit Bendera kerana mensyaki beberapa orang askar British bersembunyi di situ.

Berita-berita rasmi Jabatan Pentadbiran Tentera Jepun telah mula disiarkan menerusi alat pembesar suara yang dipasang di pondok pancaragam di Padang Datuk Keramat.

Perintah berkurung yang telah dikuatkuasakan oleh Tentera Imperialis Jepun tempoh hari dari jam 8.00 malam hingga 6.00 pagi telah diubah pada masa yang baru dari jam 9.00 malam hingga 5.00 pagi.

### **13 JANUARI**

Menurut satu berita rasmi Jepun, tiga buah kapal laut British telah diserang oleh Tentera Udara Jepun dengan bom dan torpedo di Selat Melaka dan tenggelam.

### **16 JANUARI**

Akhbar Pancaran Matahari telah melaporkan kejatuhan Kuala Lumpur ke tangan Jepun pada 11 Januari dan bendera Jepun telah mula berkibar di kota itu pada jam 6.00 pagi.

Pertempuran sengit yang berlaku di Seremban telah merebak ke sempadan Melaka.

### **17 JANUARI**

Berita rasmi Jepun yang disiarkan dari pondok pancaragam Padang Datuk Keramat menyatakan bahawa bandar Singapura telah diserang hebat dari udara, siang dan malam. Dalam satu pertempuran udara yang sengit, 10 buah pesawat udara British dilaporkan telah ditembak jatuh.



## 18 JANUARI

Satu lagi serangan udara telah dilakukan oleh pesawat Jepun ke atas Bukit Bendera ekoran serangan pertama dua hari yang lalu.

Menurut berita Pancaran Matahari, beras mula diberikan percuma kepada orang Melayu menerusi masjid-masjid di Georgetown dan di beberapa kawasan yang lain kerana banyak orang miskin mula mengalami tanda-tanda kebuluran.

## 19 JANUARI

Hari ini hari pertama bulan Muharam bagi tahun 1361. Bagi kali pertama dalam sejarah Pulau Pinang, boria mengikut cara tradisional tidak diadakan lagi bukan sahaja pada tahun ini tetapi buat selama-lamanya.

Serangan udara yang ketiga ke atas bukit Bendera telah dilakukan oleh tiga pesawat udara Jepun.

Askar Jepun mula bertindak ganas di beberapa jalan raya Georgetown apabila mereka meragut tali leher yang dipakai oleh sebilangan rakyat kerana mereka bencikan pakaian yang mirip kebudayaan British.

Rakyat yang melalui sekatan jalan terpaksa menanggalkan topi dan kemudian menunduk ala Jepun tanda memberi hormat kepada mereka.

Menurut berita Pancaran Matahari, Melaka telah jatuh ke tangan Jepun pada 15 Januari dan diikuti dengan Batu Pahat pada 16 Januari.

Dua buah bank, Overseas Chinese Bank dan Ban Hin Lee Bank telah mula membuka pintu untuk perniagaan setelah ditutup semenjak 11 Disember 1941.

Sebuah kereta bernombor P 779 yang dipandu oleh seorang askar Jepun dan ditemani oleh dua orang rakannya telah rosak berhampiran Balai Polis Datuk Keramat. Setelah gagal menghidupkan semula enjin kereta tersebut, mereka telah menolak kereta itu ke dalam longkang berhampiran dan kemudian meninggalkan tempat itu sambil menendang kereta itu. Mereka juga telah menampar beberapa orang

rakyat yang melihat peristiwa itu. Begitulah sombongnya askar Jepun pada ketika itu.

### **21 JANUARI**

Satu lagi serangan udara telah dilakukan ke atas Bukit Bendera oleh Tentera Udara Jepun dan lapan letupan telah kedengaran di atas bukit tersebut.

### **27 JANUARI**

Barang keperluan harian mula sukar didapati dan jika dapat dibeli harganya terlalu mahal.

Kakitangan Polis mula dibekalkan barang-barang keperluan seperti berikut:

2 cupak beras,

1 kotak rokok, dan

10 sen seorang setiap hari.

Harga ikan boleh dikatakan murah tetapi sayur-sayuran semakin mahal kerana penanamnya telah terganggu.

### **31 JANUARI**

Hari ini Hari Thaipusam yang dirayakan tanpa perarakan tokong, yang telah dipindahkan ke kuil di Jalan Waterfall sebelum Georgetown ditawan oleh Tentera Jepun. Walau bagaimanapun, upacara mengangkat kavadi telah dibenarkan oleh Jabatan Pentadbiran Jepun.

### **1 FEBRUARI**

Akhbar Pancaran Matahari melaporkan bahawa Tambak Johor telah dibedil oleh Tentera Jepun dari udara dan darat dan askar-askar British mula berundur ke kawasan tengah Singapura.

### **3 FEBRUARI**

Menurut berita rasmi Jepun, bandar Johor Bahru telah ditawan oleh askar-askarnya.

### **9 FEBRUARI**

Menurut berita rasmi Agensi Domei, Tentera Imperialis



**LT. JENERAL ARTHUR E PERCIVAL**

Jeneral Pemerintah, (General Officer Commanding), Malaya Command, sedang mengucap tahniah kepada Lt. Ibrahim Alla

Detta yang dikurniakan Pingat Keberanian Military Cross

(Foto : Sumber Arkib Negara Malaysia)

Dai Nippon telah mendarat di bumi Singapura dan pertempuran hebat telah berlaku antara askar-askar Jepun dan British.

### **11 FEBRUARI**

Satu perarakan Chingay telah diadakan pagi ini oleh masyarakat Cina untuk menyambut Hari Empayar Jepun yang ke 2602.

Dua biji bom tangan telah dilempar oleh penentang-penentang Jepun yang tidak dikenali ke arah orang yang memikul bendera Jepun di bahagian kepala perarakan di Jalan Burmah berhampiran Taman Hiburan New World. Lapan orang telah tercedera termasuk 5 parah. Dua daripada yang cedera parah itu telah meninggal dunia di Hospital Besar Pulau Pinang.

### **14 FEBRUARI**

Semua mata-mata Melayu yang bertugas di Balai Polis Datuk Keramat telah dipindahkan ke Balai Polis Jalan Prangin dan tempat mereka telah diambil alih oleh mata-mata Cina.

### **15 FEBRUARI**

Hari ini Hari Tahun Baru Cina yang disambut dalam suasana yang amat menyedihkan oleh semua masyarakat tanpa keriangian, keriuhan dan pembakaran mercun yang biasanya dikaitkan dengan perayaan tersebut.

Hari ini hari detik hitam dalam sejarah kerajaan British kerana Singapura telah jatuh ke tangan Tentera Imperialis Jepun. Lebih kurang 130,000 orang askar British, di bawah perintah Lt. Jen. Arthur E. Percival, telah menyerah diri kepada 30,000 orang askar Jepun di bawah perintah Lt. Jen. Tomoyuki Yamashita di bengkel Ford di Jalan Bukit Timah, Singapura, setelah berperang selama dua bulan.

### **17 FEBRUARI**

Mulai hari ini Singapura telah diberikan nama baru oleh kerajaan Jepun - Syonan-To.

Setelah harganya dikawal sejak beberapa hari yang lalu, rokok kini sukar ditemui di seluruh Georgetown.

## **22 FEBRUARI**

Berita-berita rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pentadbiran Tentera Jepun mula disiarkan menerusi radio dari pusat pemancarnya di Jalan Perak, yang dikenali sebagai Malaya Broadcasting Station (Penang). Stesen pemancar radio ini di bawah pemerintahan penjajah British dahulu dikenali sebagai "Station Z.H.J. of the Penang Wireless Society", yang memancar siarannya pada gelombang 49.3 meter. Juruhebah British yang terkenal pada masa itu ialah Puan Colin King, isteri kepada The Rev. Colin King, seorang guru bahasa Inggeris terkemuka di Penang Free School.

## **23 FEBRUARI**

Menurut satu berita Radio Pulau Pinang, 18,230 orang askar Australia telah terkorban dalam peperangan sengit di Singapura.

## **24 FEBRUARI**

Satu rompak bersenjata telah berlaku di sebuah kedai di Lebuh Kimberley semalam. Dua orang perompak telah ditembak mati oleh pihak Polis.

Dua orang anak Melayu jati Pulau Pinang yang menjalani kursus kedokteran di King Edward VII College of Medicine Singapore – Encik Abdul Wahab b. Md. Ariff dan Encik Abdul Aziz b. Omar – telah selamat kembali ke Georgetown setelah mengalami peristiwa sedih dan mengerikan di kampus kolej tersebut. Beberapa orang rakan mereka telah terkorban akibat tembakan dua hala semasa peperangan berlaku. Setelah peperangan berakhir mereka berdua akan mencipta kehidupan yang amat cemerlang dan membanggakan dalam iktisas dan perkhidmatan masing-masing.

Datuk Dr. Abdul Wahab Mohd Ariff telah memegang jawatan Ketua Pegawai Perubatan dan Kesihatan di beberapa buah Negeri Semenanjung Malaysia termasuk Brunei. Akhirnya beliau telah bersara sebagai Timbalan Pengarah

Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Selepas bersara, Datuk Abdul Wahab Mohd Ariff telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Datuk Dr. Abdul Wahab Mohd Ariff akhir-akhir ini telah mengarang sebuah buku yang menceritakan peristiwa berdarah di kampus kolej tersebut.

Manakala Datuk Dr. Abdul Aziz Omar pula telah mengharumkan namanya sebagai doktor swasta yang terkenal di Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga telah memegang beberapa jawatan lain selain menjadi ahli Dewan Rakyat pada satu ketika dahulu.

## **25 FEBRUARI**

Berita Pancaran Matahari melaporkan bahawa Los Angeles telah dibedil dari laut oleh Tentera Laut Jepun pada 23 Februari.

## **28 FEBRUARI**

Menurut satu berita daripada Che Ahmad b. Mohd Taib, seorang terkenal di Balik Pulau (sahabat karib Kapt. Baba Ahmed), pihak MPAJA telah cuba menunjukkan kuasanya di Balik Pulau apabila pihak polis cuba menahan mereka. Dua biji bom tangan yang dilemparkan ke arah polis tidak menyebabkan sebarang kecederaan. Pergolakan ini telah berlaku berhampiran rumah Tuan Hj. Puteh tidak beberapa jauh dari bangunan hospital. Tiga orang telah ditahan oleh polis dan dua daripada mereka telah cuba membunuh diri semasa di dalam tahanan.

## **9 MAC**

Satu berita yang boleh dipercayai melaporkan bahawa Rangoon telah ditawan oleh Tentera Imperialis Jepun pada jam 10.00 pagi.

## **10 MAC**

Domei melaporkan bahawa Tanah Jajahan Belanda di Timur India (Dutch East Indies) telah menyerah kalah tanpa

syarat kepada Tentera Imperialis Jepun pada jam 3.00 petang setelah pertempuran sengit berlaku selama sembilan hari.

Sebuah akhbar baru – The Penang Daily News – dalam Bahasa Inggeris telah dipasarkan mulai hari ini.

#### 14 MAC

Lt. Jen. Shotaro Katayama telah tiba di Georgetown dari Singapura pada jam 10.30 pagi untuk menjalankan tugasnya sebagai Gabenor Jepun yang pertama.

#### 16 MAC

Satu pengisytiharan telah dibuat oleh Gabenor baru Pulau Pinang.

Terjemahan dalam Bahasa Melayu:

“Saya telah menerima perintah yang melantikkan saya sebagai Gabenor Pulau Pinang dan mulai hari ini saya telah memegang jawatan tersebut. Saya akan memerintah kawasan ini dan akan menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada saya untuk melaksanakan satu pentadbiran ketenteraan. Saya ingin menerangkan di sini prinsip-prinsip tentang pentadbiran dan tugas-tugas yang akan disempurnakan oleh setiap rakyat. Kamu, pegawai-pegawai dan orang awam yang dahulunya di bawah penaklukan British, telah menentang dasar Lingkungan Pengaruh Kemakmuran Bersama Asia Tenggara (Greater East Asia Co-prosperity Sphere), yang diamalkan oleh Empayar Imperialis Dai Nippon. Tetapi sekarang kamu telah bangun daripada impian kamu! Saya berharap kamu akan merasa kesal kerana kesalahan kamu dahulu. Kamu mesti memahami dengan jelas sebab-sebab Peperangan Besar Asia ini telah berlaku. Sekarang kamu hendaklah menunjukkan sikap dedikasi dan taat setia kamu kepada Empayar Imperialis Dai Nippon. Kamu, pegawai-pegawai dan orang awam, hendaklah menjalankan tugas kamu dengan baik, sambil membuktikan dengan sesungguhnya kekesalan kamu. Saya akan melindungi kamu dan hak-hak pegawai dan orang awam yang taat setia kepada kami. Hukuman berat akan dikenakan terhadap mereka yang

tidak mengikut perintah tanpa belas kasihan. Pegawai-pegawai saya akan memimpin orang awam dalam urusan harian mereka. Kamu hendaklah menjalankan tugas-tugas kamu dengan jujur dan gembira dan cuba seberapa boleh untuk mengelakkan sebarang kesilapan.

Saya yang mengisytiharkan perintah di atas,  
Shotaro Katayama, Gabenor Pulau Pinang.  
15hb Mac Tahun Showa 2602.

Akhbar Pancaran Matahari melaporkan satu petikan berita ringkas dari Buenos Aires, yang menyatakan bahawa kapal penumpang laut British 'Queen Mary' yang telah diubahsuai dan seberat 81,535 tan telah dibedil dengan torpedo.

## **20 MAC**

Pancaragam Tentera Laut Jepun telah mengadakan satu persembahan muzik di atas sebuah pentas khas di Padang Datuk Keramat dari jam 5.00 petang hingga 7.00 malam.

Dua bas troli telah mula membuat perjalanan ujian sebelum perkhidmatan biasa dimulakan.

Dua orang pemuda Cina telah digari pada tiang bas troli di persimpangan Jalan Datuk Keramat dan Jalan Perak kerana dituduh mencuri basikal.

## **21 MAC**

Lt. Jen. S. Katayama merasmikan perkhidmatan bas troli. Upacaranya telah diadakan di Pejabat Pentadbiran Cawangan Trafik di Ibu Pejabat Polis Jalan Penang pada jam 3.00 petang. Antara 10 dan 15 buah bas troli akan menyambungkan semula perkhidmatan mereka esok dari jam 6.30 pagi hingga 7.00 malam. Perkhidmatan tersebut telah terputus semenjak Georgetown dibom pada 11 Disember 1941.

Perpustakaan Pulau Pinang juga telah menyambung semula perkhidmatan dengan bayaran tahunan yang lebih murah.

## **27 MAC**

Sistem lampu jalan di beberapa kawasan Georgetown telah digunakan semula tetapi lampu-lampu di dalam bangunan-



bangunan hanya boleh digunakan dengan syarat cahaya dari sumber dan cahaya pemantulan tidak kelihatan dari luar.

### **28 MAC**

Satu berita melaporkan bahawa Encik N. Ragavan telah mewakili Malaya ke Persidangan Pertubuhan Kemerdekaan India di Tokyo mulai hari ini. Encik N. Ragavan ialah seorang peguam terkemuka di Pulau Pinang dan telah dilantik sebagai Pengerusi Pertubuhan Kemerdekaan India (Indian Independence League) Cawangan Malaya. Pertubuhan ini diasaskan oleh Encik Subhas Chandra Bose untuk membebaskan India daripada penaklukan British dengan bantuan Dai Nippon.

### **29 MAC**

Siaran Radio Singapura telah memulakan perkhidmatannya kelmarin. Pejabat Pos Besar Pulau Pinang pula telah memulakan perkhidmatannya hari ini serentak dengan pejabat-pejabat pos kecil di Ayer Hitam, Balik Pulau, Bayan Lepas, Datuk Keramat, Lebuh Pitt dan Pulau Tikus.

Hari ini Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Satu perayaan besar-besaran telah diadakan oleh masyarakat Islam di Sekolah Arab Al-Mashoor di Lebuh Teck Soon. Majlis ini telah dipengerusikan oleh Dr K.M. Ariff dan setiausahanya ialah Encik Hamid Khan J.P.

### **30 MAC**

Pada jam 1.00 tengah hari, Jalan Penang telah ditutup kepada lalu lintas dan rakyat tidak dibenarkan berada di kaki lima. Semua kediaman telah diarahkan supaya menutup semua pintu dan tingkap mereka. Ini adalah kerana pembesar-pembesar Jepun hendak melalui jalan tersebut.

### **2 APRIL**

*Notis Kerajaan:*

"Semua penghuni rumah kediaman kerajaan dan perbandaran akan dikenakan bayaran 30% daripada kadar

sewa dahulu yang akan berkuatkuasa mulai dari 1 Mac. Semua penghuni hendaklah mengemukakan butir-butir diri kepada Pegawai Y/M Hal Cukai di Pejabat Tanah Pulau Pinang.”

### **3 APRIL**

Lumba kuda telah diadakan semula oleh Kelab Lumba Kuda petang ini setelah perlumbaan dihentikan semenjak Georgetown dibom pada 11 Disember 1941.

Taman Hiburan Wembley telah dibuka semula dengan persembahan bangsawan dan opera Cina, permainan-permainan judi dan hiburan sampingan yang lain.

### **4 APRIL**

Satu perintah daripada Gabenor Pulau Pinang, Lt. Jen. S. Katayama, telah membubarkan jawatankuasa perhubungan, yang ditubuhkan oleh empat kaum masyarakat Pulau Pinang, mulai pada 2 April. Tugas-tugas pentadbiran mereka telah tamat pada hari itu dan diambil alih oleh Pejabat Gabenor.

Beberapa perlantikan untuk jawatan Pemangku Pegawai Daerah diumumkan hari ini oleh Lt. Gen. S. Katayama yang akan berkuatkuasa mulai 1 April 2602. -

- |                          |   |                |
|--------------------------|---|----------------|
| 1. Encik S A Mohd Noor   | - | Bukit Mertajam |
| 2. Encik A G Mohd Hashim | - | Butterworth    |
| 3. Encik Tay Hooi Soo    | - | Sg Bakap       |

### **5 APRIL**

Operasi lingkaran penjagaan (cordon) telah dilancarkan oleh askar-askar Jepun dan Polis di beberapa kawasan Georgetown untuk mengesan anasir-anasir komunis. Semua rakyat di kawasan tersebut telah diusir keluar dari rumah masing-masing untuk berhimpun di satu tempat. Kemudian mereka diarah berjalan melalui sebuah pondok kecil. Di situ seorang yang bertopeng akan mengesan anasir-anasir komunis atau penyokong-penyokongnya. Satu operasi seperti ini telah diadakan secara besar-besaran di Kampung Mahi, Jalan Perak iaitu satu kawasan pelarian orang Cina dari kawasan perniagaan Georgetown.

## **7 APRIL**

Operasi cordon telah diberhentikan petang hari ini. Beratus-ratus rakyat masyarakat Cina telah berhimpun di hadapan Penjara Pulau Pinang untuk mencari maklumat tentang saudara mara mereka yang telah ditahan.

## **8 APRIL**

Kereta-kereta yang ditahan di Padang Polo telah dikembalikan kepada pemilik-pemilikinya tetapi tidak boleh digunakan mengikut satu arahan. Hanya 661 buah kenderaan persendirian sahaja daripada 3900 buah kenderaan diberi lesen pengangkutan jalan.

## **11 APRIL**

Pulau Krismas, seluas 6 batu persegi, telah ditawan oleh Tentera Jepun.

## **13 APRIL**

Satu notis kerajaan mengumumkan bahawa Jabatan Kawalan Makanan Pulau Pinang, menerusi sebuah persatuan Jepun, akan menjual gula kepada peruncit-peruncit untuk diedarkan kepada rakyat mengikut satu sistem catuan, iaitu empat tahil bagi seorang dengan harga 20 sen sekati.

## **14 APRIL**

'Big Ben' Pulau Pinang iaitu sebuah jam besar di Padang Kota telah mula mencanangkan waktu semenjak tiga hari yang lalu.

### *Notis Kerajaan:*

"Semua penghuni rumah kediaman kerajaan dan perbandaran yang belum mengemukakan butir-butir diri mereka kepada Bahagian Cukai di Pejabat Tanah hendaklah berbuat demikian sebelum 25 April ini. Jikalau tidak mereka akan diusir keluar dari rumah masing-masing. Penghuni tanpa izin hendaklah mengosongkan rumah mereka pada hujung bulan ini dan kemudian melaporkan kepada Bahagian Cukai. Sewa rumah untuk rumah-rumah kediaman kerajaan telah dikurangkan sebanyak 50% daripada kadar

dahulu mulai dari 26 April. Mereka yang dahulunya berkhidmat dengan kerajaan British tetapi sekarang menganggur dinasihatkan supaya berkongsi dengan penghuni-penghuni sah dan tidak menghuni bersendirian seperti dahulu. Peraturan ini adalah sementara sahaja. Segala sewa rumah hendaklah dibayar. Semua kakitangan yang mendiami rumah-rumah kerajaan tanpa sewa dibenarkan berbuat demikian buat sementara waktu. Kedudukan mereka sedang dipertimbangkan."

## 17 APRIL

### *Notis Kerajaan:*

Semua pemilik radio di Pulau Pinang di kawasan yang mempunyai bekalan elektrik dan semua pemilik radio bateri diarahkan supaya mendaftarkan radio masing-masing di Pejabat Telefon dan Telegraf di Lorong Madras tidak lewat dari 30 April 2602. Bayaran \$5.00 setahun akan dikenakan atas tiap-tiap radio dari hari pertama bulan keluaran. Lesen-lesen yang dikeluarkan oleh rejim dahulu kini tidak sah lagi. Pemilik-pemilik radio yang tinggal di kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik hendaklah juga mendaftarkan radio mereka tanpa bayaran. Alat-alat radio boleh digunakan tetapi pemilik-pemiliknya hanya dibenarkan menerima siaran-siaran radio Kuasa Axis sahaja. Kerajaan berharap para pendengar tidak akan mengingkari nasihat ini dan mengkhianati kepercayaan yang telah diamanahkan kepada mereka. Siaran propaganda dari stesen-stesen musuh akan meracunkan fikiran rakyat. Hasrat pertama Tentera Jepun adalah semata-mata untuk menentukan keamanan dan kegembiraan rakyat yang sentiasa hendaklah bertenang dan berdamai. Sesiapa yang didapati menggunakan radio untuk menerima siaran dari stesen-stesen musuh akan dianggap sebagai membuktikan ketidaksetiaannya terhadap kami dan tindakan seperti ini adalah jijik dari segi pandangan rakyat Nippon. Orang seperti ini boleh didenda tidak kurang daripada \$50.00 dan radio mereka akan dirampas.

Mulai malam ini (16.4.2602), peraturan tentang

penentuan keberkesanan separuh penggelapan (brown out) telah diubah. Peraturan ini akan berkuatkuasa mulai dari tengah malam hingga 6.00 pagi (waktu Tokyo) sehingga notis baru dikeluarkan.

Serentak dengan itu waktu perintah berkurung ialah dari tengah malam hingga 6.00 pagi.

Cukai telah dikenakan ke atas basikal dengan kadar \$2.00 setahun.

Pawagam Queens telah diberikan nama baru - Kyo-Ri Eiga Gekijyo (Co-Prosperity Cinema Hall).

### **18 APRIL**

Persatuan Cina Seberang Laut Pulau Pinang (Penang Overseas Chinese Association) atas desakan kerajaan Imperialis Jepun telah mula mengutip derma 'Keikhlasan Hati' daripada masyarakat Cina Pulau Pinang dan Seberang Perai berjumlah \$7 juta ringgit. Tarikh tutup ialah pada 25 April. Kutipan ini adalah sebagai hadiah kepada Tentera Maharaja Imperialis Jepun.

### **19 APRIL**

Satu majlis untuk memperingati mereka yang terkorban akibat nahas udara semasa dalam penerbangan ke Tokyo untuk menghadiri Persidangan Pertubuhan Kemerdekaan India telah diadakan di Bangkok hari ini.

Semua kedai tuak telah dibuka semula untuk perniagaan.

Penang Daily News hari ini melaporkan Bandar Raya Tokyo telah diserang dari udara buat kali pertama pada jam 12.30 tengah hari kelmarin apabila sekumpulan pesawat udara musuh telah kelihatan di sekitar ruang udara Tokyo. Pesawat-pesawat tersebut telah gagal menembusi udara pusat bandar raya itu tetapi hanya berjaya ke pinggir bandar sahaja. Beberapa buah sekolah dan hospital telah mengalami kerosakan akibat serangan bom. Sembilan pesawat musuh telah ditembak jatuh. Serangan ini telah membangkitkan kemarahan rakyat Jepun kerana pengeboman yang tidak memilih sasaran.

Oleh kerana kehaudalan dan keberanian Tentera Udara Jepun, pesawat-pesawat Amerika Syarikat tidak dapat menembusi ruang udara Kobe, Nagasaki dan pelabuhan lain. Bom-bom yang digugur tanpa pemilihan sasaran ketenteraan hanya memusnahkan pinggir-pinggir kampung sahaja.

### **23 APRIL**

Penang Daily News hari ini telah menyenaraikan nombor-nombor pendaftaran 60 buah motosikal berat yang perlu diserahkan kepada Ryo Kyoku (Jabatan Pendaftaran Kenderaan).

Semua tuan punya rumah yang rosak akibat serangan udara dikehendaki merobohkan ataupun memperbaiki rumah masing-masing mengikut mana yang sesuai.

Sesiapa yang memiliki pistol, rifel, senjata api yang lain, hendaklah melaporkan diri kepada Polis Tentera Jepun di Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang dengan serta merta. Hukuman mati akan dikenakan ke atas mereka yang memiliki senjata api tanpa kebenaran.

Syarikat Eastern Smelting telah dibuka semula dengan rasminya oleh Lt. Jen. S. Katayama pagi ini. Syarikat ini dahulunya dimiliki oleh sebuah syarikat British yang beribu pejabat di London.

Satu pengumuman kerajaan menyatakan Hari Keputeraan Maharaja Hirohito akan diraikan pada 29 April 2602. Semua bangunan hendaklah mengibar bendera Jepun. Kenderaan-kenderaan juga hendaklah mengibar bendera kecil.

Satu notis rasmi kerajaan mengumumkan pembukaan semula 25 buah Sekolah Rendah Melayu, 21 buah Sekolah Rendah Cina dan 10 buah Sekolah Rendah India di Pulau Pinang dan Seberang Perai dengan peraturan-peraturan berikut:

- 25.4.2602 Pendaftaran murid-murid
- 28.4.2602 Raptai untuk meraikan Hari Keputeraan Maharaja Hirohito.

- 29.4.2602 Perarakan Hari Keputeraan Maharaja Hirohito.  
1.5.2602 Permulaan Pelajaran

Syarat-syaratnya:-

1. Kemasukan ke sekolah adalah percuma.
2. Buku-buku teks akan diberikan percuma.
3. Ibu bapa hendaklah mengambil peluang yang disediakan untuk anak-anak mereka dengan secepat mungkin kerana kekosongan yang terhad.

## **26 APRIL**

Masyarakat Cina telah diberitahu pagi ini Jawatankuasa Persatuan Cina Seberang Laut Pulau Pinang bersedia untuk menerima emas dengan harga \$1.40 setahil sebagai gantian terhadap derma "Keikhlasan Hati" kepada kerajaan Jepun sekiranya mereka kekurangan wang tunai.

Oleh kerana kekurangan tenaga guru, hanya 9 buah sekolah akan dibuka pada 1 Mei 2602 dan yang baki akan dibuka pada 1 Jun 2602. Sebuah pusat latihan perguruan akan dibuka pada 1 Mei 2602 sebagai langkah untuk mengatasi kekurangan tersebut.

Pawagam Majestic di Jalan Khoo Sian Ewe telah memulakan tayangan pelbagai filem yang dirampas oleh kerajaan Jepun dengan nama barunya - "Penan Eiga Gekijyo."

## **27 APRIL**

*Notis Kerajaan:*

Berita angin yang tidak berasas yang semakin memuncak menyatakan, kononnya, pesawat-pesawat udara musuh akan mengebom Georgetown pada 29 April 2602 iaitu pada hari Keputeraan Maharaja Hirohito. Pihak Pentadbiran Jepun telah menegaskan bahawa berita angin ini telah disebarkan oleh musuh yang tidak bertanggungjawab untuk membangkitkan keadaan kelim kabut di kalangan rakyat.

Sesiapa yang didapati bersalah kerana menyebarkan berita-berita palsu akan menerima hukuman yang berat.

Rakyat telah diseru supaya memberikan kepercayaan penuh kepada kerajaan Nippon dan mereka hendaklah terus menunaikan tugas-tugas harian mereka dalam keadaan aman yang terjamin.

Laporan segera hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa terhadap mereka yang menyebarkan berita angin yang tidak berasas itu.

## **29 APRIL**

Hari ini Hari Keputeraan Maharaja Hirohito yang ke 42.

Murid-murid sekolah daripada beberapa buah sekolah telah berbaris dan menghadap ke arah Negera Jepun di sekolah masing-masing untuk memberi hormat kepada Maharaja Hirohito dengan serentak apabila semboyan berbunyi tepat pada jam 8.00 pagi.

Murid-murid ini kemudian telah berhimpun di Padang Datuk Keramat untuk memulakan perarakan ke Rumah Gabenor untuk mendengar ucapan daripada pegawai yang terutama itu. Ucapannya telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu, Cina, India dan Sikh.

Perhimpunan kemudian terus bergerak cara teratur dari rumah Gabenor diiringi oleh perarakan Chingay melalui Jalan Residency, Jalan Lumba Kuda dan Jalan MacAlister. Murid-murid telah menamatkan perarakan mereka di Padang Datuk Keramat. Pihak Chingay telah bersurai di Simpang Enam (Magazine).

## **1 MEI**

Dispensari Pesakit Luar Lebuah Buckingham telah dibuka semula setelah ditutup semenjak 11 Disember 1941.

## **2 MEI**

Perkhidmatan kereta api dari Padang Besar ke Syonan-To (Singapura) telah dilancarkan semula hari ini.

Sebuah bank baru - The Yokohama Specie Bank - telah dibuka hari ini.



Panggung Windsor, yang nama barunya Yamata Cinema Hall, telah dibuka semula dan mula menayangkan filem Inggeris, Mandarin dan sebagainya yang dirampas oleh kerajaan Jepun daripada harta-harta ketinggalan orang Inggeris.

Satu berita dari Tokyo menyatakan Mandalay di Burma telah ditawan oleh Jepun pada 1 Mei.

Pejabat Gabenor telah mengumumkan hari ini, Penang masih dikenali sebagai Penang dan bukan Tojo-To atau Peenan.

## **6 MEI**

*Pengumuman Pejabat Gabenor:*


Panglima Agung Lt. Jen. T. Yamashita (Harimau Malaya), yang telah mencipta kejayaan cemerlang dalam serangan ke atas Singapura, akan melawat Pulau Pinang. Semua bangunan hendaklah mengibar bendera Nippon hari ini dan esok.

Pemilik-pemilik radio telah diberi amaran supaya jangan menyambung alat-alat radio mereka terus kepada talian elektrik awam untuk mendapatkan tenaga. Sesiapa yang didapati bersalah akan menerima hukuman berat.

## **8 MEI**

Satu berita dari Tokyo menyatakan askar-askar Jepun telah menyeberangi sempadan dan telah menawan Yunan dan Lashio.

Berita juga melaporkan kononnya ada sekumpulan pedagang British yang ingin mencari satu kompromi dengan Kuasa Axis kerana Great Britain telah kehilangan 612 buah kapal dagang berjumlah 3,028,000 tan, Sweden 100 buah kapal berjumlah 255,000 tan, USA 50 buah kapal berjumlah 368,000 tan. Pihak Jepun hanya telah kehilangan 2 buah kapal berjumlah 21,000 tan!



**LT. JENERAL TOMOYUKI YAMASHITA,**

Jeneral Pemerintah, Tentera Jepun ke 25, Kempen Malaya- Singapura, yang menerima gelaran 'HARIMAU MALAYA' (barisan hadapan - tiga dari kanan) Lt. Jeneral Arthur E Percival (dua dari kanan)

(Foto : Sumber Arkib Negara Malaysia)

## 11 MEI

*Berita Penang Daily News.*

Tentera Laut USA sekarang ini mempunyai enam buah kapal induk, tiga buah kapal induk pesawat terbang dan enam kapal masih dalam pembinaan. Pihak British pula mempunyai 12 buah kapal induk dan 7 buah kapal induk pesawat terbang.

Lebih kurang 18,000 basikal daripada jumlah 30,000 telah didaftarkan di Pulau Pinang.

Destinasi bas troli telah diperluaskan lagi ke beberapa kawasan baru di Georgetown.

## 12 MEI

Persatuan Cina Seberang Laut Pulau Pinang telah mengingatkan masyarakat Cina, yang tidak mempunyai wang tunai untuk derma 'Keikhlasan Hati', bahawa mereka boleh membawa geran-geran tanah mereka untuk diuruskan oleh Persatuan bagi menghasilkan wang tunai dengan cara penggadaian tanah. Barang-barang kemas yang kini boleh dikeluarkan dari peti-peti simpanan Bank OCBC boleh juga digunakan sebagai derma 'Keikhlasan Hati'.

## 15 MEI

Berita Penang Daily News melaporkan bahawa gerakan mencari semula emas bernilai \$1.8 juta ringgit yang telah dibuang ke dalam laut berhampiran Pejabat Pos Besar oleh orang yang tidak dikenali untuk mengelakkan daripada rampasan oleh kerajaan Imperialis Dai Nippon telah dimulakan semula.

## 17 MEI

Satu berita bukan rasmi melaporkan bahawa Dr. L.W. Evans, Ketua Pegawai Perubatan Penjajah yang tidak melarikan diri semasa Tentera Jepun mendarat di Georgetown kerana hendak bertugas untuk rakyat yang dikasihi, telah ditahan kelmarin dan dipindahkan ke satu tempat yang tidak diketahui.

## **22 MEI**

*Berita Penang Daily News:*

Masyarakat Pulau Pinang dan Seberang Perai (Rumpun Asia) telah membuktikan kesyukuran mereka kepada Tentera Imperialis Nippon apabila mereka berpusu-pusu ke kuil dan masjid untuk mengadakan majlis membaca doa kesyukuran kerana mereka telah dibebaskan daripada penaklukan kaum Anglo-Saxon dan doa memohon penamatan peperangan dengan berjayanya bagi pihak Nippon. Majlis telah dihadiri oleh sekurang-kurangnya seorang daripada setiap keluarga. Beribu-ribu batang gaharu dan kertas-kertas gaharu telah dibakar oleh masyarakat Cina sehingga mewujudkan kekurangan bekalan di pasar runcit.

## **25 MEI**

Negara Mexico telah mengisytiharkan kewujudan peperangan antaranya dan Kuasa Axis. Dua buah kapal laut Mexico telah dibedil oleh Tentera Laut Jerman dengan torpedo berhampiran Pantai Florida.

## **27 MEI**

Perayaan Tentera Laut Jepun diadakan hari ini. Semua kakitangan kerajaan telah diarahkan supaya berkumpul pada jam 6.30 petang waktu Tokyo (5.00 petang waktu Malaysia) di Dewan Masyarakat Cina di Lebuh Pitt. Seorang pegawai kanan Tentera Laut Jepun telah memulakan majlis dan ucapannya telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu oleh Encik Abdul Manan Nordin. Ucapan Gabenor Pulau Pinang telah diterjemahkan serentak dalam Bahasa Cina oleh Dr. Boo.

## **31 MEI**

Bandar Georgetown menghadapi kekurangan marcis yang agak teruk. Orang awam kelihatan menggunakan kaca pembesar (magnifying glass) untuk memasang rokok. Di rumah dan kedai kopi pelita minyak tanah dan kelapa dipasang sepanjang masa sebagai mengatasi kekurangan.

## 1 JUN

Satu berita Domei melaporkan Brazil telah mula berperang dengan Kuasa Axis.

Gabenor Pulau Pinang, TYT Lt. Jen. S. Katayama hari ini merasmikan pembukaan semula mahkamah-mahkamah Pulau Pinang yang akan menjalankan perbicaraan esok. Encik H.H. Abdoolcader (ayahanda kepada Tan Sri Eusoffe Abdoolcader) telah berucap bagi pihak peguam-peguam Malaya di hadapan Ketua Hakim Pulau Pinang, Encik Sakataro. Tiga hakim baru telah dilantik seperti berikut:-

1. Encik Lim Koon Teik
2. Encik Khoo Soon Chee
3. Encik Lim Cheng Ean

Yang Mulia Raja Musa telah dilantik sebagai seorang hakim Mahkamah Malaya. Yang Mulia ialah seorang hakim dalam pentadbiran Kehakiman Penjajah dan seorang pensyarah dalam jurusan undang-undang di Raffles College.

Kerajaan Jepun mengumumkan hari ini gaji kakitangannya di bawah kategori 'C' seperti berikut:-

Bagi \$100.00 yang pertama:-

Peratusan gaji dahulu	70%
Peratusan bakinya	30%
10% dipotong daripada jumlah ini.	

## 5 JUN

Jalan Penang telah kembali pulih seperti sediakala tetapi tanpa kesibukan kenderaan persendirian. Kebanyakannya ialah kenderaan awam dan tentera. Perkhidmatan kerajaan dan kemudahan awam dan sebagainya kelihatan hampir pulih semula.

## 7 MEI

*Berita Domei:*

Empat buah kapal selam musuh telah ditenggelamkan di Teluk Tokyo. Kapal-kapal selam ini telah mencero bohi perairan Jepun mulai dari hujung bulan Mei sehingga awal Jun.

## 8 JUN

Seorang Cina telah ditembak mati oleh PC 75 pada jam 4.30 pagi di Lebuh Acheen kerana cuba menyerang dan membunuh PC tersebut.

Oleh kerana kekurangan petrol kenderaan persendirian di Pulau Pinang dan Seberang Perai telah mula menggunakan campuran petrol dan minyak tanah sebagai sumber tenaga!

## 11 JUN

Pejabat Ketua Pegawai Perubatan Pulau Pinang telah berpindah ke tempat yang lain (Pejabat PWD). Semua dokumen dan rekod lama telah dibuang melalui tingkap-tingkap dan kertas-kertas ini menjadi rebutan orang yang menunggu di bawah. Kertas lama ini akan digunakan sebagai pembalut barang. Perabot-perabot kecil juga dibuang dengan cara yang sama!

## 12 JUN

Setelah jawatankuasa pemeliharaan pendamaian kaum dibubarkan, Encik Eusoff Izzuddin, Ketua Jawatankuasa masyarakat Melayu, telah dilantik memegang jawatan Pembantu Pegawai Pertanian.

## 15 JUN

*Berita Penang Daily News:*

Pentadbiran Jepun telah mengumumkan di Singapura, sebuah terowong bawah laut akan dibina dari Singapura ke Sumatra tidak beberapa lama lagi! Cadangan ini adalah untuk memudahkan hubungan antara negara-negara tersebut dari segi perdagangan dan ketenteraan.

## 19 JUN

*Berita Penang Daily News:*

Satu berita Domei melaporkan Tentera Laut Itali telah berjaya menenggelamkan kapal perang laut British HMS Malaya dan memusnahkan dua buah kapal lagi iaitu kapal induk HMS Eagle dan HMS Argus.

## 20 JUN

Persimpangan Jalan Kajang dan Jalan Datuk Keramat tiba-tiba menjadi sesak dan sibuk dengan gerai-gerai makanan masyarakat Cina. Lebih daripada 60 buah gerai telah dibina di tepi Jalan Kajang dan Jalan Datuk Keramat Makanan-makanan enak dimasak, dihidang dan dijual sendiri oleh baba dan nyonya keturunan terhormat. Tujuannya adalah untuk mencari rezeki yang halal di waktu penderitaan di bawah pemerintahan Dai Nippon kerana perniagaan dan pencarian mereka telah terganggu buat sementara waktu.

## 23 JUN

Satu latihan pertahanan awam telah dilancarkan semula di Pulau Pinang. Latihan ini mirip lebih kurang peraturan-peraturan yang digunakan oleh penjajah British dahulu.

## 24 JUN

### *Notis Kerajaan.*

Latihan pertahanan awam yang dimulakan kelmarin telah mewujudkan perasaan tidak senang hati di kalangan rakyat. Dalam pengumuman tempoh hari, kerajaan telah menegaskan bahawa semua perniagaan hendaklah berjalan seperti biasa tetapi nampaknya semua kedai telah ditutup di sebelah malam. Perlu ditegaskan:

1. Semua pintu bangunan hendaklah ditutup pada waktu malam jika serangan udara benar-benar berlaku.
2. Notis yang dikeluarkan adalah sebagai satu langkah berhati-hati sahaja dan tidak semestinya langkah ini mewujudkan perasaan bimbang di kalangan rakyat.
3. Semua rakyat dinasihatkan supaya menjalankan tugas masing-masing seperti biasa.
4. Kerajaan Nippon, bukan seperti kerajaan British, akan sedaya upayanya menjaga keselamatan rakyat dengan baik dan di sini pihak kerajaan Nippon memberi jaminan tidak ada apa-apa akan berlaku untuk mengganggu kesenangan rakyat.

5. Rakyat juga dinasihatkan supaya jangan mendengar berita-berita angin yang tidak berasas kerana ini akan memusnahkan ketenteraman dan pemerintahan awam.

Ketua  
Jabatan Propaganda Tentera  
Pulau Pinang.

## 25 JUN

*Berita Penang Daily News.*

Baru-baru ini, kes-kes ugutan telah muncul yang membuktikan adanya rakyat yang tidak bertanggungjawab, yang menyamar sebagai wakil Kempeitai. Mereka cuba meneras ugut wang daripada rakyat dengan ancaman, kononnya, mereka mempunyai rahsia tentang peribadi rakyat yang diugut, yang mereka akan kemukakan kepada pihak Kepeitai, jika permintaan mereka tidak ditunaikan. Kes-kes seperti ini semakin menjadi dan beberapa orang telah ditangkap untuk siasatan lanjut. Pihak Kempeitai telah menegaskan dengan sekeras-kerasnya pihaknya, dalam apa jua keadaan, tidak pernah memohon wang daripada rakyat secara ini.

Orang awam yang bertemu dengan anasir-anasir seperti ini, yang menyatakan mereka ialah wakil pejabat Kempeitai dan cuba mendapatkan wang dengan perkataan palsu, hendaklah membuat laporan kepada pihak Kempeitai dengan serta merta.

Pawagam Rex telah dibuka semula dengan nama barunya Fuji Eiga Gekijyo dengan tayangan utamanya "Million Dollar Baby."

### *Notis Kerajaan*

Rakyat dan semua peniaga beras diberitahu mulai dari 24 Jun, 2602 beras akan dijual dengan catuan berikut:



Lelaki	3 gantang sebulan
Perempuan	3 gantang sebulan
Kanak-kanak (bawah 12 tahun)	2 1/2 gantang sebulan

## 27 JUN

*Berita Penang Daily News*

Baru-baru ini, apabila perintah penggelapan penuh dikuatkuasakan, beribu-ribu orang awam telah melarikan diri dari kawasan perniagaan ke tempat yang lebih selamat. Memandangkan peristiwa ini, pihak kerajaan dengan rasminya telah membatalkan Perintah Peraturan Penggelapan. Harus dititikberatkan di sini rakyat hendaklah mematuhi Perintah Peraturan Penggelapan dengan serta merta apabila semboyan berbunyi dengan nada berjaga-jaga. Peringkat penggelapan penuh hendaklah disempurnakan sehingga semboyan memberi tanda aman. Perniagaan hendaklah dijalankan seperti biasa.

## 1 JULAI

*Berita Penang Daily News.*

Agensi Berita Domei telah membuka pejabatnya di No. 1 Jalan Sepoy Lines, Georgetown. Hari ini juga hari pembukaan semula Kabaret Wembley. Keretapi Federated Malay States (FMS Railway) telah juga melancarkan semula perkhidmatannya dari Bangkok ke Syonan-To.

## 2 JULAI

*Notis Kerajaan*

Jenayah terhadap barang terkawal!

Sesiapa yang didapati bersalah kerana menjual barang-barang terkawal dengan harga yang mahal akan dikenakan denda berat yang tidak terhad nilainya ataupun akan dipenjarakan seumur hidup.

Satu berita dari Tokyo melaporkan, Kepulauan Nicobar telah ditawan oleh askar-askar Jepun pada 1 Julai tanpa penumpahan darah.

### **3 JULAI**

#### *Notis Kerajaan*

Penggelapan, yang pelaksanaannya telah ditangguhkan beberapa kali, telah dilancarkan semula untuk menentukan keberkesamaannya.

### **7 JULAI**

Hari ini hari perayaan "Double Seven". Semua rumah, pusat dan bangunan kerajaan telah diarahkan supaya mengibar bendera Jepun. Pengibaran bendera, yang semakin menjadi, telah dibuat oleh rakyat kerana paksaan dan bukan dengan ikhlas. Hiburan anekaragam telah diadakan di beberapa tempat.

### **14 JULAI**

#### *Berita Penang Daily News.*

Satu upacara untuk memperingati askar-askar Jepun yang terkorban dalam peperangan Singapura telah diadakan di Singapura pada 11 Julai dan sebuah bukit telah dinamakan Rizyoan mengikut tata cara agama Shinto. Upacara ini telah dirasmikan oleh Panglima Agung, Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita.

### **15 JULAI**

Pelabuhan Georgetown kelihatan sibuk dengan kapal dagang dan kapal perang laut Jepun. 13 buah kapal dagang kelihatan berlabuh di sekitar Terusan Utara bersama-sama empat buah kapal perang laut. Pelabuhan Pulau Pinang kini dilihat dengan jelas kerana Jalan Esplanade dan Lebuh Duke telah dibuka kepada orang ramai baru-baru ini.

### **20 JULAI**

Pejabat Penang Daily News telah berpindah ke No. 216 Jalan Penang, pejabat asal akhbar Straits Echo.

### **23 JULAI**

#### *Notis Kerajaan*

Satu gerakan untuk mendaftar kenderaan di Pulau Pinang

dan Seberang Perai akan dimulakan pada 1 Ogos dengan syarat-syarat berikut:

1. Semua kenderaan mestilah berada dalam keadaan baik dan masih boleh dipandu dengan selamat.
2. Pemilik-pemilik hendaklah memberikan sebab-sebab yang munasabah yang mereka memerlukan kenderaan sama ada atas sebab persendirian ataupun perniagaan dan sebagainya.

Pemilik-pemilik, yang kenderaan mereka telah berjaya didaftarkan, akan dibekalkan bahan petrol mengikut mutu dan satu sistem catuan.

### **28 JULAI**

Satu berita rasmi mengumumkan dua buah kapal selam musuh telah ditenggelamkan di Selat Melaka baru-baru ini oleh Tentera Laut Nippon.

### **30 JULAI**

*Berita Penang Daily News*

*Rome, 29hb Julai.*

Satu berita Agensi Stefani, yang memetik satu despac dari London, melaporkan berita angin yang menyatakan bekas Raja Great Britain, Duke of Windsor, akan diundang balik ke Britain untuk menaiki takhta semula. Bekas raja itu pada ketika itu memegang jawatan Gabenor-Jeneral Kepulauan Bahamas.

### **3 OGOS**

*Berita Penang Daily News*

Semua kakitangan perempuan yang berkhidmat dengan kerajaan mula memakai pakaian seragam berjenis "khaki", yang dibekalkan oleh jabatan masing-masing.

Satu tunjuk perasaan dan perarakan raksaksa menentang British telah diadakan oleh masyarakat India di Padang Datuk Keramat pada jam 5.00 petang. Beberapa sepanduk dengan perkataan "Hapuskan Imperialisme British", "India Untuk

Orang India". "Hidup Persahabatan Nippon-India" telah dipamerkan di perhimpunan tersebut. Dalam perarakan yang diadakan kemudian, dua bendera Parti Kongres India mendahului perarakan tersebut. Di celah bendera-bendera ini ialah gambar Mahatma Gandhi yang dikelungkan dengan bunga. Encik N. Ragawhan, Presiden Pertubuhan Kemerdekaan India Cawangan Malaya, berjalan di belakang bendera-bendera ini diiringi oleh gambar-gambar Pandit Nehru dan Maulana Abdul Kalam Azad. Perarakan telah bersurai pada jam 7.45 malam di persimpangan Lebuh Chulia dan Lebuh Pitt.

### 15 OGOS

Satu perhimpunan kakitangan kerajaan secara besar-besaran telah diadakan di Padang CRC (Chinese Recreation Club) pada jam 9.50 pagi untuk merayakan kejatuhan Singapura ke tangan Jepun dan pembebasan rakyat Malaya daripada penaklukan kuku besi British. Gabenor TYI Lt. Jen. S. Katayama telah memberi ucapannya. Terjemahannya disampaikan oleh Encik S. M. Zainal Abidin B. A. (London). Majlis diakhiri dengan pesta sukan murid-murid sekolah dari Pulau Pinang dan Seberang Perai.

### 18 OGOS

Satu letupan besar telah kedengaran di sekitar Georgetown. Letupan itu katanya dari sebuah kapal di Pelabuhan Pulau Pinang yang terbakar semenjak empat hari yang lalu.

### 21 OGOS

*Berita Penang Daily News.*

Satu berita dari Berlin melaporkan pendaratan askar-askar British, Amerika Syarikat, Kanada dan Perancis Bebas di Dieppe. London telah melaporkan operasi ini sebagai satu gerakan komando sahaja – bukan sebagai penyerbuan dan pendaratan semula di benua Eropah yang dinanti-nantikan. Letupan boleh didengar sepanjang hari di pantai selatan England berbatu-batu jauh dari tempat pendaratan.

## 24 OGOS

*Berita Domei.*

Wakil kerajaan Vichy di Paris, F deBrezon, melaporkan hari ini, dalam peristiwa pendaratan di Deppe, pihak Kuasa Bersekutu telah mengalami kekalahan yang agak teruk seperti berikut:

3,500	-	Askar terbunuh
1,800	-	Askar ditawan, kebanyakannya askar-askar dari Kanada dan askar-askar Jen. de Gaulle
36	-	Orang awam telah terkorban dan tiga orang tercedera.

## 26 OGOS

*Berita Domei.*

Satu berita dari London melaporkan Duke of Kent, adinda kepada King George VI, telah terkorban dalam satu nahas udara di utara Scotland semasa dalam perjalanannya ke Ireland Utara atas urusan ketenteraan kerajaan.

## 4 SEPTEMBER

Khutbah Jumaat yang pertama telah diadakan di Masjid Kling semenjak pengeboman ke atas Georgetown pada 11 Disember 2601. Solat Jumaat telah terhenti semenjak masjid mengalami kerosakan teruk semasa Georgetown dibom dan juga kerana jemaahnya telah berpindah ke kawasan yang lebih selamat.

## 5 SEPTEMBER

*Berita Penang Daily News*

Mengikut satu banci kerajaan, yang melibatkan kawasan perbandaran Georgetown, jumlah rakyat adalah seperti berikut:

Sebelum peperangan	178,000
Selepas peperangan	167,370

Kemerosotan yang berjumlah 10,680 orang adalah kerana pemergian rakyat British dan juga kerana pemuda-pemuda

yang menganggur telah berpindah ke kawasan desa untuk menjalankan kerja-kerja pertanian.

Jumlah penduduk mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Cina	117,484
India	27,852
Melayu	17,521
Nasrani	2,145
Indonesian	1,564
Thai	326
Ceylonese	162
Filipino	137
Yahudi	73
Burmese	63
Eropah	43

Jumlah penduduk masyarakat Cina mengikut kedaerahan Negeri China adalah seperti berikut :-

Hokkien	63,101
Kantonis	36,492
Tcochew	7,899
Hainese	4,149
Hakka	3,758
Hockhew/Kwangsi	2,071
Taiwanese	14.

Jumlah penduduk masyarakat India adalah seperti berikut:-

Tamil	24,849
India Utara	2,485
Malayale	426
Telegu	92

Jumlah penduduk mengikut agama adalah seperti berikut:-

Cina	Buddhist	115,048
	Kristian	2,416
	Islam	20
India	Hindu	14,882
	Islam	8,919
	Kristian	2,616

Sikh	1,399
Buddhist	36

Mengikut kadar jantina, masyarakat India mempunyai kadar terendah sekali iaitu seorang perempuan bagi 3 orang lelaki, 50:50 bagi kaum lain. Bagi masyarakat Thai, Nasrani, Filipino dan Burma, jumlah perempuan adalah lebih tinggi daripada jumlah lelaki.

## 7 SEPTEMBER

*Penang Daily News*

Akhbar ini telah melaporkan pembentukan sebuah badan penasihat Islam yang akan dikenali dengan nama Majlis Penasihat Islam Pulau Pinang di bawah naungan Kelab Seinan Melayu. Pengasasannya dibuat dengan kelulusan dan jasa baik Gabenor Pulau Pinang, TYT Lt. Jen. S. Katayama. Keanggotaannya adalah seperti berikut:-

Encik Abdul Manan Nordin	Presiden (Ex-officio)
Encik Abdullah Ariff	Pengerusi
Tuan Haji Ahmad Mokhtar	Setiausaha
Tuan Haji Murshid	
Tuan Haji Mansour b Haji Hassan	
Tuan Haji Ahmad (Pokok Sena, Kepala Batas)	
Tuan Haji Mohd Bawai	
Tuan Haji Zubair	
Encik Mohd Tamin Sutan Deman	
Encik Mohamed Abdullah (Ketua Imam, Masjid Kling)	
Encik Pak Itam Omar	
Tuan Syed Ahmad Al-Mashoor	
Tuan Sheik Hussin Raffe (Wakil Arab)	
Encik R Kotaluddin (Wakil India Muslim)	
Encik H Sadar Ali (Wakil India Muslim)	

## 13 SEPTEMBER

Puasa bermula hari ini. Urusan melihat anak bulan Ramadan dan usaha untuk mengisytiharkan puasa adalah tanggungjawab pertama Majlis Penasihat Islam yang

ditubuhkan baru-baru ini.

Satu pengumuman penting telah dibuat oleh kerajaan tentang penerimaan siaran-siaran radio, yang hanya boleh dibuat dengan syarat-syarat berikut:-

1. Pemilik-pemilik radio tidak dibenarkan menerima siaran gelombang pendek tanpa kebenaran kerajaan.
2. Pemilik-pemilik hendaklah melaporkan kemampuan alat-alat radio mereka kepada balai-balai Polis yang terdekat sekali dan menerima arahan lanjut di situ.
3. Alat radio boleh digunakan semula setelah diubahsuai untuk menerima siaran bergelombang sederhana sahaja.
4. Sesiapa yang membantah perintah ini akan menerima hukuman berat mengikut undang-undang tentera.

Commander-In-Chief  
Tentera Dai Nippon

29 Ogos 2602.

### 15 SEPTEMBER

*Berita Penang Daily News.*

Kerana usahanya untuk membuktikan dasar kebebasan agama, yang diamalkan oleh kerajaan Dai Nippon, pihak kerajaan telah membekalkan kepada Kelab Seinan Melayu bungkusan-bungkusan beras untuk diedarkan oleh badan itu kepada masyarakat Islam menerusi masjid-masjid di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Jumlah bungkusan yang diedarkan untuk keperluan orang miskin Islam memang lebih daripada cukup untuk sepanjang bulan yang mulia ini.

### 28 SEPTEMBER

Patong Capt. Francis Light telah dipindahkan dari tempat asalnya di perkarangan Fort Cornwallis entah ke mana.

### 2 OKTOBER

*Berita Penang Daily News.*

Langkah-langkah untuk mengerah tenaga baru untuk Tentera Kebangsaan India (India National Army) telah bermula di Selangor pada 20 September 2602. Seramai 1000



orang masyarakat India telah diambil daripada 3,000 orang yang dikehendaki dari seluruh Malaya. Mereka yang diambil akan berkhidmat dalam beberapa cawangan tertentu – gerila, infantri, kenderaan, pengangkutan, isyarat, perisik dan perkhidmatan sulit.

Peranan Tentera Kebangsaan India adalah untuk memberi bantuan kepada Tentera Imperialis Dai Nippon dalam usaha bersama untuk membebaskan India daripada penaklukan British.

## **11 OKTOBER**

*Malam Raya.*

Setelah 10 bulan dalam kegelapan, George town dan beberapa kawasan lain dalam negeri tiba-tiba menjadi cerah kerana lampu-lampu jalan telah dicahayaikan semula tanpa kenyataan terlebih dahulu daripada pihak Jepun untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

## **12 OKTOBER**

Hari ini Hari Raya Aidilfitri setelah orang Islam berpuasa selama 29 hari. Satu perhimpunan besar telah diadakan di Padang CRC untuk orang Islam menunaikan sembahyang sunnah Aidilfitri. Lebih kurang 5000 orang telah berhimpun di padang tersebut pada jam 9.30 pagi (waktu Tokyo). TYT Gabenor Lt. Jen. S. Katayama telah tiba pada jam 10.00 pagi dan majlis telah memberi hormat kepadanya. Setelah ucapan ringkas disampaikan oleh Encik Abdullah Ariff, sembahyang telah dimulakan oleh Tuan Haji Hashim, abang kepada Encik Abdullah Ariff, sebagai imam. Setelah selesainya sembahyang dan khutbah, jemaah telah berdiri dan mengubah arah, dari Masjidil Haram ke arah Istana Tenno Heika di negara matahari terbit, untuk memberi hormat kepada Maharaja Hirohito. Upacara ini telah diikuti dengan ucapan oleh Encik Abdul Manan Nordin dan wakil-wakil masyarakat India, Arab dan sebagainya. Begitu kuat sekali paksaan Jepun.

Dalam ucapan balasnya, TYT Gabenor telah berkata "Saya telah berpeluang untuk memerhati gerak geri dan tingkah laku rakyat di sini. Hasil daripada tindakan ini, saya ber-

pendapat rakyat mempunyai sikap bersabar dan lemah lembut. Mungkin kerana sikap-sikap inilah yang mendorong orang British menindas dan mengeksploitasikan rakyat di masa-masa yang lampau. Kini penindasan dan peng-eksploitasian telah hilang buat selama-lamanya! Dunia sekarang bukanlah untuk orang yang lemah lembut dan bersabar. Mulai pagi ini, bukan esok, rakyat mestilah mengubah sikap lemah lembut mereka kepada sikap yang lebih agresif dan bertekun dalam semua usaha mereka." Selepas ucapan TYT Gabenor majlis telah memberi tiga kali sorakan "Banzai" sebelum bersurai pada jam 11.30 pagi.

### **15 OKTOBER**

Operasi "cordon" cara besar-besaran telah dilancarkan dengan serta merta di kawasan Lebuh Pitt dan persekitarannya. Operasi ini yang melibatkan semua kaum telah bermula pada jam 6.00 pagi sehingga malam. Banyak orang telah pengsan kerana kelaparan dalam keadaan cuaca yang panas.

### **20 OKTOBER**

*Berita Penang Daily News.*

Dalam titah ucapannya di Kuala Kangsar bersempena Hari Raya Aidilfitri, Baginda Sultan Perak, DYMM Sultan Abdul Aziz, telah menyeru rakyat baginda supaya bekerja dengan lebih kuat serta sanggup menentukan pencukupan sendiri dalam masalah pemakanan yang boleh dihasilkan dari bumi sendiri dengan mudah tanpa pergantungan kepada barang-barang makanan dari luar negeri. Baginda Sultan telah juga mengingatkan rakyat baginda supaya sentiasa menunaikan kewajipan keagamaan mereka dengan kepercayaan penuh kepada Allah S.W.T. Majlis telah dihadiri oleh Gabenor Perak, TYT Encik T. Kubota.

### **24 OKTOBER**

Satu majlis perkahwinaan cara besar-besaran telah berlangsung di rumah Encik V K Abdul Kader di Jalan Edgecumbe antara anak perempuannya, Cik Sayang, dengan

Encik R E Mohd Ibrahim bin R E Mohd Kassim, seorang peniaga terkemuka di Pulau Pinang. Dua kumpulan muzik keroncong, satu kumpulan muzik harmoniam dan pementasan bangsawan telah diadakan untuk memeriahkan majlis agung itu selama dua malam.

*Berita Penang Daily News.*

Satu peperangan udara telah berlaku di medan peperangan Mesir Utara. Dalam pertempuran tersebut, 55 buah kapal terbang musuh telah ditembak jatuh dalam satu perjuangan sahaja. 200 buah kapal terbang Jerman dan 200 buah kapal terbang Itali telah mengambil bahagian dalam operasi ini. Pihak Itali telah menjatuhkan 44 buah kapal musuh manakala pihak Jerman telah memusnahkan 11 buah kapal. Kuasa Axis telah kehilangan 11 buah kapal sahaja! Begitulah cara propaganda Dai Nippon.

### **1 NOVEMBER**

Satu lagi majlis perkahwinan secara besar-besaran telah berlangsung di Pulau Pinang yang menyatukan dua keluarga Melayu yang terkemuka di negeri itu. Perkahwinan ini telah berlangsung di rumah Dr. K M Ariff, di No 180 Jalan Burmah, pada jam 10.30 pagi antara anak sulungnya, Encik Mushir Ariff (sekarang Datuk Haji Mushir Ariff) dengan anak perempuan Encik C M Hashim (kemudian Tan Sri C M Hashim), Cik Zubaidah Hashim.

### **17 NOVEMBER**

Satu gerakan pendaftaran raksaksa yang melibatkan buruh, kerani, telefonis dan jurutaip telah dilancarkan oleh Kumpulan Sumatra Romu Kauri Kyokai, Cawangan Pulau Pinang. Menurut satu notis yang disiarkan dalam akhbar Penang Daily News, sesiapa yang tidak mendaftarkan diri dengan badan ini tidak akan diambil sebagai pekerja di mana-mana tempat di Malai. Adakah ini satu tindakan muslihat Jepun untuk mengerahkan tenaga untuk berkhidmat dalam kerja-kerja pembinaan landasan kereta api maut Siam-Burmah?

## **23 NOVEMBER**

Mulai hari ini, Radio Pulau Pinang menyiarkan siarannya menerusi gelombang sederhana dan bukan lagi menerusi gelombang pendek 49.3 meter.

## **27 NOVEMBER**

*Berita Penang Daily News.*

Tiga pesawat pengebom British telah menggugurkan bom ke atas bandar Bangkok pada jam 2.36 pagi ini. Serangan ini telah dipatahkan dengan meriam-meriam penangkis udara dengan bantuan unit pertahanan Siam. Bom-bom telah digugurkan beberapa ribu batu dari permukaan bumi. Hanya kerosakan ringan sahaja yang berlaku di tempat-tempat awam. Rakyat Siam telah menerima serangan ini dengan tenang.

Bandar Georgetown kini mula membuat persiapan untuk menyambut Ulang Tahun Ke-2 Peperangan Asia Tenggara cara besar-besaran. Pintu-pintu gerbang telah dibina di beberapa tempat yang strategik.

Pawagam Fuji Eiga Gekijyo (Rex) sedang menayang sebuah filem berjudul "Down Argentine Way" dibintangi oleh Don Ameche dan Carmen Miranda. Manakala Pawagam Queens (Kyo-Ri Eiga Gekijyo) pula sedang mempersembahkan sebuah filem bertajuk "My Son, My Son!" dibintangi oleh Brian Aherne.

## **8 DISEMBER**

Hari ini hari kelepasan am untuk perayaan Ulang Tahun Pertama Peperangan Asia Tenggara. Perayaan bercorak satu perhimpunan kakitangan kerajaan di Padang CRC, yang upacaranya termasuk pemberian hormat kepada Tenno Heika (mengadap timur), pesta sukan, perarakan Chingay, perarakan oleh masyarakat Melayu dan tarian oleh masyarakat India. Perarakan telah bermula pada jam 1.30 tengah hari dan telah berakhir pada jam 6.00 petang setelah melalui beberapa batang jalan yang terkemuka.

Mulai hari ini akhbar Penang Daily News dikenali sebagai Penang Shimbun. Begitu juga dengan akhbar Pancaran Matahari.

Taman hiburan Fun & Frolic telah membuka pintunya semula dengan nama barunya Meiji Yuciejyo.

#### **16 DISEMBER**

Persembahan boria yang akan berlangsung di Padang CRC malam ini untuk merayakan Ulang Tahun Peperangan Asia Tenggara telah dibatalkan di saat-saat terakhir. Persembahan kini akan dibuat menerusi siaran radio. Pembatalan ini telah mengecewakan heribu-ribu penonton.

#### **17 DISEMBER**

Encik Mohd Amin bin Nayan, pengarang majalah Sahabat, telah meninggal dunia hari ini di Hospital Besar Pulau Pinang.

#### **18 DISEMBER**

Encik Che Amat b. Muin, Pegawai Hal Ehwal Pulau Pinang, akan bertolak ke Miyazaki pada 20 Disember 2602 untuk melanjutkan pelajaran di sana. Encik Che Amat ialah bekas Pembantu Inspektor Sekolah.

#### **19 DISEMBER**

Hari ini Hari Raya Haji. Sembahyang sunnah Aidiladha, yang dijadualkan pagi ini di Padang Datuk Keramat, telah dibatalkan kerana hujan lebat. Sebaliknya, sembahyang telah ditunaikan di masjid-masjid seperti biasa.

#### **25 DISEMBER**

Hari ini hari kelepasan am untuk memperingati kematian Tenno Heika yang terdahulu dan bukan kerana Hari Krismas.

#### **28 DISEMBER**

Nama jalan-jalan raya mula diubahsuai dalam bahasa Nippon-go dengan tulisan katakana.

## 29 DISEMBER

Pulau Pinang sedang mengalami kekurangan bahan makanan. Hanya 60% sahaja dibekalkan daripada nilai catuan yang telah ditetapkan. Kedai-kedai makanan telah berhenti menjual nasi dan makanan yang diperbuat daripada beras. Catuan gula juga telah dikurangkan dengan kadar 50% dan mancis daripada tiga kotak kepada dua kotak sahaja.

Dalam tahun ini juga rakyat Pulau Pinang telah melihat pelaksanaan satu sistem pengawalan rakyat yang dikenali dalam bahasa Nippon-go sebagai sistem Rinpohanco. Di bawah sistem ini, seseorang ketua rumah dan mereka di bawah jagaannya telah didaftarkan dan butir-butir diri yang penuh dan lengkap telah diserahkan kepada kerajaan Dai Nippon melalui saluran-saluran yang telah disediakan. Segala perubahan dalam angka penghuni yang berdaftar, kerana keluar masuk atas apa jua sebab, wajib dilaporkan dengan segera. Dengan cara ini, kerajaan Dai Nippon dapat mengawal dengan lebih berkesan gerakan, penghijrahan, pemindahan rakyat menerusi kawalan peronda di sebelah malam. Sistem ini juga dapat mengesan perjalanan orang yang dianggap sebagai pengintip, musuh dan penjenayah. Kerajaan kita juga telah melaksanakan sistem yang lebih kurang serupa dengan ini yang dikenali sebagai Rukun Tetangga.

Cerita tentang penyiksaan yang telah dikenakan ke atas mangsa-mangsa Kempeitai Dai Nippon, iaitu mereka yang disyaki ataupun dikesan sebagai orang komunis, penyokong dan pengintip British, dan mereka yang telah ditahan atas tuduhan-tuduhan lain, telah sampai ke telinga penduduk Pulau Pinang.

Satu cara penyiksaan yang digemari sekali oleh Kempeitai ialah rawatan air! Mangsa yang malang itu dibaringkan terlentang di atas lantai dan ditekan oleh beberapa orang supaya tidak boleh bergerak. Bahagian hujung sebatang paip buatan getah dimasukkan ke mulut mangsa dan air kemudian disalurkan ke dalam perutnya sehingga perutnya kelihatan buncit. Sekeping papan diletakkan di atas bahagian perut si mangsa dan ditekan, dengan tangan atau kaki, sehingga air

menyembur keluar daripada perut mangsa melalui mulut dan hidung! Proses ini diulangkan beberapa kali sehingga mangsa itu pengsan, mati atau berteriak untuk meluahkan apa jua maklumat yang dikehendaki oleh pihak Kempeitai.

Banyak lagi 'rawatan' telah digunakan yang tidak usahlah dibicarakan di sini.

## 1943 - TAHUN KESENGSARAAN

**TAHUN** 1943 telah menjelma dalam suasana sepi dan hampa. Rakyat terus menderita di bawah pemerintahan kuku besi Tentera Imperialis Jepun. Beras, gula, garam, minyak, mancis dan barang keperluan hidup yang lain semakin kurang di pasar. Orang miskin menderita kerana harga barang yang tinggi. Banyak daripada mereka sudah mula memakan ubi kayu. Biji jagung dicampur dengan beras untuk mengelakkan kebuluran. Tanpa berita dari siaran radio Kuasa-Kuasa Bersekutu yang diharamkan oleh Tentera Nippon selain beritanya yang berunsur propaganda, harapan rakyat menjadi lebih tipis. Persoalan yang ditanya-tanya oleh umum, pada ketika itu, ialah sama ada penaklukan ini akan berterusan selama-lamanya. Inikah nasib penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai yang melihat Imperialisme British digantikan dengan Imperialisme Jepun yang telah menunjukkan dengan jelas kezalimannya? Bagi mereka yang menyokong Tentera Imperialis Jepun, saat-saat inilah saat kebanggaan kerana mereka hidup dengan mewah sebagai tali barut Tentera Dai Nippon. Mereka inilah yang mempunyai kuasa yang besar yang mengkhianati rakyat demi kepentingan diri sendiri.



Dalam suasana sebegini, rakyat Pulau Pinang dan Seberang Perai selalu menaruh harapan dan keyakinan penuh terhadap kemampuan dan kebolehan Kuasa-Kuasa Bersekutu menghancurkan Kuasa Axis pada satu ketika nanti. Walau bagaimanapun, sementara menunggu harapan dan keyakinan mereka menjadi kenyataan, rakyat biasa terus menjalankan kewajipan hidup mereka. Walaupun mereka benci kepada Jepun, mereka terus mencari rezeki, sesuap dua nasi, untuk anak isteri, ibu bapa dan keluarga yang semakin diancam oleh tanda-tanda kebuluran. Ada besar kemungkinan peperangan sengit akan tercetus semula di rantau ini. Jika ini berlaku penderitaan rakyat akan menjadi lebih berat. Kemungkinan ini diterima oleh rakyat yang rela menghadapi pengorbanan kerana kebebasan diri dan negara yang dikasih daripada penaklukan Tentera Imperialis Jepun.

#### **4 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

Menurut satu pengulas politik, memang mustahil bagi Amerika Syarikat untuk mengambil alih negara-negara yang ditakluki Jepun di Asia Tenggara walaupun Amerika Syarikat menggunakan lebih banyak tentera-tentera darat, laut dan udara.

#### **9 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

Negara China telah mengisytiharkan perang antara dengan Great Britain dan Amerika Syarikat. Surat mengisytiharan telah ditandatangani oleh Presiden Wang Chi Wei.

#### **24 JANUARI**

Hari ini hari perkahwinan penulis ini dengan Fatimah Wanchak bt Shaik Mohd Shafee dan juga perkahwinan kepada penulis, Hashim Meah bin Baba Ahmed, dan Mariah bt Ariffin. Majlis akad nikah telah disempurnakan dalam beberapa jam sahaja jarak di antara satu dengan di rumah berasingan. Satu majlis bersanding bersama t

diadakan pada keesokan hari apabila keempat-empat pengantin bersanding di atas satu pelamin.

### **1 FEBRUARI**

Sebilangan besar kakitangan kerajaan telah menikmati kenaikan gaji mulai hari ini yang tertinggi sekali sebanyak \$20.00 sebulan.

Operasi 'cordon' telah dilancarkan oleh Tentera Nippon di beberapa kawasan di Pulau Pinang untuk mengesan dan menahan anggota-anggota komunis dan penyokong-penyokong mereka. Orang awam yang hendak ke Tanah Besar Seberang memerlukan surat kebenaran daripada pihak yang berkuasa.

### **5 FEBRUARI**

Hari ini Hari Raya Cina yang disambut seperti tahun yang lalu, sepi dan dalam suasana penderitaan. Hari ini diumumkan hari kelepasan am, setengah hari sahaja, tetapi ia bukan kerana Hari Raya Cina. Kakitangan kerajaan kaum Cina yang boleh dilepaskan telah diberikan cuti sepenuh hari.

### **9 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

Negeri Perlis berada dalam perkabungan kerana kemangkatan Baginda Rajanya, DYMN Tuanku Syed Alwi ibni Almarhum Tuanku Syed Sopicce, 61 tahun, yang disayangi oleh rakyat, yang mangkat di Istana Arau pada hari Isnin 1 Februari, 2603.

Akhbar Penang Shimbun telah diberitahu oleh Jabatan Kawalan Makanan, satu keluaran khas gula telah diluluskan untuk menyambut kelahiran sebuah negara baru - Malai. Malai ialah nama dalam bahasa Jepun yang telah diberikan kepada bumi Semenanjung Tanah Melayu atau Malaya. Orang awam di Pulau Pinang dan Seberang Perai akan menerima keluaran khas ini sebanyak sekati seorang yang akan diedarkan oleh peruncit-peruncit dari 12.2.2603 hingga

18.2.2603. Keluaran ini adalah sebagai tambahan kepada catuan semasa bagi sebulan sebanyak 12 tahlil seorang.

### **11 FEBRUARI**

Hari ini Hari Empayar Jepun. Seperti biasa kakitangan kerajaan terpaksa berhimpun di Padang CRC (Chinese Recreation Club) untuk memberi hormat kepada Maharaja Hirohito, kepada TYT Gabenor, bertafakur seminit dan memberi sorakan "Banzai" tiga kali. Inilah corak setiap perhimpunan sehingga rakyat bosan dengannya. Tetapi mereka tidak berani menyuarakan perasaan kerana takut akan tindak balas yang kejam dan ngeri daripada pihak berkuasa.

### **14 FEBRUARI**

Lima pintu gerbang berlampu telah dibina untuk menyambut perayaan Ulang Tahun Kejatuhan Negeri Singapura ke tangan Tentera Dai Nippon - di King Edward Place, Weld Quay/Chulia Street/Pitt Street, Penang Road/Tamil Street dan Magazine.

### **15 FEBRUARI**

Hari ini Hari Perayaan Ulang Tahun Kejatuhan Negeri Singapura ke tangan Imperialis Dai Nippon di bawah pemerintah Lt. Jeneral T. Yamashita yang diberi gelaran "Harimau Malaya".

### **17 FEBRUARI**

Medan selera baru Rin Min Toshi di persimpangan Jalan Penang dan Jalan Gladstone telah dibuka pagi ini. Pasar Nyonya di Jalan Kuantan telah kehilangan popularitinya.

### **24 FEBRUARI**

Hari ini orang Nasrani disyaratkan supaya mendaftarkan diri masing-masing di balai polis yang terdekat.

### **6 MAC**

Sistem pengangkutan najis menjadi lebih merbahaya kerana pekerja-pekerja tidak menjalankan tugas dengan

sempurna. Najis telah dibuang ke dalam sungai di Kampung Baru dekat dengan rumah-rumah kediaman kerajaan!

### **10 MAC**

Kerajaan Nippon kelihatan amat suka mengisytiharkan hari kelepasan am kerana apa jua sebab yang dianggap perlu sebagai propagandanya. Hari ini Hari Tentera dan oleh itu hari kelepasan am.

*Berita Penang Shimbun.*

Sebagai satu langkah untuk mewujudkan persefahaman antara pertubuhan Islam di Malai dan Sumatra, satu persidangan raksasa tiga hari akan bersidang di Syonan-To mulai dari 4 April 2603. Wakil-wakil dari Pulau Pinang dan Seberang Perai yang telah dipilih untuk menghadiri persidangan tersebut ialah:

En Abdullah Ariff (calon kerajaan)

En Abdul Manan Nordin

En A M Y Izzuddin

En A H Hussin

En Sheikh Hussin Rafec

En Gulam Sarwar Al-Hafiz

### **11 MAC**

Beberapa jenis ubat yang penting kini sukar diperolehi kerana kekurangan di pasaran biasa dan harganya pula amat mahal. Umpamanya harga Quinine Bihydrochlor ialah \$460.00 sepound, Quinine Sulphate \$250.00 sepound dan M & B 693 \$1.10 sebiji di pasaran gelap.

### **19 MAC**

Hari ini Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Orang Islam dalam perkhidmatan kerajaan telah diberikan cuti setengah hari. Satu perhimpunan besar telah diadakan di padang Datuk Keramat pada petang hari oleh masyarakat Islam.

### **1 APRIL**

Satu berita dari Hospital Besar Pulau Pinang melaporkan

4 orang pembantu hospital, 12 orang jururawat, 4 orang atendan, seorang amah dan 12 orang buruh Jabatan Kesihatan telah dibuang kerja atas sebab-sebab yang tidak diketahui.

## 2 APRIL

Beberapa orang pegawai kanan kerajaan telah dinaikkan pangkat untuk menjawat jawatan tertinggi dalam Perkhidmatan Awam. Mereka ialah:

En. Lim Cheng Ean	Dr. S V Moorthy
En. Lim Koon Teik	Dr. V K Thambipillai
En. Khoo Soon Chee	Dr. A Soomasundram
En. Lim Huck Aik	Dr. H R Saravanamuthu
Dr. Lee Keng Soon	En. Jayaraman (PWD Buttrworth)
Dr. R Letchumanasamy	En. S T Stewart
Dr. R Apparajoo	En. Md Hussin bin Abdul Halim
Dr. C Subramaniam	En. Mohd Noor bin Shaik Ahmad
Dr. S M Baboo	En. Tay Hooi Soo
Dr. R K Ponniah	En. Chan Yit King
Dr. H Metha	En. Ho Chin Yaen
Dr. M Saravanamuthu	En. E M Jorje
En. A R Kuppusamy	En. Goh Hin Chong

## 7 APRIL

Ramai lagi kakitangan kerajaan telah dibuang kerja tanpa notis 24 jam. Ada kakitangan yang diberikan hanya beberapa minit notis sahaja. Sebab-sebabnya tidak diberikan.

## 11 APRIL

Wakil-wakil dari Pulau Pinang, yang menghadiri persidangan pertubuhan-pertubuhan Islam Malai dan Sumatra di Syonan-To, telah kembali ke Georgetown kelmarin. Encik A M YIzzuddin, dalam temu ramahnya dengan akhbar Penang Shimbun, telah berkata persidangan tersebut yang pertama kali pernah diadakan di rantau ini telah membuka peluang kepada umat Islam di Malai dan Sumatra untuk mengeratkan

tali persaudaraan yang dahulu tidak digalakkan oleh penjajah British dan Belanda kerana dasar mereka untuk memisah dan mentadbir! Persidangan tersebut telah diadakan dengan restu dan jasa baik Dai Nippon yang ingin menunjukkan dasar terbukanya terhadap Islam.

Masyarakat Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai semestinya bersyukur kerana adanya pemimpin Melayu pada ketika itu yang berani mengemudikan bahtera ketuanan Melayu dalam lautan yang bergelombang maut untuk memelihara hak-hak dan keistimewaan Melayu serta menitikberatkan asal dan akar rumpun bangsa Melayu, di bumi bertuah ini, yang pada masa itu dan pada beberapa abad yang lalu, dikenali sebagai Semenanjung Tanah Melayu. Kini nama ini telah luput daripada istilah harian kita dan hanya tertinggal sebagai satu kesan sejarah dan kenang-kenangan sahaja di badan kenderaan, yang melingkar dari utara ke selatan, yang dikenali sebagai Keretapi Tanah Melayu, KTM!

Dengan kewujudan kepimpinan Melayu ini dan usaha-usaha mereka, pihak kerajaan Imperialis Dai Nippon, yang bengis dan zalim itu, nampaknya melembutkan sedikit dasarnya terhadap kaum Melayu dan mula menunjukkan sikap yang lebih liberal. Perubahan ini walaupun kecil besar ertinya dalam konteks luas cengkaman kuku besinya terhadap rakyat-rakyat tawanannya.

#### **14 APRIL**

Satu berita rasmi melaporkan kematian Gebenor Selangor, TYT Encik Kikuchi dalam satu kemalangan jalan raya dekat dengan Labis pada 11 April. Setiausahanya turut terkorban dalam kemalangan ini.

#### **17 APRIL**

Meryam Sri Bungah Opera, satu kumpulan bangsawan dari Kelantan, telah mempersembahkan satu cerita bertajuk "Telaga Berapi" di Taman Hiburan Yachiyo. Persembahan ini telah ditonton oleh masyarakat Melayu yang rindu kepada hiburan seperti ini sehingga tidak ada kerusi yang kosong.

## 19 APRIL

Encik Miazaki, seorang pegawai yang bertugas di Jabatan Pemelihara Harta Musuh, telah meninggal dunia pada 15.4.2603 di Hospital Besar semasa menjalani pembedahan appendiks. Satu upacara memperingati jasanya telah diadakan di Padang CRC yang dihadiri oleh beratus-ratus kakitangan kerajaan.

## 20 APRIL

*Berita Penang Shimbun.*

*Lisbon, 19 April*

Satu laporan dari Lisbon menceritakan bagaimana seekor kangaroo telah menyamar sebagai musuh dalam selimut bagi pihak Jepun di New Guinea. Binatang itu berlari ke arah sebuah pesawat pengebom, yang sedang memecut sebelum naik ke udara, dan berlanggar dengannya. Pesawat ini, yang dipandu oleh Major Kenneth Mocular, serta bom-bom yang dibawanya telah meletup dan membunuh pemandu dan anak-anak kapalnya. Kesimpulannya, binatang kangaroo juga sedia berkhidmat untuk menghancurkan tentera-tentera yang melawan Kuasa Axis!

Satu berita dari sempadan India/Burma melaporkan bahawa satu upacara telah diadakan di situ untuk menyampaikan bintang keberanian (anumerta-posthumous) kepada Sgt. Fuji daripada unit udara Jepun kerana telah berjaya menghalang 16 buah kapal terbang musuh membuat serangan bom ke atas sebuah landasan kapal terbang di sempadan Burma.

## 29 APRIL

Hari ini Hari Keputeraan Maharaja Hirohito yang ke 43 dan hari kelepasan am bagi seluruh Malai. Satu perhimpunan besar-besaran telah diadakan di padang CRC dengan upacara seperti biasa. Satu perarakan Chingay juga telah diadakan untuk memeriahkan perayaan.

## 30 APRIL

Mejar Jeneral Masakichi Itani telah tiba di Pulau Pinang

pada jam 4.30 petang waktu Tokyo dengan kereta api khas dari Johor Bahru untuk mengambil alih jawatan gabenor daripada Lt. Jen. Shotaro Katayama yang telah ditukar untuk menjawat jawatan gabenor Negeri Selangor.

### **3 MEI**

Lt. Jen. S. Katayama telah berlepas ke Kuala Lumpur pagi ini. Beratus-ratus kakitangan kerajaan telah berkumpul di pangkalan feri FMS (Federated Malay States) untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau. Lt. Jen. S. Katayama telah dihadiahkan sehelai kain sutera gulung (scroll) yang tertulis dengan perkataan Jepun. Hadiah ini diisikan dalam sebuah kotak perak sebagai cenderamata daripada semua masyarakat.

### **5 MEI**

Jeneral Hideki Tojo, Perdana Menteri Jepun, telah melawat Filipina dan diberikan sambutan yang meriah.

### **10 MEI**

*Berita Penang Shimbun.*  
*Berlin, 8 Mei*

Trans-Ocean telah melaporkan dari Rom rintangan askar-askar Kuasa Axis telah dipatahkan oleh Tentera Bersekutu di Tunis dan Bezerta.

### **13 MEI**

Sultan Kedah, DYMM Tunku Abdul Hamid Halim Shah telah mangkat di Alor Setar pada jam 12.45 tengah hari (waktu Tokyo) iaitu pada jam 11.15 waktu Semenanjung Tanah Melayu. Almarhum Baginda Sultan berusia 79 tahun. Baginda Tunku telah dilahirkan pada 4 Jun 1864 dan menaiki takhta Negeri Kedah pada 1 Januari 1882. Baginda telah merayakan Perayaan Jubli Emas pemerintahan baginda pada tahun 1932. Persiapan telah dibuat untuk menyambut Perayaan Jubli Intan Baginda pada tahun 1942 apabila Peperangan Dunia Kedua telah mencetus. Tempoh kesultanan DYMM Baginda adalah yang terluna sekali dalam sejarah, dalam mana-mana negeri Semenanjung Tanah Melayu.



Semenjak beberapa tahun lalu, atas sebab-sebab kesihatan, Baginda telah tidak mengambil bahagian aktif dalam perjalanan kerajaan dan tugas-tugas baginda telah dijalankan oleh anakanda baginda, YAM Tunku Mahmud dan kemudian oleh YAM Tunku Badlishah setelah YAM Tunku Mahmud mangkat.

### **17 MEI**

Upacara pengkebumian Almarhum DYMM Sultan Tunku Abdul Hamid ibni Almarhum Tunku Abdul Halim telah selamat disempurnakan dengan penuh istiadat diraja pada hari Sabtu 15 Mei. Sebelum upacara pengkebumian, Tunku Regen Kedah, YAM Tunku Badlishah, telah diisytiharkan Sultan baru oleh Gabenor Kedah, TYT Mejar-Jeneral Seiji Sukegawa. Dalam upacara seterusnya TYT Gabenor telah menyampaikan keris tradisi emas kesultanan Kedah kepada DYMM Baginda Sultan yang baru. Pengisytiharannya telah disambut dengan sahutan "Daulat Tuanku" oleh rakyat. Jenazah Almarhum kemudian telah diusung ke anjung istana. YAM Tunku Yacob kemudian telah mengisytiharkan dengan rasmi kepada rakyat kemangkatan DYMM Almarhum Sultan Tunku Abdul Hamid serentak dengan pengisytiharan DYMM Tunku Badlishah sebagai Sultan Kedah yang baru. Selepas pengisytiharan perarakan jenazah telah menuju ke Makam Diraja di mana Almarhum Baginda telah disemadi selamalamanya.

### **21 MEI**

Kerajaan akan menghantar dua orang pegawai tertinggi ke Tokyo untuk belajar sambil memerhati sistem pentadbiran Nippon dan melawat pusat-pusat perindustrian di negara itu. Apabila kembali ke tanah air nanti, mereka boleh membawa perubahan besar dalam usaha membangunkan Malai. Mereka ialah Encik Mohd Sahid bin Shaik Dawood dan Encik Che Amat bin Muin.

### **22 MEI**

*Tokyo, 21 Mei*

Berita dari Tokyo telah melaporkan kematian Laksamana

Agung I Yamamoto, Panglima Tertinggi Armada Jepun, di medan peperangan apabila kapal terbang yang dinaikinya telah bertempur dengan musuh semasa mengetuai operasi strategik pada bulan April tahun ini.

## **29 MEI**

Pawagam Rex (Fuji Eiga Gekijyo) sedang menayang sebuah filem berjudul "South of the Border". Manakala Pawagam Majestik (Penan Eiga Gekijyo) pula sedang menayang sebuah filem berjudul "The Feminine Touch".

## **2 JUN**

Dalam satu upacara penyampaian sijil-sijil kelulusan bahasa Nippon-Go, Gabenor Pulau Pinang, TYT Mejar Jeneral Itani, telah berkata "Bukan sahaja kamu perlu diajar bahasa Nippon-Go tetapi kamu juga perlu memahami semangat 'Sei-chew' yang diamalkan oleh askar-askar Jepun yang sanggup mengorbankan diri di medan peperangan. Amatlah penting bagi kamu sekalian mengamalkan semangat ini dalam semua urusan kamu."

Di Taman Hiburan Wembley, Bangsawan Yem sedang mementaskan satu cerita berjudul "Sunshine over Tahiti".

## **4 JUN**

Upacara pengkebumian mendiang Laksamana Agung, Jeneral I Yamamoto, yang terkorban dalam peperangan dengan semangat pahlawan, akan diadakan pada 5 Jun di Tokyo. Bendera Jepun hendaklah dikibar separuh tiang di setiap bangunan sebagai tanda hormat kepada mendiang. Bendera-bendera hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

1. Bahagian atas tiang bendera hendaklah dibalut dengan kain hitam.
2. Sekeping ribon hitam, yang lebarnya beberapa inci sahaja, hendaklah dijabit di bahagian atas bendera sepanjang bendera tersebut.

*Notis Kerajaan:*

*Penang Shu Seicho 2.6.2603*

Semua tempat hiburan hendaklah ditutup dan rakyat hendaklah menunjukkan wajah yang muram sepanjang hari pengebumian. Yang sebenarnya, kebanyakan rakyat berdoa supaya banyak lagi panglima tertinggi akan menemui ajal supaya peperangan tamat dengan lebih cepat dengan kemenangan Kuasa-Kuasa Bersekutu!

## 17 JUN

*Berita Penang Shimbun.*

*Libson, 16 Jun.*

Ketibaan King George VI di Utara Afrika pada hari Sabtu lalu, dengan sebuah pesawat pengebom berinjil-4, telah diumumkan oleh Istana Buckingham hari ini. Baginda telah bertemu dengan Panglima-Panglima Tertinggi Kuasa-Kuasa Bersekutu dan telah memeriksa askar-askar barisan hadapan British, Amerika Syarikat dan askar-askar De Gaulle.

## 19 JUN

Menurut satu berita, Subhas Chandra Bose, telah tiba di Tokyo dari Negara Jerman untuk mempergiatkan usahanya untuk membebaskan benua India daripada penaklukan Imperialis British.

## 5 JULAI

Jeneral H Tojo, Perdana Menteri Jepun, telah tiba di Shonan-To untuk lawatan rasmi beberapa hari.

## 7 JULAI

*Berita Penang Shimbun*

*Bangkok, 5 Julai*

Dai Nippon dan Thailand telah mencapai persetujuan untuk menyerapkan empat wilayah Utara Malai dan dua wilayah di Negeri Shan ke dalam jajahan Thailand mengikut satu pengisytiharan bersama yang dikeluarkan oleh Dai Nippon dan Thailand menerusi kedutaan Dai Nippon di Bangkok pada jam 2.00 petang hari ini. Perjanjian ini telah dipersetujui oleh kedua-dua Perdana Menteri – Jeneral H. Tojo bagi pihak Jepun dan Phibul Songgaram bagi pihak

**Thailand.** Di bawah perjanjian tersebut, negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu di Malai utara akan diletakkan di bawah jajahan Thailand bersama-sama wilayah-wilayah Keng Tung dan Mong Pan.

Jeneral H. Tojo telah mengadap Baginda Sultan-Sultan Johor, Perak, Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perlis di satu upacara di Shonan-To pada 6.30 petang hari ini.

## 9 JULAI

Pertubuhan Kemerdekaan India Cawangan Asia Timur telah mengumumkan pembentukan sebuah markas tentera yang dikenali sebagai Tentera Kebangsaan India (I N A). Tentera ini berikrar akan memperjuangkan kemerdekaan India habis-habisan.

Harga basikal kini kian meningkat - \$1,500.00 sebuah di pasaran gelap.

## 2 OGOS

*Berita Penang Shimlun.*

*Rangoon, 1hb Ogos*

Burma telah mengisytiharkan kemerdekaannya daripada penaklukan British pada jam 11.00 pagi. Pada jam 4.30 petang, Perdana Menteri Ba Maw telah membaca surat pengisytiharan, di Perjumpaan Pengasasan Negara (State Foundation Assembly) yang mengumumkan kewujudan peperangan antara Burma dengan Amerika Syarikat dan Great Britain. Sebelum itu, pada tengah hari, Perdana Menteri Ba Maw dan Duta Jepun ke Burma, Encik R. Samada, telah menandatangani surat perjanjian dan perselahaman antara Burma dan Dai Nippon.

## 21 OGOS

Mulai 1 September semua filem berbahasa Inggeris akan diharamkan penayangannya di pawagam-pawagam. Hanya filem Dai Nippon sahaja akan dibenarkan. Pawagam Queens (Kyo-Ri Eiga Gekijyo) sedang menayang sebuah filem berjudul "Carolina Moon". Ini adalah filem Inggeris terakhir.

## **28 OGOS**

*Notis Kerajaan.*

Mulai hari ini semua jenis kenderaan tidak boleh dijual atau diubah milik tanpa kebenaran kerajaan terlebih dahulu.

## **10 SEPTEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 9 September.*

Lembaga Penerangan Nippon telah mengeluarkan satu kenyataan yang melaporkan peristiwa penyerahan kalah kerajaan Itali kepada Amerika Syarikat dan Great Britain. Penyerahan kalah ini telah dilakukan oleh Perdana Menteri Badoglio tanpa syarat. Askar-askar Jerman akan terus berjuang di medan peperangan Itali.

## **11 SEPTEMBER**

*Istanbul, 10 September*

Menurut berita bukan rasmi, kerajaan Iran telah mengisytiharkan kewujudan peperangan antaranya dan Negara Jerman.

## **16 SEPTEMBER**

Pada jam 5.30 petang asap tebal telah kelihatan di persekitaran Kuala Perai. Asap ini berpunca daripada kebakaran sebuah kapal laut yang agak besar. Lebih kurang pada jam 7.45 malam, dua letupan kuat telah kedengaran di sekitar Georgetown yang menyebabkan langit bercahaya.

Georgetown pada ketika itu berada dalam keadaan kelim kabut sehingga hilang ketenteramannya. Penduduk yang cuba melarikan diri ke kawasan yang lebih selamat telah dihalang oleh pihak polis dan diarah supaya kembali ke rumah masing-masing.

## **19 SEPTEMBER**

Georgetown mengalami kekurangan bahan-bahan kain dan sebagainya untuk pakaian. Akibat ini kain cadar, langsir, bantal telah digunakan sebagai pengganti. Barang-barang dari

Tokyo seperti kain untuk baju kot, seluar, sikat, berus gigi yang sampai di Georgetown boleh dibeli di Syarikat Daimaru (dahulu Whiteaway Laidlaw Ltd.), sebuah syarikat Jepun.

## **20 SEPTEMBER**

Pihak kerajaan telah mengeluarkan satu buku panduan tentang penggunaan lampu di luar dan dalam bangunan untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan penggelapan dan separuh penggelapan pada waktu serangan udara.

## **21 SEPTEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*  
*Syonan-To, 20 September*

Encik Ras Bihari Bose, seorang pemimpin kanan Subhas Chandra Bose, telah mengumumkan hasratnya untuk bertolak ke Tokyo untuk menerima rawatan mandi di kolam mata air panas (hot spring water cure) sebagai persiapannya untuk berjalan bersama-sama askar-askar Tentera Kebangsaan India (I N A) ke sempadan India untuk membebaskan benua itu daripada penaklukan British dengan bantuan Dai Nippon.

## **25 SEPTEMBER**

Bangunan Ibu Pejabat Polis di Jalan Penang kelihatan diperkuatkan dengan bungkusan-bungkusan pasir, yang diletakkan di atas tembok batu kaki limanya, untuk memberi perlindungan yang lebih berkesan daripada serangan udara yang semakin ketara.

Gabenor Pulau Pinang, TYT Mej. Jen Masakichi Itani telah berkata "Pihak musuh boleh datang bila-bila masa sahaja. Jika mereka datang janganlah meninggalkan rumah kamu. Sekiranya kamu mengengkari nasihat saya, ini bermakna kamu bersubahat dengan musuh dan kamu akan menerima hukuman yang berat. Pihak musuh hanya akan mengebom sasaran tentera sahaja. Mereka tidak mampu hendak merugikan bom-bom besar yang mahal harganya."

## **28 SEPTEMBER**

### *Pekeliling Kerajaan.*

Pembayaran ganjaran kepada kakitangan kerajaan telah dibuat seperti berikut:

1. Lebih daripada 6 bulan perkhidmatan    Sebulan gaji
2. Kurang daripada 6 bulan perkhidmatan    Setengah bulan gaji

Daripada ganjaran yang akan dibayar, \$10.00 ringgit akan dipotong sebagai simpanan wajib dalam Bank Simpanan Kerajaan dan \$1.00 sebagai potongan wajib (bagi kakitangan hospital) untuk satu majlis perpisahan Prof. Dr. Watanabe yang akan kembali ke Tokyo untuk bercuti.

## **1 OKTOBER**

Hari ini Hari Raya Puasa tetapi tidak diisytiharkan sebagai hari kelepasan am. Kakitangan kerajaan beragama Islam telah diberikan cuti penuh untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Satu perhimpunan orang Islam telah diadakan di Padang Datuk Keramat. Pengerusi majlis ialah En. A M Y Izzuddin. Syarahan telah disampaikan oleh En. Gulam Sarwar Al-Hafiz dalam bahasa Nippon-Go. Beliau amat fasih dalam bahasa tersebut. Doa selamat telah dibaca oleh Tuan Hj. Pawanteh. Syarahan-syarahan juga telah disampaikan dalam bahasa Tamil, Urdu dan Arab. Upacara ini telah dilaporkan menerusi Radio Pulau Pinang oleh juruhebahnya En S. M. Zainal Abidin B. A. (London).

## **14 OKTOBER**

Negara Filipina telah diberikan kemerdekaannya pagi ini oleh kerajaan Dai Nippon.

## **15 OKTOBER**

Tembok batu sedang dibina di hujung Lebuhr Downing dan gerai-gerai makanan di kawasan itu telah dirobuhkan. Pusat-pusat perlindungan daripada serangan udara telah diperbaharui.

Mulai hari ini semua kakitangan kerajaan telah diwajibkan menyertai sesi senaman selama sejam pada tiap-tiap pagi sebelum bekerja.

## **20 OKTOBER**

*Berita Penang Shimbun*  
*Bangkok, 19 Oktober*

Kerajaan Thailand telah mengumumkan permulaan pentadbirannya di empat buah negeri di Malai Utara dan dua buah wilayah Shan yang telah discrapkan ke dalam jajahan Thailand baru-baru ini.

Semua piring peti bunyi (Gramafon) dalam bahasa Inggeris dan Mandarin telah diharamkan.

## **21 OKTOBER**

Sebuah Kerajaan India Bebas Sementara telah diumumkan oleh En. S. Chandra Bose di satu perhimpunan besar. Beliau ialah ketuanya.

## **26 OKTOBER**

*Berita Penang Shimbun.*  
*Syonan, 24 Oktober.*

Pengisytiharan En. S Chandra Bose.

Kerajaan Sementara Azad Hind telah mengisytiharkan kewujudan peperangan antaranya dengan Amerika Syarikat dan Great Britain pada jam 11.30 pagi hari ini.

## **28 OKTOBER**

Hari ini Hari Deepavali tetapi tidak pula disenaraikan sebagai cuti umum. Kakitangan yang beragama Hindu telah diberikan cuti penuh untuk meraikan perayaan mereka.

Semua kakitangan kerajaan pada zaman Jepun layak menerima rokok jenis Koa, Cycle dan Colah daripada kerajaan. 30 batang dibekalkan tiga kali sebulan untuk seorang. Rokok biasanya dijual untuk menambah rezeki keperluan hidup.



### 30 OKTOBER

Roti akan diedarkan ke rumah-rumah untuk mengelakkan untung berlebihan oleh penjual-penjual yang tidak bertanggungjawab. Pembelian boleh dibuat menerusi Rinpohancho (Rukun Tetangga) masing-masing. Kayu api dan arang juga akan diedar mengikut bilangan penghuni yang tercatat dalam kad beras. Hanya penduduk Georgetown sahaja akan terlibat dengan catuan ini.

### 1 NOVEMBER

Harga akhbar Penang Shimbun dinaikkan daripada 5 sen kepada 7 sen hari ini. Mulai dari 24 Oktober 2603 keluaran mingguan Penang Shimbun telah diberhentikan.

#### *Berita Penang Shimbun.*

Dalam seruan pertamanya sebagai Ketua Kerajaan Sementara Azad Hind, En. S. Chandra Bose telah mengumumkan bahawa sehingga 24 Oktober beliau telah mengutip \$6.3 juta ringgit daripada jutawan Pertubuhan Kemerdekaan India di Malai. En. S. Chandra Bose telah dikalungkan dengan sekarangan bunga apabila beliau tiba di Stadium Besar Syonan-To untuk perjumpaan raksasa kedua yang diadakan semenjak pengisytiharan penubuhan Kerajaan Sementara Azad Hind baru-baru ini. Kutipan wang berjumlah \$6.3 juta ringgit telah dihasilkan daripada penjualan 63 kalung bunga yang berharga \$10,000 sekalung, yang dibeli oleh peniaga-peniaga India dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada jumlah \$100 juta ringgit yang beliau perlukan daripada masyarakat India di seluruh Malai dengan segera. Ini adalah untuk membiayai Kerajaan Azad Hind. Lebih kurang 10,000 orang telah menghadiri perhimpunan raksasa tersebut.

Dalam ucapannya yang terbuka dan bersemangat, En. S. Chandra Bose telah berkata "Di perhimpunan yang lalu saya telah membuat rayuan saya yang terakhir. Hari ini, saya berdiri di sini bukan untuk membuat rayuan lagi tetapi untuk membuat tuntutan menurut hak. Saya ialah seorang yang praktis yang menghayati apa yang saya kata. Sekarang setelah Kerajaan Sementara Azad Hind ditubuhkan, saya akan

mengambil apa jua sahaja daripada kamu sekalian. Apabila sesebuah negara mengisytiharkan peperangan, kerajaannya berkuasa atas segala-galanya – nyawa dan harta penduduk-penduduknya – untuk menyelamatkan negara. Hari ini, kita sedang membuat persiapan untuk berperang dan kamu mesti ingat nyawa dan harta kamu adalah hak milik India. Kamu hendaklah mewujudkan semangat yang bersifat 'nyawa saya bukan hak milik saya!', dan 'harta dan perniagaan saya juga bukan hak saya' dan 'saya mestilah memberikan segala-galanya!' Sesiapa pun tidak boleh berkata 'saya tidak ingin mendaftarkan diri sebagai seorang soldadu dan saya tidak akan menunaikan tuntutan kerajaan'. Jika kita mahu kebebasan, kita mesti memberikan kedua-dua benda ini – nyawa dan harta – dengan sukarela."

En S. Chandra Bose, dalam suasana dramatis, telah berkata "Mereka yang tidak bersama-sama saya ialah musuh saya, lebih bermusuhan daripada permusuhan kita dengan kaum Inggeris/Amerika. Kita tidak akan mengiktiraf golongan ini sebagai rakyat India atau sahabat kita. Tidak ada tempat bagi mereka di benua India! Rancangan Azad Hind adalah untuk mara atau mati! Kenapa tidak mengorbankan harta untuk mereka? Soldadu-soldadu tidak boleh berkata 'Saya akan mengorbankan 10% jiwa saya dalam perjuangan yang akan datang.' Kerana itu, kenapa kamu hanya menghulurkan 5% atau 10% sahaja daripada harta kamu?"

Dalam ucapan penutupnya, sebagai satu ujian utama keyakinan masyarakat Malai keturunan India terhadap kepimpinannya, En. S. Chandra Bose telah mengingatkan kekayaan yang dimiliki kaum India di Malai, dengan aset-aset mereka yang ditaksirkan oleh kerajaan dahulu sebanyak \$1,000 juta ringgit, adalah lebih kecil daripada yang mereka miliki sekarang.

### 3 NOVEMBER

Hari ini Hari Keputeraan Meiji Setan. Satu perhimpunan telah diadakan di perkarangan bangunan kerajaan. Ucapan utama telah disampaikan oleh Gabenor Pulau Pinang, TYT Mejar Jeneral Masakichi Itani. Di majlis tersebut, sekeping

cek bernilai \$200,000 ringgit telah dihadaikan kepada Kerajaan Dai Nippon oleh masyarakat Malai keturunan Cina untuk membeli sebuah kapal terbang untuk Dai Nippon.

## **5 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

*Kawalan Buah Kelapa.*

1. Pemilik-pemilik ladang pokok kelapa di Pulau Pinang dan Seberang Perai diwajibkan menjual buah kelapa mereka atau kelapa kering kepada peruncit-peruncit tertentu yang diluluskan oleh Gabenor.
2. Pemilik-pemilik ladang yang memerlukan buah kelapa untuk kegunaan sendiri mestilah membuat permohonan kepada Gabenor melalui pegawai-pegawai daerah berkenaan atau melalui Nomuka Penang Shu Seityo dan memberi sebab-sebab mereka memerlukan buah-buah tersebut. Lima puluh biji buah kelapa dibenarkan sebulan bagi setiap pemilik ladang untuk kegunaan sendiri.
3. Mereka yang melanggar perintah ini boleh didenda sebanyak \$3,000.00.

## **8 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Satu latihan cara mengawal cahaya dimulakan hari ini selama sebulan. Keberkesanan peringkat penggelapan dan separuh penggelapan akan diujikan dengan teliti. Penghuni rumah akan menerima arahan daripada Rinpohanchu masing-masing.

Sebagai satu pengiktirafan tertinggi terhadap pemerintahan yang cemerlang beberapa anugerah Diraja Imperialis Dai Nippon telah dipersembahkan ke bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Tunku Badlishah (Kedah), Tuanku Raja Syed Hamzah (Perlis), Sultan Tuanku Ali (Terengganu) dan Sultan Tengku Ismail (Kelantan).

## **10 NOVEMBER**

*Notis Kerajaan No. 35.*

Pemilik rumah dan pemilik geran tanah yang menyewakan rumah atau tanah mereka semenjak bulan Januari 2602 hendaklah melaporkan butir-butir berikut kepada Gabenor:-

1. Lokasi rumah atau tanah
2. Nama penyewa dan jenis perniagaan
3. Sewa sebelum peperangan
4. Sewa sekarang
5. Tempoh dan kandungan perjanjian.

Mulai dari sekarang, semua peraturan untuk pajakan hendaklah dihuluskan oleh Gabenor terlebih dahulu. Mereka yang tidak membuat laporan ini akan menerima hukuman berat.

Masakichi Itani  
Gabenor

## **15 NOVEMBER**

Kad catuan rokok telah dikeluarkan untuk semua kakitangan kerajaan. Kad ini melayakkan pemiliknya menerima 20 batang rokok pada setiap sepuluh hari. Rokok-rokok boleh diperolehi di kantin kerajaan di bangunan Chief Police Officer (CPO) lama. Pengedaran rokok seperti ini telah berkuatkuasa semenjak tiga bulan yang lalu. Rokok telah menjadi sumber rezeki kepada kakitangan kerajaan kerana harganya yang tinggi di pasaran gelap.

## **20 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Mulai hari ini buah kelapa boleh dibeli di kedai runcit. Pembelian hanya boleh dibuat dengan kad catuan beras sahaja di kedai-kedai para penghuni itu membeli beras. Harganya 10 sen sebiji dan dihadkan kepada sebiji sehari.

Penjual-penjual haram di tepi-tepi jalan yang menjual barang-barang mereka dengan harga tinggi telah ditangkap. Mereka dihias dengan sayur-sayuran dan muka mereka

diconteng. Kemudian mereka telah dipamerkan di hadapan rakyat sambil berjalan di jalan-jalan raya terkemuka dan diiringi oleh sebuah pancaragam brass. Penjual-penjual tersebut dipaksakan membawa sepanduk yang mengemukakan "Menjual dengan harga tinggi itu mengkhianati rakyat," "Musnahkan musuh masyarakat!" Perarakan berakhir di Pasar Besar setelah pengkhianat-pengkhianat itu benar-benar insaf dan mengakui pengkhianatan mereka!

### **21 NOVEMBER**

En. Shamsuddin bin Itam telah dilantik sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. En. Shamsuddin ialah seorang bekas majistret dalam perkhidmatan kehakiman FMS dan beliau ialah menantu Tuan Haji S. M. Joonoos.

### **22 NOVEMBER**

En Maida, Pengarah Jabatan Perdagangan dan Perindustrian, telah memberi satu ceramah melalui siaran Radio Pulau Pinang tentang pengawalan harga komoditi keperluan harian. Ceramah ini meliputi dasar pengawalan, bentuk pengawalan, sistem catuan, denda atas pelanggaran peraturan dan sebagainya.

### **25 NOVEMBER**

Hari ini hari latihan pertahanan awam. Kapal terbang angkatan laut telah mengambil bahagian selaku penyerang dan cerawat (penyala api) telah digunakan sebagai bom.

*Notis Kerajaan No. 41.*

1. Untuk mencapai pencukupan sendiri dalam hal pemakanan, tiap-tiap keluarga hendaklah menanam pokok yang mendatangkan hasil cepat dan sayur-sayuran di perkarangan rumah masing-masing dalam tempoh sebulan dari tarikh notis ini.
2. Keluarga yang berjaya menghasilkan bahan-bahan makanan dengan baik akan diberikan hadiah.

3. Mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan teknik boleh menghubungi Nomuka Penang.

25.11.2603

Masakichi Itani  
Gabenor

## 2 DISEMBER

*Notis Kerajaan No. 43.*

Mulai dari 1 Disember 2603, kadar catuan beras di pekan adalah seperti berikut:-

	Sekarang	Dahulu
Lelaki	2 Gantang	2 Gantang
Perempuan 1	1/2 Gantang	2 Gantang
Kanak-kanak	1 Gantang	1 1/2 Gantang

## 8 DISEMBER

Hari ini Hari Raja Haji. Satu perhimpunan besar orang Islam telah diadakan di Padang Datuk Keramat.

*Berita Penang Shimbun.*

Lima belas orang tempatan telah dilantik untuk menganggotai Majlis Negeri Pulau Pinang, 7 orang daripada masyarakat Cina, 5 orang daripada masyarakat Melayu dan 3 orang daripada masyarakat India. Mereka ialah:-

1. En. Lim Cheng Teik
2. En. Khoo Sian Ewe
3. En. Heah Joo Siang
4. En. Ng Swee Kam
5. En. Lim Ewe Thoon
6. En. Heah Seng Huat
7. En. Boi Kian Poh
8. Dr. K. M. Ariff
9. En. S. M. Eusoff
10. Tuan Hj. S. M. Joonoos
11. Tuan Hj. Mohd Hashim bin Hj Md Sagaf
12. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Hassan  
(Bayan Lepas)

13. Dr. N. K. Menon
14. En. H. H. Abdoolcader (kemudian Sir H. H. Abdoolcader)
15. En A. A. Abdul Wahab

## 16 DISEMBER

Penjual-penjual roti yang dilantik oleh Butashi Haikyū mula menjual roti di rumah-rumah Rinpohancho berasaskan kad beras pengguna:-

5 orang	1 biji roti
5 hingga 10 orang	2 biji roti
Lebih daripada 10 orang	3 biji roti

dengan harga 10 sen sebiji.

## 17 DISEMBER

*Berita Penang Shimbun.*

Majlis Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai telah mengadakan persidangannya yang pertama di Dewan Majlis Bangunan Kerajaan. Lima isu penting yang menentukan kebahagiaan dan kebajikan rakyat telah dibincangkan. Majlis telah dipengerusikan oleh TYT Mej. Jen. Masakichi Itani. Isu-isu adalah seperti berikut:-

Mencari jalan dan peluang untuk:

1. menghasilkan keperluan hidup dengan usaha sendiri.
2. meningkatkan kadar import barang makanan dan keperluan lain.
3. meningkat pengeluaran makanan dalam negeri.
4. mengeratkan lagi tali persaudaraan antara semua penduduk dan mempergiatkan usaha melawan pengintipan musuh dan juga dalam hal pertahanan.
5. mengerah tenaga buruh untuk projek-projek tertentu.

Dr. K. M. Ariff dan Tuan Hj. S. M. Joonos telah menyampaikan ucapan sulung masing-masing. Persidangan yang bermula pada jam 11.00 pagi (waktu Jepun) telah tamat pada jam 3.00 petang dan diikuti dengan satu jamuan tengah hari yang disediakan oleh Gabenor sebagai tuan rumah.

## **24 NOVEMBER**

### *Notis Kerajaan*

Enam orang pegawai kanan kerajaan telah dilantik ke jawatan Tokumin-Ri (tingkatan tertinggi) setaraf dengan pegawai-pegawai kanan (Sohin-Kan) dalam kerajaan Dai Nippon di Tokyo. Mereka ialah:-

1. En. Lim Sin Yean
2. En. Ng Eng Seah
3. Tuan Hj. Murshid bin Hj Osman
4. En. Mohd Eusoff bin Gulam Mydin
5. En. Lim Swee Hoe
6. En. Mohd Said bin Sk. Daud

## **25 DISEMBER**

Hari ini Hari Krismas tetapi bukan hari kelepasan am. Masyarakat beragama Kristian telah menyambut hari ini dengan cara terhad tetapi dengan penuh keyakinan dan doa agar penderitaan dan kesengsaraan akan dihapuskan oleh Tuhan tidak lama lagi.

## **30 DISEMBER**

Satu gerakan banci telah dimulakan oleh polis untuk memastikan bilangan penduduk supaya rakyat dapat dikawal dengan lebih ketat.

## **31 DISEMBER**

Hari kelepasan am ini adalah di sebelah petang sahaja. Cuti ini hanya untuk membolehkan semua kakitangan kerajaan membersihkan pejabat-pejabat mereka untuk menyambut Tahun baru 2604 - esok!



## 1944 - TAHUN HARAPAN

**SEKUANTUM** sinar harapan, yang wujud di ufuk barat, telah membawa sedikit cahaya dan keyakinan kepada penduduk Georgetown, yang menderita di bawah pemerintahan Jepun. Peristiwa-peristiwa, di medan peperangan Eropah, telah memperlihatkan Kuasa Axis itu tidak sebegitu kuat seperti yang disangka. Retakan sehalus sehelai rambut boleh melarat menjadi retak seribu, yang boleh memusnahkan kuasa-kuasa yang takabbur. Berita Kuasa Axis, walaupun berunsur propaganda, jika dikaji dengan dalam menunjukkan kuasa itu mula merasai kekuatan kuasa yang melawan mereka akan menjadi lebih merbahaya. Ini satu petanda yang kerajaan Dai Nippon tidak mengeneplikannya dengan begitu sahaja. Langkah-langkah untuk menghadapi masalah ini dan persiapannya telah mula kelihatan di Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Di Pulau Pinang dan Seberang Perai, kewujudan semula Kuasa-Kuasa Bersekutu, yang cabut lari tidak bertanggung tempoh hari, telah memperlihatkan pengembaliannya di ruang udara dan lautan Pulau Pinang. Penerbangan pengintipan yang sering kali berlaku, siang dan malam, telah menyebabkan semboyan dibunyikan berkali-kali setiap hari. Setiap kali semboyan berbunyi, harapan rakyat memuncak walaupun takut dengan akibatnya.

Dalam tempoh enam bulan kedua tahun 1944 akan tercatat dalam sejarah peristiwa serangan bom ke atas sasaran tentera di Pulau Pinang dan Seberang Perai, oleh pesawat-pesawat pengebom B-29 kepunyaan Kuasa-Kuasa Bersekutu. Ini telah menyebabkan kerosakan harta dan pengorbanan jiwa. Mujurlah pengeboman itu dibuat oleh sahabat-sahabat kita dahulu yang berhati-hati juga dalam memilih sasaran mereka. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan yang bukan bercorak ketenteraan telah termusnah juga di Georgetown. Ini kerana meriam-meriam penangkis kapal terbang Jepun, yang dibawa di atas lori-lori berat, bergerak dari setempat ke setempat untuk mengelakkan pengesanan dari udara. Perjalanan lori-lori tersebut telah merangkumi beberapa kawasan perumahan, tanah perkuburan, pinggir dusun dan sebagainya.

Dalam tahun ini juga, harga barang keperluan hidup dalam pasaran gelap telah melambung naik begitu tinggi sekali dan oleh itu terletak di luar kemampuan rakyat miskin. Barang keperluan hidup yang diedarkan mengikut sistem catuan telah diturunkan kuantitinya. Ini telah mencemaskan rakyat. Tanda-tanda kurang zat makanan yang boleh dikatakan serius pada awal tahun ini telah menjadi lebih teruk. Penderitaan kerana kebuluran di kalangan orang miskin telah menjadi kenyataan dan boleh melarat lagi jika langkah-langkah tidak diambil dengan segera oleh pentadbiran Dai Nippon untuk mengatasinya. Oleh kerana inilah kerajaan Dai Nippon telah mengeluarkan satu perintah yang mewajibkan pemuda-pemuda yang bertugas dalam perkhidmatan sedentary meninggalkan kerja masing-masing supaya tenaga mereka dapat dikerahkan ke arah bidang penanaman bahan-bahan makanan di beberapa ladang di Seberang Perai.

## **1 JANUARI**

Hari ini hari kelepasan am. Sebabnya tidak diketahui. Satu perhimpunan kakitangan kerajaan telah diadakan di perkarangan Bangunan Kerajaan di Lebuhr Downing. Ucapan utama telah disampaikan oleh Gabenor.

### **3 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun*

Satu gerakan banci yang melibatkan ayam, itik, angsa dan ayam pirus, yang diternakkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai, telah dijalankan oleh kerajaan baru-baru ini. Gerakan ini adalah semata-mata untuk memastikan jumlah haiwan dalam ternakan supaya bantuan dapat diberikan untuk meningkatkan lagi penternakan untuk keperluan rakyat. Kerajaan tidak sama sekali mempunyai hasrat untuk mengambil alih binatang-binatang ini. Semasa gerakan banci itu sedang berjalan, penternak-penternak telah cara sulit menjual ayam dan itik mereka. Nampaknya, rakyat telah salah faham hasrat kerajaan yang dibuat semata-mata demi keperluan rakyat itu sendiri.

### **6 JANUARI**

Kasut selipar dan kasut getah kini menjadi lebih popular kerana harganya yang murah. Lagipun kasut kulit tidak dapat dibeli di pasaran biasa.

### **8 JANUARI**

Satu jamuan makan malam telah diadakan di Ibu Pejabat Polis untuk meraikan dua orang pegawai polis yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan Assistant Superintendent of Police. Mereka ialah Inspektor Abdul Rahman b. Hussin dan Inspektor Kay Kim Seng. Majlis yang dihadiri oleh 200 orang tetamu telah dikelolakan oleh Inspektor B. Kader Mydin.

### **10 JANUARI**

Dua buah perigi telah dibina oleh kerajaan di persimpangan Lebuhraya Carnarvon dan Kampung Kolam dan sebuah lagi di persimpangan Lebuhraya Hong Kong dan Lebuhraya Carnarvon untuk kegunaan rakyat di masa darurat.

### **27 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun*

Walaupun latihan telah diadakan berkali-kali, kebanyakan rakyat belum lagi memahami dengan jelas makna nada-nada yang dibunyikan oleh semboyan pada masa serangan udara.

### **3 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

En. Mori, Bankyokacho Pendidikan, telah berkata "Yayasan Pendidikan Pulau Pinang telah mengasaskan satu rancangan pendidikan untuk rakyat bagi dua puluh tahun yang akan datang. Rakyat mestilah bersyukur kerana kejayaan ini."

### **7 FEBRUARI**

Beberapa pusat perlindungan daripada serangan udara telah dibina di kawasan-kawasan strategik di Georgetown.

*Berita Penang Shimbun.*

Kor Perkhidmatan Buruh Pulau Pinang dan Seberang Perai telah dilancarkan pagi ini. Semua Renrakucho telah diminta supaya mengemukakan lima puluh nama dari setiap kawasan ke pejabat Kor sebelum 15 Februari 2604. Mereka juga hendaklah memperakukan lima nama untuk jawatan Fukuhancho untuk setiap daerah mereka. Ahli-ahli Jikedan, biasa dan simpanan, dan mereka yang berkhidmat dalam unit-unit tentera darat, laut, perkhidmatan penting dan pentadbiran tentera, tidak akan dipilih. Keutamaan pemilihan hendaklah diberikan kepada penganggur dan mereka yang tidak menjalankan sebarang pekerjaan yang berguna kepada rakyat. Calon-calon hendaklah berusia di antara 16 dan 40 tahun. 460 kumpulan akan bertugas di Pulau Pinang, 50 orang dalam setiap kumpulan. Ini bermakna jumlah yang terlibat ialah 23,000 orang. Tugas-tugas mereka adalah untuk menjalankan perkhidmatan dalam bidang ketenteraan laut dan darat, dalam perindustrian pembuatan peluru ataupun dalam perkhidmatan penting yang lain seperti perusahaan kampung.

Satu contoh surat pemanggilan untuk bertugas dalam kor buruh diberikan di bawah.

*Tuan,*

*Inilah dimaklumkan bahawa tuan telah dipilih sebagai seorang ahli Tai bagi kawasan .... Tuan hendaklah menyediakan diri untuk apa jua perkhidmatan yang diperuntukkan kepada tuan. Tuan hendaklah membuktikan kerjasama, ketaatsetiaan dan kesudian tuan untuk berkhidmat dengan kerajaan.*

*JIKEDANCHO*

### **9 FEBRUARI**

Empat pintu gerbang telah dibina di Bulatan Magazine, Jalan Penang berhadapan Ibu Pejabat Polis, persimpangan Lebuh Pitt dan Lebuh Chulia untuk menyambut hari perayaan kejatuhan Singapura ke tangan Jepun. Mengkuang telah digunakan untuk menggantikan kain dalam pembinaan tersebut. Ini adalah kerana bekalan kain semakin kurang.

### **11 FEBRUARI**

Hari ini Hari Empayar Dai Nippon. Satu perhimpunan agung kakitangan kerajaan telah diadakan di pekarangan Bangunan Kerajaan. Satu barisan kawad telah diadakan. Ahli-ahli kor buruh telah mengambil bahagian. Gabenor telah menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang kebun terbaik bagi rumah-rumah kediaman dan sekolah-sekolah.

### **15 FEBRUARI**

Hari ini hari perayaan Ulang Tahun Kejatuhan Singapura yang kedua. Satu perhimpunan agung telah diadakan di Padang Datuk Keramat. Perayaan juga diadakan untuk menyambut hari kelahiran negara baru – Malai – yang kedua. Ahli-ahli Kor buruh telah melafazkan ikrar taat setia terhadap kerajaan di hadapan Gebenor, Mej. Jen. Masakichi Itani. Satu perarakan Chingay juga telah diadakan.

### **28 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 24 Februari*

Puan Ghandi, isteri pemimpin agung India Mahatma

Ghandi, telah meninggal dunia – seorang mangsa penyiksaan British di penjara Poona tempat beliau ditahan semenjak tahun 2602. Mendiang yang berusia 74 tahun, telah mati akibat penyakit lemah jantung.

### **1 MAC**

Hari ini hari perkabungan bagi masyarakat India untuk menghormati mendiang isteri Mahatma Ghandi. Rumah-rumah kediaman masyarakat India telah mengibar bendera kebangsaan tiga warna India separuh tiang. Semua gedung perniagaan masyarakat India telah ditutup hari ini.

### **6 MAC**

Satu perhimpunan besar telah diadakan di Padang Datuk Keramat untuk menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Majlis telah dipengerusikan oleh En. A M Y Izzuddin. Dalam ucapannya, En A M Y Izzuddin telah berkata "Pada hari yang berbahagia ini, kaum Muslimin hendaklah berikrar untuk menghadapi persoalan hidup dan mati mereka sebagai masyarakat yang berguna bukan sahaja dari segi kepentingan negara kita sendiri tetapi juga dari segi agama kita yang maha suci."

### **16 MAC**

Sebuah persatuan Melayu telah ditubuhkan kelmarin di rumah pengerusi penajanya, En A M Y Izzuddin, di Jalan Dunlop. Pada ketika itu namanya belum ditetapkan.

### **23 MAC**

*Berita Penang Shimbun.*  
*Lisbon, 21 Mar*

Tentera Dai Nippon telah menyeberangi sempadan India. Markas Laksamana Lord Louis Mountbatten di Asia Tenggara telah mengeluarkan satu pengumuman yang menyatakan askar-askar Jepun, yang agak besar angkanya, telah menyeberangi sebatang sungai dan sedang mara ke arah India.

## 28 MAC

*Berita Penang Shimbun.*

Hanya bahasa Nippon-Go sahaja akan dibenarkan apabila panggilan dibuat ke Ibu Sawat Telefon. Sistem baru ini akan berkuat kuasa mulai dari 1 April.

## 29 MAC

*Berita Penang Shimbun.*

*Batu Feringghi.*

Seekor anak ikan paus, 18 kaki panjang dan 6 kaki bulat, telah tersadai di atas sebuah batu di perairan Batu Feringghi. Inilah kali pertama peristiwa seperti ini berlaku di Pulau Pinang. Seekor lagi ikan paus, temannya, telah melarikan diri dari situ. Lapan orang telah mengambil masa beberapa jam dengan menggunakan tali dan tiang-tiang kayu untuk mengikat dan memotong ikan tersebut. Bahagian-bahagian yang dipotong telah dihantar ke Markas Tentera Laut Jepun untuk dijadikan hidangan suki yaki.

## 31 MAC

Sebuah taman hiburan di bawah pengurusan baru telah dibuka di persimpangan Jalan Ayer Hitam dan Jalan Bukit Bendera.

## 13 APRIL

Semua pejabat kerajaan akan dibuka pada tiap-tiap hari Ahad di antara jam 10.00 pagi dan 1.30 tengah hari waktu Tokyo. Walau bagaimanapun urusan untuk membayar dan mengutip wang tidak akan dilakukan. Kakitangan akan bergilir, selang seminggu, untuk melaksanakan perkhidmatan ini. Peraturan ini berasaskan sistem pekerjaan baru yang dilancarkan di Negara Jepun. Semua rakyat disyaratkan bekerja tujuh hari seminggu.

Empat orang pembantu hospital daripada Hospital Besar Pulau Pinang telah bertolak kelmarin ke Kanchanapuri, kawasan pembinaan kereta api maut Bangkok-Rangoon. Mereka ialah:-

1. En Thean Fook
2. En Abdul Kader

3. En Chong Sooi
4. En Mohd Tamin bin Hj Ali

### **29 APRIL**

Hari ini Hari Keputeraan Maharaja Hirohito. Satu perbarisan kawad agung yang dianggotai oleh ahli-ahli Jikedan dan askar-askar Tentera Kebangsaan India (I N A) telah diadakan di Padang Datuk Keramat pada jam 9.30 pagi. Kemudian satu perarakan Chingay telah diadakan.

### **6 MEI**

*Berita Penang Shimbun.*  
*Tokyo, 5 Mei*

Dai Honyce telah mengeluarkan pengumuman berikut-

Laksamana M. Koga, Panglima Tertinggi Armada Bersatu Jepun, telah terkorban di markasnya pada bulan Mac tahun ini apabila mengetuai operasi dari sebuah kapal terbang di medan peperangan. Laksamana S. Toyoda telah dilantik sebagai penggantinya dan sekarang ini telah mengambil alih pemerintahan armada tersebut.

### **8 MEI**

*Berita Penang Shimbun.*

DYMM Sultan Selangor telah membuat lawatan rasmi ke Bayan Lepas pada 5 Mei 2604 dan telah menyampaikan titah ucapan baginda kepada penduduk-penduduk. Baginda Sultan telah diiringi oleh YBG Dato' Uda, seorang pegawai Jepun, setiausaha sulit baginda, YTM Raja Kechil Sulung Perak, Dato Kaya Selangor dan En. A M Y Izzuddin.

*Notis Kerajaan No. 29*

Mulai dari tarikh notis ini tidak sesiapa pun, individu atau syarikat, selain mereka yang telah menerima kuasa, yang boleh membeli sayur-sayuran, ikan, telur dan bahan-bahan keperluan hidup yang tertakluk kepada perintah kawalan bahan makanan terus menerus daripada petani-petani dan nelayan-nelayan. Sesiapa yang melanggar perintah ini akan menerima hukuman mati.

Penang Shu Chokan



*Berita Penang Shimbun.*

*Lisbon, 6 Mei*

Menurut satu despac dari London, Pejabat India di kota itu telah mengumumkan berita tentang pembebasan Mahatma Ghandi tanpa syarat atas sebab-sebab kesihatan pada jam 8.00 pagi waktu India.

### **16 MEI**

Kadar catuan roti telah dinaikkan angkanya daripada tiga biji kepada lima biji sehari bagi sepuluh orang penghuni dalam sesebuah rumah.

### **17 MEI**

*Berita Penang Shimbun.*

DYMM Sultan Abu Bakar ibni Almarhum Sultan Abdullah, Sultan Pahang, telah menghantar titah ucapan tahniah baginda kepada Lt. Kol. Ibrahim Jacob, Pegawai Pemerintah Tentera Sukarela Melayu di markasnya di satu lokasi di Malai. En. Ibrahim Jacob ialah seorang pengasas badan Kesatuan Melayu, Semenanjung Tanah Melayu.

### **30 MEI**

Semua alat radio yang dihantar ke Pejabat Telekom telah diubahsuai supaya siaran Radio Pulau Pinang sahaja boleh diterima. Penutup belakang peti radio telah dimeterai supaya tidak boleh dibuka tanpa kebenaran. Dengan cara ini, penerimaan siaran gelombang pendek dari luar negeri, yang biasanya diterima cara sulit oleh penduduk yang berani, telah terputus dan berita dari sumber Kuasa-Kuasa Bersekutu tidak dapat didengar lagi.

### **9 JUN**

*Berita Penang Shimbun.*

Medan peperangan kedua telah dibuka di benua Eropah apabila askar-askar yang menentang Kuasa Axis telah mendarat di pantai Normandy di utara Perancis pada 4 Jun. Askar-askar Jerman sedang menghalang dan mematahkan serangan itu.

## 11 JUN

Satu peperiksaan am dalam bahasa Nippon-Go telah diadakan di seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk mengesan jumlah kakitangan kerajaan yang tidak memahami bahasa Nippon-Go. Menurut seorang jurucakap Jepun bahasa Inggeris akan diharapkan tidak lama lagi.

## 19 JUN

Satu persatuan kebajikan untuk orang Melayu telah ditubuhkan baru-baru ini. Pegawai-pegawainya adalah seperti berikut:-

Presiden:	En. A M Y Izzuddin
Naib Presiden:	Tuan Hj. Hashim b. Hj Md Sagoff En S M Yusoff:
Setiausaha:	Tuan Hj. Shamsuddin b Joonoos
Bendahari:	Tuan Hj. Hussin b. Yacob Shah

Petang ini, TYT Mej. Jen. Masakichi Itani telah merasmikan pembukaan persatuan tersebut. Dalam ucapannya Gabenor telah merayu supaya orang Melayu sentiasa memberikan kerjasama mereka dalam usaha penanaman makanan untuk membantu usaha peperangan.

## 11 JULAI

*Berita Penang Shimbun.*

Semua Penolong Pegawai Daerah telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Daerah menurut satu kenyataan kerajaan.

## 16 JULAI

Upacara pengkebumian mendiang isteri Dr. N. K. Menon, seorang pemimpin masyarakat India, telah dilangsungkan hari ini.

## 24 JULAI

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 23 Julai*

Perdana Menteri Jepun, Jeneral Hideki Tojo dan ka-

binetnya telah menyampaikan warkah perletakan jawatan kepada Maharaja Dai Nippon pada 18 Julai. Jeneral K. Koiso telah dilantik sebagai Perdana Menteri baru pada 20 Julai 2604.

*Berlin, 20 Julai*

Satu percubaan yang tidak berjaya untuk membunuh Reich Fuhrer Adolf Hitler dengan letupan bom diumumkan hari ini. Selain kebakaran ringan, Adolf Hitler tidak mengalami kecederaan. Beliau telah menyambung semula tanggungjawabnya dengan serta merta dan telah menerima rakannya Benito Mussolini untuk perbualan panjang. Sejurus selepas peristiwa itu, Reich Marshal Goering telah tiba di Ibu Pejabat Hitler untuk menjalankan serangan tindak balas yang caranya tidak diumumkan.

## **27 JULAI**

*Berita Penang Shimbun.  
Alor Setar, 26 Julai.*

Mengikut notis kerajaan yang terbaharu, nama Negeri Kedah yang baru ialah 'Syburi' dan mulai dari tarikh notis itu akan digunakan dalam semua dokumen kerajaan. 'Syburi' ialah nama Thai bagi Negeri Kedah apabila negeri itu di bawah kerajaan Siam.

## **1 OGOS**

Pada awal pagi ini, semua barang perhiasan emas di semua kedai emas telah dimeterai oleh kerajaan.

*Berita Penang Shimbun.  
Bangkok, 29 Julai*

Kabinet Thai letak jawatan!

Biro Penerangan Kerajaan Thai telah melaporkan berita tentang perletakan jawatan kabinet Thai yang diketuai oleh Field Marshal Phibul Songgram dengan sebulat suara. Dua usul - satu untuk menaikkan taraf Pitchabun, ibu negeri Thai baru, kepada taraf khas dan yang satu lagi berkenaan dengan pembinaan sebuah bandar raya suci Buddha di kawasan berhampiran Saraburi - telah dibentangkan di Majlis

Persidangan Rakyat untuk kelulusan pada 20 dan 22 Julai. Oleh kerana kedua-dua usul itu ditolak oleh majlis tersebut, Perdana Menteri Phibud Songgram dan ahli-ahli kabinetnya telah menyampaikan warkah perletakan jawatan kepada Majlis tersebut mengikut peruntukan dalam perlembagaan Thai.

## **2 OGOS**

*Berita Penang Shimbon.*

*Berlin, 31 Julai*

Negara Jerman telah memberi amaran kepada Negara Turki atas cadangan Turki untuk memutuskan perhubungan diplomatik dan ekonomi dengannya. Duta Jerman di Turki, Herr Von Papan, telah bertemu dengan Perdana Menteri Turki En Saracoglu tentang perkara tersebut. Walau bagaimanapun keputusan muktamad Turki itu telah dikuatkuasakan pada 26 Julai.

## **6 OGOS**

*Berita Penang Shimbon.*

*Zurich, 5 Ogos*

**Kekejaman Amerika Syarikat!**

Pusat Pentadbiran Gereja Katolik telah memberi amaran kepada Amerika Syarikat tentang tengkorak-tengkorak askar Dai Nippon dan tulang-tulang lain yang diterima sebagai cenderamata daripada askar-askar Amerika di medan peperangan Pasifik. Satu laporan terdahulu daripada itu telah membongkarkan berita tentang kanak-kanak daripada sebuah keluarga yang dibenarkan bermain dengan tengkorak tersebut yang dihantar oleh abang-abang mereka dari selatan Pasifik. Laporan tersebut juga melaporkan kononnya pengarang terkenal Amerika, Drew Pearson, telah menyatakan seorang wakil rakyat Pennsylvania, En. Francis Walter, telah menghadiahkan Presiden Roosevelt sebatang pembuka surat yang diperbuat daripada tulang lengan seorang askar Jepun yang terkorban dalam peperangan Pasifik. Beliau meminta maaf kerana hadiah tersebut adalah sebahagian kecil sahaja daripada anatomi askar Jepun!

### *Notis Kerajaan*

Tiap-tiap seorang ahli Jikedan telah diberikan kebenaran khas untuk menerima bekalan beras bermutu tinggi sebanyak 18 kati seorang dengan harga \$2.80 sekati.

### **7 OGOS**

#### *Berita Angin!*

Seorang wanita Melayu di Tanah Besar Seberang telah melahirkan tiga biji telur sebesar telur itik yang tiap-tiap sebiji berwarna putih, merah dan biru!

### **8 OGOS**

#### *Notis Kerajaan.*

Tiap-tiap rumah di Georgetown, Butterworth dan Perai hendaklah mempunyai tempat perlindungan - satu lubang bagi seorang penghuni - sebelum 15 Ogos ini. Cara ini dipercayai lebih baik daripada tempat perlindungan beramai-ramai. Arahan telah dikemukakan kepada semua Jikedan untuk menentukan perlindungan seperti ini disediakan oleh semua penduduk di bawah jagaan mereka. Tempat perlindungan ini eloklah dibina di kawasan belakang rumah atau di halaman rumah jika ada. Jika tiada, pihak berkuasa mencadangkan tempat perlindungan yang serupa dibina di tempat-tempat sesuai yang lain. Tiap-tiap tempat perlindungan individu hendaklah mempunyai ukuran 50cm x 80cm di bahagian bawah, 80cm x 100cm di bahagian atas dan lebih kurang 100cm tinggi atau setinggi-tingginya yang boleh memberikan perlindungan daripada serpihan bom kepada seseorang yang berlindung di situ. Untuk mengatasi penakungan air, dua longkang kecil berukuran 10cm hendaklah dibina di bahagian bawah tempat perlindungan tersebut.

### **11 OGOS**

#### *Berita Penang Shimbung.*

#### *Berlin, 8 Ogos*

Lapan orang penderhaka telah digantung sampai mati kerana peranan mereka dalam percubaan membunuh Adolf

Hitler. Mereka telah dibicarakan oleh Mahkamah Agung Reich pada 7 dan 8 Ogos dan dijatuhkan hukuman mati kerana penderhakaan mereka. Harta mereka telah dirampas dan mereka telah menjalani hukuman gantung dua jam selepas hukuman diumumkan.

#### **14 OGOS**

*Berita Penang Shimbun.*

Timbalan Gabenor, En. S. Ikagawa, di satu majlis jamuan teh yang diadakan oleh Persatuan Cina Seberang Laut untuk merasmikan pengasasan Persatuan Kereta-Kereta Beca Pulau Pinang, telah menasihati penarik-penarik dan pengayuh-pengayuh beca supaya memberikan kerjasama mereka dalam masalah pengangkutan jalan raya negara. Harga sewa juga telah ditetapkan. En. Lim Ewe Thoon (seorang peniaga terkenal) dalam ucapannya telah mengumumkan pembinaan tiga buah kantin untuk faedah lebih kurang 2400 penarik beca dan pengayuh. Makanan akan dijual setiap hari, dari jam 10.00 pagi hingga 8.00 malam, dengan harga \$1.30 seorang untuk sekali makan sehari.

Menunya ialah:

1. 2 pinggan nasi
2. 1 pinggan sayur-sayuran
3. 1 mangkuk sup

Pihak kerajaan akan membekalkan 170 pikul beras sebulan dengan harga khas untuk kantin-kantin ini.

#### **17 OGOS**

*Berita Penang Shimbun.*

*Berlin, 15 Ogos*

Kuasa-Kuasa Bersekutu telah mendarat di pantai Toulon dan Cannes pada waktu subuh pagi ini.

*Notis Kerajaan No. 37.*

Latihan cara melindungi diri daripada serangan udara akan diadakan selama empat hari dari 20 Ogos dan akan melibatkan seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Puasa bermula pada hari ini. Anak bulan Ramadan telah kelihatan di ufuk Kelang petang kelmarin.

## **22 OGOS**

*Berita Penang Shimbun.*

Lt. Jen. Seiichiro Shinohara, Gabenor Pulau Pinang dan Seberang Perai yang baru, telah tiba di Georgetown pada jam 5.00 petang kelmarin untuk mengambil alih jawatan gabenor daripada TYT Mej. Jen. Masakichi Itani. Bakal gabenor baru itu telah disambut oleh TYT Mej. Jen. Masakichi Itani dan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan.

## **3 SEPTEMBER**

Menurut satu berita bukan rasmi seorang tokoh Melayu, penyokong kuat Kesatuan Melayu, En. C. M. Putih Badri, telah meninggal dunia di Pulau Pangkor.

## **4 SEPTEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

*Berlin, 2 September*

Finland terima syarat-syarat Soviet!

Berita Trans-Ocean dari Helsinki telah menyatakan bahawa kerajaan Finland telah mengambil keputusan untuk memutuskan perhubungannya dengan Negara Jerman dan serentak dengan itu telah bersetuju dengan syarat-syarat pendamaian Soviet.

## **9 SEPTEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Gabenor baru Pulau Pinang, TYT Lt. Jen. Shinohara telah menyampaikan ucapan sulungnya kepada semua kakitangan kerajaan di perkarangan Bangunan Kerajaan di Lebuhraya Downing pagi hari ini. Beliau telah berkata "Saya telah mengambil keputusan untuk berperang bersama-sama kamu sehingga mati untuk mempertahankan Pulau Pinang dan untuk kemenangan peperangan ini. Sekiranya ada sesiapa yang tidak ingin kemenangan ini, silalah buktikan dengan mengangkat tangan mereka!" Oleh kerana sesiapa pun tidak

mengangkat tangan, Gabenor telah berkata beliau rasa puas hati melihat para hadirin begitu bersemangat untuk meneruskan peperangan sehingga menang!

### **19 SEPTEMBER**

Sembahyang Hari Raya Haji diadakan di Masjid Kapitan Kling, Lebuh Pitt, hari ini secara besar-besaran. Sembahyang dan seterusnya khutbah telah diimankan oleh Imam Besar, En. Mohamed b. Abdullah. Gabenor telah mengambil kesempatan untuk bersama-sama kaum Muslimin. Setibanya Gabenor di masjid, takbir telah diberhentikan. Jemaah telah berdiri dan mengadap ke arah timur untuk memberi hormat kepada Tenno Heika dan Gabenor. Selepas upacara ini, Gabenor yang diiringi oleh beberapa orang pegawai Jepun telah duduk di atas kerusi masing-masing di bahagian kanan masjid dekat dengan saf pertama dan terus duduk di situ sepanjang masa sembahyang dan khutbah. Tuan imam dalam khutbahnya telah menyeru jemaah supaya memberi kerjasama mereka dalam bidang penternakan haiwan dan penanaman bahan-bahan makanan bagi kepentingan sendiri. Setelah tamat sembahyang, Gabenor telah menyampukan ucapannya yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh seorang pemuda Melayu.

### **25 SEPTEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

*Manila, 23 September*

Filipina telah mengisytiharkan kewujudan peperangan antaranya dengan Amerika Syarikat dan Great Britain yang telah berkuat kuasa pada jam 10.00 pagi 23 September 2604.

### **27 SEPTEMBER**

Beribu-ribu manusia daripada keluarga Melayu, Cina, India dan Nasrani telah berhijrah ke Tanah Besar Seberang untuk berusaha dalam rancangan pertanian untuk meningkatkan lagi bekalan makanan dalam negeri. Keluarga Melayu dan Cina telah ditempatkan di Ladang Bertam, keluarga Cina sahaja di Ladang-Ladang Malakoff, Alma, Juru



dan Simpang, keluarga Nasrani di Ladang Valdor dan keluarga India di Sungai Bakap.

### **13 OKTOBER**

Pagar besi di perkarangan Hospital Besar Pulau Pinang dan bangunan-bangunan lain telah dibuka dan diambil untuk digunakan dalam usaha peperangan. Dai Nippon kini mengalami kekurangan logam besi yang agak rumit.

### **21 OKTOBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Satu pengumuman yang dikeluarkan oleh Markas Tertinggi Tentera Dai Nippon di Malai telah melaporkan berita tentang pendaratan askar-askar musuh di kepulauan Nicobar pada 17, 18 dan 19 Oktober 2604 yang melibatkan askar-askar laut, darat dan udaranya. Dalam operasi itu sebuah kapal perang laut induk musuh telah ditenggelamkan dan 18 buah pesawat pejuang udara telah dimusnahkan.

### **25 OKTOBER**

*Notis Kerajaan.*

Satu peraturan untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di Pulau Pinang dan Seberang Perai akan dilancarkan pada 1 November 2604. Peraturan baru ini akan menghadkan jumlah penggunaan tenaga kepada 50% daripada unit-unit yang dicatatkan dalam bulan Ogos lalu oleh pengguna itu.

### **3 NOVEMBER**

Hari ini hari kelepasan am untuk menyambut perayaan Meiji Setan.

### **4 NOVEMBER**

*Notis Kerajaan*

Perubahan kadar catuan beras dan gula.

Catuan beras dan gula bagi Georgetown dan kawasan-kawasan luar bandar telah diubah mulai dari bulan November ini. En Toki, Penang Shokuryoka-Cho (Ketua Jabatan Makanan), mengumumkan hari ini senarai perubahan catuan

beras seperti berikut:-

<u>Bandar</u>	<u>Kati Sebulan</u>
Lelaki	9
Perempuan	7
Kanak-kanak	5

<u>Luar Bandar</u>	<u>Kati Sebulan</u>
Lelaki	4
Perempuan	3
Kanak-kanak	2

Kadar catuan gula adalah seberat 5 tahlil bagi seorang. Sebagai satu galakan kepada mereka yang telah berhijrah ke Tanah Besar Seberang dalam rancangan pertanian kerajaan di ladang-ladang tertentu, mereka adalah layak menerima satu gantang beras sebulan sebagai catuan tambahan, iaitu lebih daripada kadar yang biasanya mereka layak menerima semasa di kawasan bandar. Kelonggaran ini tidak melibatkan kawasan luar bandar. Mereka yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat dan kilang-kilang penting kerajaan akan menerima lebih daripada kadar yang mereka layak menerima sekarang. Oleh kerana banyak kilang sekarang ini mengalami kekurangan tenaga manusia, En. Toki berharap catuan terbaharu ini akan mendorong lebih banyak rakyat untuk berkhidmat di kilang-kilang negeri.

"Satu perubahan kepada catuan yang diluluskan di atas mungkin akan berlaku di masa hadapan hasil daripada pembukaan tanah-tanah pertanian, setelah rancangan itu berjalan dengan licin dan mencapai penghasilan yang cukup. Kita tidak mengetahui beberapa lama lagi peperangan ini akan melarat. Sekiranya kita tidak bersedia untuk mengalami segala kesusahan sekarang, kesusahan yang lebih teruk daripada yang kita layak memikul akan menimpa kita di masa hadapan. Walaupun rancangan pertanian yang dilancarkan oleh kerajaan berjalan dengan licin, tetapi hasrat kita untuk mencapai tahap pencukupan sendiri akan memakan masa lebih kurang tiga tahun. Pekerjaan menanam bahan makanan adalah amat baik bagi kesihatan seseorang rakyat. Penyelidikan telah menunjukkan mereka yang hidup

dengan hasil penanaman sendiri mempunyai hayat yang lebih panjang daripada mereka yang hidup dengan makanan-makanan import."

## 5 NOVEMBER

Dalam beberapa hari yang lalu, ruang udara Georgetown telah mula dicerobohi oleh pesawat-pesawat udara musuh Dai Nippon tetapi setakat ini tidak ada sebarang kecederaan yang telah berlaku.

## 6 NOVEMBER

*Berita Penang Shimbun.*

Serangan Udara Pulau Pinang dipatahkan!

Dua buah pesawat udara musuh telah mencerobohi udara Pulau Pinang pada jam 9.10 pagi dan tiga buah pada jam 12.30 tengah hari tetapi telah dipatahkan oleh unit-unit pertahanan Dai Nippon.

*Ruang Khas Akhbar*

Satu lagi helah Roosevelt telah gagal!

Tujuan musuh untuk menyerang Pulau Pinang adalah jelas, sejelas-jelas cahaya di atas muka bumi ini. Begitulah ulasan seorang pemberita Penang Shimbun. Maka sudahlah pasti, pihak musuh itu berada dalam keadaan putus asa berikutan kekalahan besar yang dialaminya di tangan tentera Dai Nippon di lautan berhampiran Taiwan dan di lautan timur kepulauan Filipina. Dengan serangan ini Roosevelt berharap beliau dapat menebusi maruahnyanya yang kini kian merosot serta mendorong rakyat Amerika Syarikat supaya memilihnya semula sebagai presiden negara itu. Esok, 7 November 2604, ialah hari pengundian yang akan menentukan nasib Roosevelt yang bergantung kepada pilihan raya umum itu. Roosevelt sudah pasti akan melaksanakan sesuatu operasi yang hebat yang akan mendorong pemikiran rakyat kepadanya. Serangan percubaan ke atas Pulau Pinang tidak membawa sebarang faedah kepada musuh tetapi Roosevelt akan menggunakan peristiwa ini sebagai propogandanya untuk egonya sendiri. Segala pertunjukkan ketangkasan yang dilancar oleh Roosevelt dan pengikutnya

di masa hadapan akan dipatahkan oleh Dai Nippon dan sahabatnya yang berkemampuan untuk menghancurkan musuh mereka.

Satu berita dari Syonan-To menyatakan, Kapt. N M Hashim, seorang pemimpin Melayu yang terkenal, telah meninggal dunia lebih kurang 2 bulan yang lalu.

## **9 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Pertabalan DYMM Sultan Kelantan.

Perayaan pertabalan Sultan Kelantan, DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Mohamed IV telah diadakan selama 5 hari mulai dari 30 Oktober dan dihadiri oleh pegawai-pegawai tertinggi Thai dan Jepun, keluarga Diraja, wakil-wakil Sultan Pahang dan Sultan Terengganu, ahli-ahli Majlis Negeri, Pesuruhjaya Tinggi Thai di Kelantan, ketua-ketua negeri dan dif-dif jempunan.

*Notis Kerajaan.*

Satu keluaran khas tepung beras dan bihun akan diedarkan kepada rakyat bulan ini sebagai tambahan kepada catuan biasa sekarang. Pengedaran ini akan berterusan buat beberapa ketika dan ditetapkan sebanyak sekati beras bagi seorang. Walau bagaimanapun kuantiti bihun belum lagi ditetapkan. Berkenaan dengan kenaikan harga barang-barang ini, En. Toki berkata harga tepung beras sekati tidak boleh melebihi \$3.00 manakala harga bihun pula tidak patut melebihi \$5.00 sekati.

## **11 NOVEMBER**

Banyak kedai telah ditutup kerana berita angin yang menyatakan Pulau Pinang akan dibom hari ini. Pekedai-pekedai yang menutup kedai telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis dan diberikan amaran keras kerana tindakan mereka. Mereka kemudian telah dibebaskan dengan amaran terakhir supaya membuka kedai mereka dan menjual barang dengan harga yang berpatutan.

### 13 NOVEMBER

*Berita Penang Shimbun.*  
*Nanking, 12 November.*

Kementerian Rakyat Kerajaan China hari ini mengumumkan berita tentang Presidennya En. Wang Chin Wei, 62 tahun, yang meninggal dunia pada jam 4.21 petang 10 November semasa berada di Nippon untuk menerima rawatan di Nagoya. Setibanya mayat mendiang itu di Nanking, satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menguruskan pengkebumian terhormat negara kepada mendiang, yang juga telah dikurniakan anugerah-anugerah tertinggi.

### 15 NOVEMBER

*Berita Penang Shimbun.*

Kedai-kedai yang tidak membuka pintu mereka untuk perniagaan di waktu darurat akan dimeterai oleh pihak yang berkuasa. Kempeitai-Cho, Lt. Terata, (Ketua Polis Tentera) dalam ucapannya kepada peruncit-peruncit beras dan pekedai-pekedai di satu perjumpaan di rumah Persatuan Cina Seberang Laut pada hari Isnin telah berkata "Pekedai-pekedai yang tidak membuka kedai mereka sejurus selepas tempoh darurat (serangan) tamat, akan dikesan dan kedai mereka akan dimeterai selama-lamanya. Semasa serangan udara, hanya sebilangan kecil rakyat sahaja akan mengalami kecederaan sekiranya rakyat telah membina tempat perlindungan masing-masing dan menggunakannya." Lt. Terata, sambil menerangkan tentang kekuatan Dai Nippon, telah meminta para hadirin supaya memberi keyakinan penuh kepada Dai Nippon.

Salinan surat khabar yang menunjukkan armada musuh yang termusnah di Teluk Leyte di tangan Jepun telah diedarkan kepada para hadirin.

En. Niwa dalam ucapannya telah berkata "Para hadirin mestilah faham perniagaan mereka bukanlah hak milik mereka yang mutlak kerana barang jualan mereka hanya diamanahkan kepada mereka untuk dijual kepada rakyat, setelah dikumpul dengan begitu susah semasa peperangan.

Semakin melarat peperangan berlaku, semakin kuat tentera Dai Nippon akan berperang sehinggalah mencapai kemenangan. Kadangkala ada besar kemungkinan saluran komunikasi Dai Nippon akan terganggu sedikit dan oleh itu pekedai-pekedai hendaklah memberikan kerjasama penuh dalam hal penjualan barang kepada rakyat dengan adil."

En. Toki dalam ucapan penutupnya telah memberi amaran kuat kepada pekedai-pekedai yang menjual barang-barang mereka dengan harga yang tinggi, lebih daripada harga pasaran. Mereka ini akan menerima hukuman yang berat. Pesalah-pesalah boleh dipenjarakan seumur hidup.

*Lisbon, 14 November*

Kapal perang penempur Jerman "Tripitz", 35,000 tan, telah ditenggelamkan oleh sekumpulan 29 pesawat terbang British jenis Lancaster di utara Norway. Pesawat ini adalah kapal udara British yang terbesar.

## **17 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Gabenor Pulau Pinang, TYT Lt. Jen. Shinohara, semasa berucap menerusi radio semalam telah membuat rayuan yang kuat dan ikhlas kepada rakyat supaya mereka membina dengan segera tempat-tempat perlindungan daripada serangan udara musuh. Sekiranya mereka mempunyai tempat perlindungan, mereka akan lebih terselamat. Tambah beliau "Saya ialah bapa kepada 400,000 penduduk Pulau Pinang dan 200,000 penduduk Georgetown. Baru-baru ini, ekoran peristiwa pencerobohan udara Pulau Pinang oleh musuh dan berita angin kononnya musuh akan kembali pada sekian-sekian hari, sebilangan besar rakyat telah membawa bersama-sama mereka keperluan sendiri dan makanan untuk beberapa hari dan berpindah ke kawasan yang dianggap lebih selamat. Banyak pekedai telah menutup kedai mereka. Akibat tindakan ini harga barang keperluan hidup telah melambung naik berkali ganda. Rakyat yang memerlukan barang keperluan hidup tidak dapat membelinya. Ini telah mengelirukan rakyat dan kedudukan seperti ini akan

menghancurkan ketenteraman Negeri Pulau Pinang. Ini adalah lebih buruk daripada bom-bom musuh. Pada pendapat saya, setelah berada bersama kamu sebegitu lama pihak British tidak akan sampai hati untuk melawat kamu dengan guguran bom! Walau bagaimanapun, oleh kerana mereka amat suka mengebom kapal, hospital dan sasaran yang bukan bercorak ketenteraan, kita mestilah berjaga-jaga kerana pesawat-pesawat yang mencero bohi udara kita ialah pesawat jenis B-29.”

## **18 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbuu.*

*Hormat Kerajaan kepada Agama!*

Dalam ucapannya kepada pemimpin Muslim di Pulau Pinang dan Seberang Perai, TYT Lt. Jen. Shinohara telah memberi jaminan kepada masyarakat Islam iaitu pihak kerajaan sentiasa menghormati agama mereka dan tidak akan bercampur tangan dalam hal keagamaan. Gabenor telah mencadangkan supaya persiapan-persiapan dibuat untuk memberikan peluang kepada orang Muslim dari Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk mengambil bahagian dalam satu persidangan agung yang akan diadakan tidak lama lagi. En. A M Y Izzuddin bagi pihak orang Melayu dalam ucapan balasnya, telah berterima kasih kepada Gabenor kerana memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk membincangkan hal keagamaan mereka. Mesyuarat kemudian telah membincangkan masalah berkenaan dengan tanah wakaf, kadi dan sekolah agama.

## **20 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbuu.*

Majlis kesyukuran kerana hasil tanaman luar biasa.

TYT Lt. Jen. Shinohara telah menghadiri perayaan hari pertama majlis kesyukuran yang telah diadakan di Sungai Ara pada hari Ahad lalu. Tema majlis menyentuh beberapa perkara, misalnya, rancangan penanaman untuk pencukupan sendiri, aktiviti pengintipan dan sebagainya. Pancaragam Penang Shu Gakudan (Town Band) telah memeriahkan

suasana perayaan tersebut. Doa untuk hasil tanaman yang lebih baik bagi tahun depan telah dibaca oleh kadi daerah Sungai Ara, Tuan Haji Taha. Bungkusan bahun kering telah diberikan kepada petani-petani daerah.

*Lidah Pengarang Penang Shimbun.*

Bersedia! -

Ekoran rayuan Gabenor baru-baru ni.

"Kerana mengalami tekanan perasaan putus asa yang teruk dan kerana kekalahan dalam pertempuran satu sama satu, pihak musuh sudah pasti akan menggunakan cara lain untuk menjalankan peperangannya seperti serangan ke atas orang awam yang tidak bersenjata yang dilakukan buta tuli ke atas bandar-bandar Jerman, dan ke atas kapal-kapal palang merah Dai Nippon.

## **25 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Amaran keras kepada penyebar berita angin!

Dalam satu kenyataan kerajaan yang dikeluarkan hari ini, En. Miasaki telah membuat satu pengumuman berkenaan dengan tiga orang awam yang telah ditahan baru-baru ini atas tuduhan menyebarkan berita angin yang tidak berasas sama sekali. Kata beliau, penyebar berita angin akan menerima hukuman yang amat berat. Tiga orang yang ditangkap baru-baru ini adalah ekoran satu penyiasatan rapi yang mengesahkan mereka telah menyebarkan berita angin kononnya pesawat musuh akan mengebom Pulau Pinang pada sekian-sekian hari. Memang ada ramai lagi penyebar yang sedang dicari oleh pihak berkuasa. Mereka ini amat bahaya kepada negara dan akan dianggap sebagai musuh.

## **26 NOVEMBER**

Hari ini Hari Raya Haji. Satu siaran langsung upacara sembahyang sunnah Aidil Adha dari Masjid Kapitan Kling menerusi radio telah dijadualkan pada jam 10.00 pagi waktu Tokyo. Tetapi oleh kerana sembahyang telah dilangsungkan



setengah jam cepat, siaran langsung yang dijadualkan telah dibatalkan. Lebih kurang 50 pemuda Melayu berpakaian seragam Jepun di bawah perintah seorang pegawai Jepun telah menunaikan sembahyang Hari Raya Haji.

### **27 NOVEMBER**

*Berita Penang Shimbun.*

Pengumuman Markas Tertinggi Jepun di Malai.

Satu percubaan untuk menyerang Pulau Pinang telah dipatahkan. Tiga pesawat musuh telah gagal dalam percubaan mereka untuk mengebom Pulau Pinang kelmarin. Penyerang-penyerang telah melarikan diri dari ruang udara Pulau Pinang pada jam 12.00 tengah malam. Tidak ada kecederaan atau kerosakan yang telah berlaku.

### **3 DISEMBER**

Kerajaan hari ini memulakan rancangannya untuk membekal 90 ikat kayu api seorang kepada semua kakitangannya. Pembekalan akan diuruskan di bekas bangunan Ibu Pejabat Pasukan Sukarelawan British (Penang & Province Wellesley Volunteer Corps) di Peel Avenue.

### **19 DISEMBER**

Pejabat-pejabat kerajaan telah ditutup setengah hari untuk memperingati peristiwa pendaratan askar-askar Jepun di bumi Pulau Pinang.

### **25 DISEMBER**

Hari ini Hari Krismas yang tiba tanpa kesedaran rakyat tidak seperti di masa sebelum penaklukan Georgetown. Pejabat-pejabat telah ditutup setengah hari. Kakitangan beragama Kristian telah diberikan cuti penuh jika keadaan mengizinkan.

### **29 DISEMBER**

Beribu-ribu wanita Cina telah menyerbu pusat-pusat penjualan kain mentah untuk membeli kain keluaran khas kerajaan mulai hari ini hingga 31 Disember 2604.

## 1945 - TAHUN KEMENANGAN

**SIAPA** sangka tahun 1945 yang baru sahaja menjelma akan membawa buah dan kemenangan kelak kepada rakyat Georgetown, yang telah menderita lebih daripada 36 bulan di bawah cengkaman pemerintahan Imperialisme Dai Nippon. Penderitaan rakyat telah menjadi lebih teruk, semenjak beberapa bulan lalu kerana masalah kekurangan bahan keperluan hidup yang amat rumit dan membimbangkan di pasaran biasa dan pasaran gelap. Bekalan barang dalam senarai cautan telah dikurangkan lagi sedikit demi sedikit. Harga di pasaran gelap telah melambung naik dan kini terletak di luar kemampuan rakyat yang berpendapatan sederhana. Ada besar kemungkinan stok simpanan yang ada tidak mencukupi untuk mengisikan beribu-ribu perut yang mula menghadapi kebuluran. Keluarga miskin yang sudah mengalami tanda seperti ini, memahami makna kebuluran dan kekurangan zat dalam makanan mereka. Banyak telah menunjukkan tanda seperti berwajah pucat, bengkak kaki dan kelopak mata, gusi berdarah dan kelemahan fizikal dan mental pada keseluruhannya. Penyakit beri-beri (kekurangan vitamin B1) telah meragut beratus-ratus nyawa. Anak sulung penulis ini tidak terkecuali daripada penyakit ini. Anak yang

dikasih telah meninggal dunia setelah hidup selama 51 hari sahaja pada awal tahun ini akibat penyakit beri-beri jantung (diagnosis provisional). Penyakit scurvy awal (kekurangan Vitamin C) telah dikesan di kalangan rakyat semasa pemeriksaan perubatan rutin di Dispensari Pesakit Luar Lebuh Buckingham.

Walaupun keadaan semasa pada ketika itu adalah amat gelap tetapi rakyat tidak berputus asa. Ini adalah kerana ada banyak petanda, di medan peperangan Eropah dan Asia Timur, yang menunjukkan kemerosotan Kuasa Axis, khususnya, kuasa Dai Nippon kerana tanah jajahannya telah berkembang jauh yang kini sukar dipertahankan. Ini amat jelas, misalnya, di Pulau Pinang. Pesawat-pesawat udara Kuasa-Kuasa Bersekutu boleh datang dan pergi dengan senang sahaja untuk mencerobohi ruang udara Pulau Pinang pada bila-bila masa tanpa tentangan yang hebat. Keadaan seperti ini adalah hampir sama dengan peristiwa di Georgetown pada minggu kedua bulan Disember 1941 apabila pesawat-pesawat pengebom Jepun telah menggugurkan bom ke atas Georgetown dengan mudah tanpa sebarang rintangan. Setahu penduduk Georgetown, markas Jepun di Pulau Pinang hanya berkebolehan untuk menggunakan sebuah pesawat terbang lautnya sahaja, yang ditempatkan di pelabuhan Batu Uban, untuk mempamerkan rintangan petandanya (token resistance) kepada rakyat Pulau Pinang!

Mujurlah, dengan kuasa Allah S.W.T. Peperangan Dunia Kedua ini berakhir dengan kemenangan bagi kuasa yang mendokong demokrasi, kebebasan agama dan manusia. Kemenangan ini telah membawa faedah yang amat besar sekali kepada Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya dan bumi Semenanjung Tanah Melayu pada amnya. Kemenangan ini juga telah membuka jalan ke arah kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu walaupun masyarakat Melayu terpaksa melalui sedikit rintangan akibat pembentukan Malayan Union. Masalah ini diatasi tanpa pertumpahan darah semata-mata kerana kekuatan dan perpaduan padat orang Melayu sendiri, melalui UMNO, yang

tidak terhingga. Perjuangan ini semestinya dijadikan satu peringatan yang murni kepada generasi Melayu sekarang dan di masa hadapan, tidak kira kepercayaan politik mereka. Perkara yang penting sekali, daripada segala-galanya, ialah perpaduan padat orang Melayu sahajalah yang akan memelihara keturunan Melayu di bumi pertiwi mereka sendiri.

## 5 JANUARI

Encik S M Yusoff, seorang jurubahasa kanan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, telah meninggal dunia dengan mengejut pada lebih kurang jam 11.00 pagi, kerana diserang penyakit lemah jantung semasa menjalankan tugas. Panggilan cemas telah dibuat kepada doktor Dispensari Pesakit Luar Lebuhi Buckingham, Kapt. Baba Ahmed telah memunaikan panggilan dengan serta merta. Setibanya di mahkamah, kelihatan Encik Yeap Saw Foong sedang memberi pernafasan cemas. Dr K M Ariff yang juga dipanggil terus memberikan suntikan ke jantung dengan bantuan Kapt. Baba Ahmed tetapi tidak berjaya. Allahyarham telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di hadapan rakan-rakan sejawatnya dan Ketua Hakim, Encik Agata. Pada saat-saat cemas itu juga beberapa orang anak allahyarham dan menantunya, Encik Abdul Karim, telah tiba. Jenazah kemudian dibawa balik ke rumah. Allahyarham telah meninggalkan beberapa orang anak termasuk Allahyarham Encik Abdul Majid (bekas KSU Kementerian Kesihatan) dan Encik Abdul Rahim, Pegawai Tinggi (bersara) Kementerian Pendidikan.

### *Notis Kerajaan No. 1*

Mulai dari bulan Januari 2605, bekalan beras telah dikurangkan lagi sebanyak sekati seorang pada keseluruhannya di bandar dan kawasan-kawasan luar bandar.

## 8 JANUARI

Hari ini hari pembukaan rasmi Lembaga Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai oleh Gabenor Pulau Pinang, TYT Lt. Jen. Shimohara di Masjid Kapitan Kling pada jam 11.00

pagi. Gabenor telah menyampaikan sijil tauliah kepada 10 orang ahli Lembaga seperti berikut:

En. A M Y Izzuddin	Pengerusi
Tuan Hj. Hashim b Sagoff	
Tuan Hj. Ibrahim Akiby	
Tuan Hj. Ahmad Fuad	
En. Tamin Sutan Deman	
Tuan Hj Taha	
Tuan Hj Ahmad Mukhtar	
En Gulam Sarwa Al-hafiz	
En A A Abdul Wahab	
Tuan Syed Salleh Alsagoff	

Semasa majlis bersurai lebih kurang pada jam 1.00 tengah hari, semboyan telah berbunyi dengan nada berjaga-jaga. Bendera Jepun, besar dan kecil, telah diturunkan dengan tergopoh-gapah dari menara masjid hanya beberapa minit sahaja sebelum pesawat pengebom musuh dikesan di udara Georgetown!

## 10 JANUARI

*Berita Penang Shimbon*

Penyerang Pulau Pinang cabut lari!

Lebih kurang pada jam 3.40 pagi 9 Januari sebuah pesawat pengebom musuh telah kelihatan terbang ke arah utara Pulau Pinang. Setelah melepaskan beberapa biji bom penyalap api (flares), pesawat tersebut telah menggugurkan dua jenis risalah sebanyak 40 hingga 60 helai di beberapa tempat di pantai timur Pulau Pinang dan kemudian telah melarikan diri! Kandungan risalah membongkarkan hasrat musuh, seperti biasa, untuk menipu rakyat Pulau Pinang. Risalah-risalah dalam bahasa Indonesia mengandungi perkataan manis dan beracun yang merupakan unsur propoganda musuh dan telah dicetak atas kertas murah.

## 11 JANUARI

Pada jam 7.58 pagi hari ini satu serangan udara yang hebat telah dilakukan oleh beberapa buah pesawat pengebom

Kuasa-Kuasa Bersekutu ke atas Georgetown. Pesawat-pesawat telah menjunam dan menggugurkan bom-bomnya ke atas beberapa sasaran yang tidak dapat dikesan pada ketika itu. Setelah beberapa letupan bom kedengaran barulah semboyan berbunyi dengan nada cemas! Serangan pertama telah berlangsung selama 40 minit dan diikuti dengan serangan kedua. Asap tebal kelihatan berkepul-kepul di beberapa kawasan bandar raya termasuk kawasan Bagan Luar di Butterworth. Setelah semboyan berbunyi dengan nada aman pada jam 1.45 tengah hari barulah penduduk-penduduk keluar dari tempat perlindungan masing-masing.

Berita yang diterima pada sebelah petang mengesahkan pekan Bagan Luar di Tanah Besar Seberang telah dibom. Pasar barunya dan bangunan-bangunan yang berhampiran telah musnah. En. Mohd Noor, anak sulung En. Che Mat Lebai Fajar, seorang peniaga pinggan mangkuk terkenal di Lebuh Buckingham, telah dilaporkan hilang semasa dalam perjalanannya dari Bagan Luar ke Tanjung (Georgetown).

Serangan besar hari ini, dari segi hari dan hari bulan, adalah sama dengan hari dan hari bulan Georgetown dibom secara membuta tuli oleh Tentera Dai Nippon pada 11 Disember 1941.

## 12 JANUARI

Bandar Raya Georgetown berada dalam keadaan senyap sunyi ekoran pengeboman kelmarin. Beberapa buah pejabat kerajaan telah berpindah dari pusat bandar. Pejabat Perubatan Negeri telah berpindah ke Hospital Besar Pulau Pinang.

*Berita Penang Shimbun.*

Penyerang Pulau Pinang ditembak jatuh!

Sebuah daripada pesawat-pesawat B29 yang menyerang Pulau Pinang kelmarin telah ditembak jatuh di daerah Taiping oleh tentera pertahanan Dai Nippon. Tiga orang anak kapal yang malang itu, yang terjun keluar, telah ditahan oleh pihak berkuasa.

Pengumuman Markas Tertinggi Tentera Dai Nippon di Malai.

1. Pada jam 9.30 dan 10.50 pagi 11 Januari 2605 10 buah pesawat B-29 telah menyerang Georgetown dan kawasan sekitar dengannya. Bom-bom telah digugurkan dari altitud yang tinggi dan kerosakan ringan telah berlaku.
2. Gerakan penangkisan yang amat baik telah dicapai di kawasan Syonan-To. Dua pesawat telah dimusnahkan, sebuah dengan cara kamikaze.
3. Di Negeri Sembilan, tiga buah pesawat B-29 telah ditembak jatuh di daerah-daerah Rembau, Port Dickson dan Kepas, sebuah di setiap daerah.

### 13 JANUARI

*Berita Penang Shimbun.*

Serangan Syonan-To

Mengikut satu kenyataan terbaharu yang dikeluarkan hari ini, 12 Januari 2605, tiga buah pesawat B-29 telah dimusnahkan dan 17 buah lagi telah menerima kerosakan di tangan unit pertahanan Dai Nippon.

En. Miyazaki, Keuruhanchō, telah mengeluarkan satu pengumuman tentang penghijrahan rakyat di waktu kecemasan. Beliau telah berkata "Walaupun sudah ternyata penghijrahan rakyat dari tempat kediaman mereka tidak dibenarkan semasa dan selepas sesuatu serangan udara tetapi rakyat, yang mengalami kerosakan pada rumah, kedai dan pejabat mereka, boleh membuat permohonan kepada Kaisatsushocho, Renponhanchō dan Rendrapucho masing-masing untuk mendapatkan kebenaran."

Gerakan memindah pejabat-pejabat kerajaan ke kawasan yang lebih selamat telah giat dilakukan sehingga jauh malam.

### 17 JANUARI

Satu panggilan telefon yang diterima oleh Dispensari Leboh Buckingham dari Butterworth telah mengesahkan kematian En. Mohd Noor bin Che Mat. Mayatnya telah dijumpai tertimbus dalam semak runtuh akibat kemusnahan bom

di Bagan Luar dan mayatnya telah dibawa ke masjid. Allahyarham meninggalkan seorang isteri dan tiga orang anak. Tali persahabatan dan kejiwaan antara keluarga Kapt. Baba Ahmed dan En. Che Mat Lebai Fajar adalah amat baik.

*Berita Penang Shimbun.*

Pemimpin-pemimpin masyarakat majmuk Pulau Pinang hari ini mengutuk dengan sekeras-kerasnya pihak musuh, yang tidak beberapa lama dahulu ialah pelindung mereka, atas serangan bom secara membuta tuli ke atas Pulau Pinang pada 11 Januari lalu. Satu kenyataan seperti berikut telah dikeluarkan.

"Pada pagi 11 Januari 2605, Pulau Pinang telah dibom oleh pesawat-pesawat B-29 dan beberapa orang awam telah tercedera akibat pengguguran bom ke atas bangunan-bangunan perniagaan yang tidak mempunyai ciri ketenteraan sama sekali. Dalam serangan yang kejam ini, beberapa orang awam, pembantu kedai, posman, jaga, isteri-isteri dan anak-anak mereka telah menjadi mangsa. Atas nama perikemanusiaan kami memprotes, dengan sekuat-kuatnya, atas serangan yang tidak berperikemanusiaan ke atas orang awam dan sasaran yang bukan bercorak ketenteraan yang telah menyebabkan beberapa kematian."

### **18 JANUARI**

Satu majlis memperingati mangsa-mangsa yang terkorban dalam serangan bom baru-baru ini telah diadakan di Padang CRC. Gabenor Pulau Pinang, TYT Lt. Jen. Shinohara, telah menyampaikan ucapan takziahnya kepada keluarga mangsa-mangsa yang telah cedera atau mati dalam serangan tersebut. Mengikut En. T. Matsumoto, Penang Sendenkacho, 47 orang telah cedera atau mati termasuk seorang Nippon-Jin.

### **19 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

En. Matsumoto, Penang Sendekacho, berkata "Semua lelaki mestilah tukar pekerjaan mereka kepada jawatan yang lebih penting. Budak pejabat, pemandu pelancong, pencuci,



mereka yang bertugas di hotel dan pekerjaan yang seimbang dengannya, adalah tertakluk kepada Ordinan Pembatasan Pekerjaan. Mereka hendaklah meninggalkan pekerjaan mereka kepada pekerjaan yang lebih penting dengan secepat mungkin tidak lewat dari 31 Mac 2605. Jika tidak, mereka akan menjerima hukuman yang berat. Peperangan ini kini menjadi semakin serius dan pihak musuh telah melancarkan serangan balas. Oleh sebab ini kita, di barisan belakang, hendaklah meningkatkan kekuatan peperangan dalam beberapa bidang yang penting:

1. Membuka banyak lagi tanah untuk pertanian.
2. Meningkatkan produktiviti.
3. Menukar pekerjaan kepada jawatan penting.

Ordinan tersebut telah berkuat kuasa mulai dari 31 Disember tahun lalu. Pekerjaan yang disenaraikan sebagai tidak penting akan dipenuhi oleh kaum wanita. Ordinan ini akan melibatkan semua lelaki berusia 15 hingga 40 tahun yang tidak bekerja dalam pekerjaan yang disenaraikan penting.

Di bawah rancangan ini, lebih kurang 100 orang pemuda Melayu dijemput untuk menghadiri satu mesyuarat di Sekolah Francis Light. Apabila sampai di sana nama mereka telah didaftarkan dan kemudian mereka terus diajar berkawad oleh beberapa orang pemuda Melayu berpakaian seragam Jepun di bawah perintah beberapa orang pegawai Jepun. Penulis ini termasuk dalam golongan yang tertipu itu!

## **20 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

*19 Januari*

Satu berita Domei dari Syonan-To telah melaporkan kematian Bishop Duval, Ketua Gereja Katholik di Malai. Beliau telah meninggal dunia di Hospital Seremban pada jam 12 tengah hari 17 Januari, berusia 63 tahun. Beliau ialah ketua bagi sebuah koloni Katholik (Fuji-Go) di Bahau yang dibuka setahun dahulu untuk paderi-paderi Katholik yang telah bertugas di Malai lebih daripada 30 tahun.

Hari ini rakyat telah dibenarkan berjalan di kawasan-kawasan yang telah dibom baru-baru ini dan dapat melihat dengan lebih dekat beberapa kerosakan yang telah berlaku:-

1. Bangunan di tepi Syarikat Daimaru dan juga sebahagian daripada bangunan Daimaru itu sendiri.
2. Pejabat Pos Dai Nippon di bangunan Pritchard lama.
3. Sebahagian daripada bangunan kerajaan.
4. Tugu peringatan di Padang Kota Lama.
5. Jam besar dekat Kubu Cornwallis.
6. Satu daripada tempat perlindungan di pekarangan Bangunan Kerajaan.

(Kerosakan tersebut telah dilihat dan dicatatkan oleh Kapt. Baba Ahmed. Besar kemungkinan banyak lagi bangunan telah mengalami kerosakan yang tidak dicatatkan dalam buku harian).

## **22 JANUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

Penyerang awal-awal pagi telah dipatahkan!

Pada jam 2.20 pagi ini, dua pesawat B-29 musuh telah terbang selama satu jam di ruang udara Pulau Pinang. Pesawat-pesawat ini telah melarikan diri apabila dihalang oleh sistem pertahanan Dai Nippon yang tidak boleh ditembusi.

Kerajaan Melaka hari ini mengeluarkan satu notis tentang hadiah sebanyak \$10,000 yang akan dibayar kepada sesiapa yang dapat menangkap anak-anak kapal B-29 yang terjun keluar apabila pesawat mereka jatuh ke bumi di sempadan Negeri Sembilan/Melaka pada 11 Januari 2605. Wang tunai sebanyak \$1,000.00 juga akan dibayar kepada sesiapa yang memberi maklumat yang tepat tentang anak-anak kapal tersebut.

Serentak dengan itu, En Katayama telah mengeluarkan satu amaran kepada orang awam iaitu sesiapa yang memberi perlindungan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada anak-anak kapal musuh akan menerima hukuman pancung mengikut Ordinan Penentuan Damai. Kerajaan

memerlukan kerjasama rakyat untuk menangkap musuh yang masih bebas.

#### *Notis Kerajaan*

Penghijrahan rakyat.

Rakyat yang tinggal di kawasan yang dipinggirkan oleh Chulia St. Ghaut, Lebu Chulia, Jalan Argll, Jalan Transfer dan pantai laut boleh berpindah ke tempat-tempat di luar kawasan tersebut dengan kebenaran pihak berkuasa.

#### **25 JANUARI**

Satu majlis tahtil telah diadakan di Masjid Kapitan Kling untuk Allahyarham En. Mohd Noor bin Che Mat. Majlis dihadiri oleh Timbalan Gabenor dan beberapa orang pegawai Jepun. Ucapan takziah telah disampaikan oleh Timbalan Gabenor dan En. A M Y Izzuddin. En. Mohd Ali bin Che Mat, adinda kepada Allahyarham, telah menyampaikan ucapan balas. Rokok Koa telah disedekahkan kepada para hadirin oleh Timbalan Gabenor.

#### **31 JANUARI**

Bulan Januari yang berlalu boleh dianggapkan sebagai satu mercu tanda yang menandakan ketibaan semula sahabat-sahabat kita dahulu untuk menguji kekuatan dan persiapan Dai Nippon di Medan Semenanjung Tanah Melayu sebelum pendaratan semula dilancarkan untuk membebaskan Asia Tenggara daripada penaklukan Dai Nippon. Tidak sehari pun yang berlalu tanpa kedengaran semboyan berbunyi dengan nada berjaga-jaga, cemas dan aman. Ini adalah petanda yang baik bagi rakyat yang sedia menghadapi apa jua kesusahan ataupun maut asalkan di hujung jalan ternampak sinar harapan yang akan membawa kemenangan kepada kuasa baik yang melawan kuasa jahat.

#### **1 FEBRUARI**

Satu serangan bom telah berlaku pada lebih kurang jam 8.00 pagi. Sejumlah 16 pengguguran yang dapat dikira telah dibuat oleh pesawat-pesawat B-29 ke atas beberapa kawasan Georgetown. Semboyan telah dibunyikan dengan nada aman

hanya pada jam 12.15 tengah hari. Kerosakan yang berlaku dikatakan lebih teruk daripada serangan yang berlaku pada 11 Januari.

## **2 FEBRUARI**

Bandar Georgetown kini kelihatan kosong dan senyap sunyi kerana ramai penduduknya telah berpindah ke tempat yang lebih selamat. Semua kedai dan gerai makanan telah ditutup. Mereka yang bertugas di pusat-pusat rawatan kecemasan termasuk Dispensari Lebuh Buckingham sukar mendapat makanan dan berada dalam keadaan kelaparan.

## **5 FEBRUARI**

Satu kawasan yang telah dibom pada 1 Februari ialah di persimpangan Jalan Petani dan Jalan Sungai (River Road). Sebuah rumah banglo yang didiami oleh En. Aeria, bersebelahan bekas bangunan Bintang Timor Sports Kelab, telah musnah. Hanya tangga batunya sahaja yang tertinggal. Mengikut berita yang tidak rasmi, lima atau enam orang keluarga En. Aeria telah terbunuh. Pengumuman rasmi, jika ada, berkenaan dengan peristiwa ini tidak dicatatkan dalam buku harian.

## **6 FEBRUARI**

Satu notis kerajaan telah disiarkan menerusi radio hari ini.

"Baru-baru ini, kerajaan telah membenarkan penduduk-penduduk di beberapa kawasan bandar raya berpindah ke kawasan yang lain. Sekarang kerajaan membenarkan penduduk-penduduk, yang tinggal di luar kawasan yang telah disenaraikan dahulu, berpindah setelah melaporkan hasrat mereka kepada pihak polis.

## **7 FEBRUARI**

Semasa para penduduk berpindah ke kawasan yang lebih selamat, jauh dari pusat bandar, Jalan Datuk Keramat telah menjadi jalan raya yang amat sibuk sekali, khususnya, di persimpangan Jalan Datuk Keramat dan Jalan Perak.

### **13 FEBRUARI**

Hari ini Hari Raya Cina yang telah berlalu tanpa kesedaran kebanyakan rakyat yang sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga dan bimbang dengan ancaman serangan udara oleh-pesawat-pesawat B-29 yang berlaku tiap-tiap hari.

Satu edaran rokok telah dibuat oleh pihak kerajaan kepada semua kakitangan. Sebanyak 210 batang rokok Siraho diedarkan setiap bulan untuk seorang berharga \$7.35. Rokok boleh dijual di pasar gelap dengan harga yang lebih tinggi. Hasil daripada jualan itu dapat membiayai sara hidup seseorang kakitangan kerajaan buat beberapa hari.

### **15 FEBRUARI**

Hari ini hari kelepasan am untuk menyambut perayaan hari jadi negara baru – Malai – yang rakyatnya telah dibebaskan daripada kelaziman dan penindasan pemerintahan Imperialis British, serentak dengan hari ulang tahun kejatuhan kubu Singapura ke tangan Jepun.

### **16 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

Laporan yang diterima daripada unit pertahanan Dai Nippon di Syonan-To menyatakan bahawa lebih kurang 10 buah pesawat B-29 telah mencerobohi ruang udara Syonan-To pada 15 Februari 2605. Tujuh buah pesawat telah dirosakkan termasuk sebuah yang dipercayai ditembak jatuh.

### **20 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

Pengeboman secara membuta tuli ke atas bandar Kuala Lumpur dan Taiping!

Satu pengumuman yang dikeluarkan oleh Markas Tertinggi Dai Nippon di Malai menyatakan Kuala Lumpur telah dibom secara membuta tuli kelmarin pada jam 11.50 pagi oleh 50 buah pesawat B-29 dari pangkalan udara Calcutta. Dalam serangan tersebut bengkel kereta api dan rumah-rumah kediaman orang awam telah musnah dan 20 orang telah terbunuh atau tercedera.

Semua penduduk di Kuala Lumpur kelihatan tenang dan menjalankan tugas-tugas mereka semasa serangan udara dengan dedikasi dan penuh semangat untuk menghancurkan musuh!

*Berita Domei.*

*Tokyo, 18 Februari*

Nippon hantar bom belon ke Amerika Syarikat!

Letupan dan kebakaran yang disebabkan oleh bom-bom belon Dai Nippon telah mewujudkan keributan di kalangan rakyat Amerika Syarikat di wilayah-wilayah tengah dan barat negara itu menurut satu berita yang diterima di Shanghai dan Canton. Oleh sebab pihak Dai Nippon di sini enggan mengulaskan berita tentang bom-bom tersebut, maka amatlah sukar untuk membuat pengesahan tentang serangan seperti itu. Berita yang disebarkan umum ialah pada 11 Disember tahun lalu menyatakan sebuah belon besar yang dilengkapi dengan bom-bom pembakar, dengan tulisan bahasa Nippon di permukaannya, telah dijumpai di kawasan kebakaran yang berlaku di sekitar Calispel, Montana. Menurut satu sumber, semenjak bulan Oktober tahun lalu ramai penduduk di Montana telah melihat benda-benda besar yang terapung di udara ke arah timur pada waktu malam. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa Amerika Syarikat telah dilarang membuat sebarang ulasan tentang benda raksaksa yang terapung itu. Belon seperti itu boleh membawa beberapa orang tentera. Semenjak 21 Disember lalu lebih daripada 300 kebakaran telah dilaporkan. Belon-belon tersebut telah diperbuat dengan kertas bermutu tinggi dan diwarnakan dengan warna penyamaran. Garisan tengahnya ialah 33 kaki dan isipadunya ialah 18,000 meter padu dan muatannya ialah 800 pound. Belon tersebut telah dilengkapi dengan bom-bom berukuran kaliber 6 inci dan alat letupan automatik dan boleh bergerak dengan halaju 100 batu sejam!

## **24 FEBRUARI**

Satu majlis Maulud Nabi telah diadakan di Masjid Sheikh Yusoff, Jalan Datuk Keramat. Ucapan pembukaannya telah

disampaikan oleh En. A M Y Izzuddin diikuti dengan ucapan Gubernur Pulau Pinang dan bacaan Al-Quran.

## **25 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

*24 Februari*

Tentangan hebat melawan musuh!

Beberapa buah pesawat B-29 musuh telah mencerobohi ruang udara Pulau Pinang dalam penerbangan ke Syonan-To di antara jam 8.25 hingga 9.35 pagi ini dan di antara 12.04 hingga 1.30 tengah hari semasa dalam penerbangan balik. Pesawat-pesawat musuh telah menerima tentangan hebat sewaktu di ruang udara Pulau Pinang. Sebuah pesawat musuh telah dirosakkan pada jam 12.40 tengah hari. Pesawat ini kelihatan mengeluarkan asap hitam dari sayap kirinya di kawasan barat laut Balik Pulau. Pesawat yang malang itu dianggap tidak berdaya untuk membuat penerbangan ke pangkalannya.

## **26 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun*

Tujuh buah penyerang Syonan rosak!

Satu pengumuman yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Pertahanan Syonan-To menyatakan 130 buah pesawat B-29 telah membuat serangan ke atas Syonan-To dari jam 10.30 pagi selama 1 1/2 jam. Lebih daripada 12 serangan telah dilakukan ke atas pelabuhan Syonan-To dan kawasan bandar. Setelah menggugurkan bom, pesawat-pesawat itu telah melarikan diri ke arah barat laut. Sembilan buah pesawat telah dirosakkan.

Syonan-To telah mengalami kerosakan ringan di kawasan pelabuhan. Beberapa kawasan bandar raya, yang didiami oleh sebilangan besar penduduk keturunan Cina, telah menjadi sasaran musuh. Lebih kurang 150 biji bom pembakar yang digugurkan di kawasan selatan Balai Polis Pusat telah membakar bangunan-bangunan kediaman dan perniagaan.

*Lisbon, 24hb Februari*

Perdana Menteri Mesir, En. Ahmed Maher, telah terbunuh dalam satu peristiwa penembakan di persidangan parlimen Mesir selepas perbahasan tentang pengisytiharan kewujudan peperangan antara Mesir dan Kuasa Axis.

Hari ini Turki telah mengisytiharkan kewujudan peperangan antaranya dengan Negara Jerman dan Dai Nippon. Keputusan ini telah dibuat berasaskan satu syarat yang ditetapkan di Persidangan Crimea, yang menyatakan hanya negara-negara yang mengisytiharkan kewujudan peperangan dengan Kuasa Axis sebelum 1 Mac sahaja akan layak menjadi ahli dan mengambil bahagian dalam persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dijadualkan akan bersidang di San Francisco pada bulan April.

## **28 FEBRUARI**

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 26 Februari*

Perdana Menteri Koiso pagi ini telah diperkenankan oleh Istana untuk menghadap Maharaja Hirohito. En. Koiso, bagi pihak ahli kabinetnya, telah meminta maaf kerana kerosakan yang telah berlaku dalam serangan bom secara membuta tuli ke atas istana baginda oleh musuh kelmarin. Dalam serangan itu pesawat-pesawat udara musuh telah menggugurkan bom pembakar dan eksplosif di kawasan pejabat Biro Berita Imperialis dan stesen pengawalan istana berhampiran pintu masuk yang menyebabkan sedikit kerosakan.

*Berita Domei*

*Tokyo, 24 Februari.*

Dai Nippon dijangka akan mengisytiharkan kewujudan peperangan dengan Turki sebagai tindakan balas kerana pengisytiharan Turki hendak berperang dengan Dai Nippon. Tindakan Turki ini tidak akan membahayakan usaha peperangan Dai Nippon. Sumber-sumber yang boleh dipercayai berkata ada besar kemungkinan kerajaan Turki telah ditekan untuk mengambil pendirian sebegitu oleh Amerika Syarikat dan Great Britain. Ini adalah kerana,



sehingga saat-saat terakhir ini, kerajaan Turki telah membuktikan hasratnya untuk mencruskan persahabatannya yang erat dengan Dai Nippon.

### **3 MAC**

*Berita Penang Shimbun*

*Syonan-To, 2 Mac*

Pada jam 11.00 pagi, 54 buah pesawat B-29 telah kelihatan di ruang udara Syonan-To. Pesawat-pesawat tersebut kemudian telah memecah formasi kepada beberapa formasi kecil dan terus menyerang dan menggugurkan bom ke atas kawasan Seletar sebelum melarikan diri ke arah timur laut pada jam 12.30 tengah hari. Unit pertahanan Dai Nippon telah melancarkan penembakan penangkis yang hebat dan berkesan. Menurut laporan, tiga buah pesawat B-29 telah menerima kerosakan, sebuah daripadanya telah ditembak jatuh.

*Berita Terbaharu!*

Dua daripada tiga buah pesawat yang dikatakan menerima kerosakan dalam serangan hari ini telah dilaporkan jatuh di laut Selat Melaka.

*Lisbon, 1 Mac*

Berita Reuter dari London yang diterima di Jeddah telah menyatakan Saudi Arabia telah mengisytiharkan kewujudan peperangan antaranya dengan Negara-Negara Jerman dan Dai Nippon. Pengisytiharan itu juga menyatakan bandar-bandar suci, Mekah dan Medinah, akan dijadikan kawasan berkecuali dan diisytiharkan sebagai bandar raya terbuka (Open City). Dengan tindakan ini, Saudi Arabia layak menerima jemputan ke Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu di San Fransisco pada 25 April 1945.

### **10 MAC**

Hari ini Hari Tentera dan hari kelepasan am. Banyak bangunan tidak mengibarkan bendera Dai Nippon. Ini adalah kerana rakyat Malaya merasa bimbang kerana bendera boleh dikesan dari udara oleh pesawat B29 dan bangunan yang

mengibarkan bendera Jepun akan menjadi sasaran bom.

Satu perhimpunan besar telah diadakan di padang besar rumah kediaman Gabenor di Jalan Residency dihadiri oleh beratus-ratus kakitangan kerajaan. Dalam ucapannya, TYT Gabenor telah mengutuk keras rakyat yang tidak bertanggungjawab kerana suka menyebarkan berita angin yang amat buruk apabila pesawat musuh mencerobohi ruang udara Pulau Pinang ataupun jika pesawat Dai Nippon tidak kelihatan di udara.

## 11 MAC

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 10 Mac*

Kerajaan Dai Nippon telah mengambil alih tanggungjawab pertahanan French Indocina dengan sepenuhnya. Ketidakkhlasan pihak French Indochina telah mendorong Dai Nippon menganggapkan perjanjian pertahanan bersama mereka telah gagal dan tidak berkesan lagi. Oleh yang demikian, untuk menghapuskan pengaruh musuh, kerajaan Dai Nippon akan mempertahankan French Indochina dengan askar-askar sendiri mulai semalam.

*Hanoi, 10 Mac*

Sebahagian besar markas FIC (French Indochina) dilucutkan senjata!

Tentera Dai Nippon di French Indochina telah melucutkan senjata sebilangan besar tentera FIC termasuk polis bersenjata yang mungkin akan menentang Dai Nippon. Pihak Dai Nippon telah bertindak sedemikian selepas menerima jawapan yang pihak FIC tidak bersetuju dengan cadangan Dai Nippon tentang masalah pertahanan bersama. Dalam satu gerakan kilat, yang telah dilancarkan pada jam 10.50 malam, markas Dai Nippon di FIC telah menambahkan askar-askarnya di bandar-bandar besar. Rumah kediaman Gabenor-Jeneral telah ditawan. Dengan tindakan ini pihak Dai Nippon telah berjaya menyelamatkan nyawa Timbalan Laksamana Jean Decoux.

*Thailand, 10 Mac*

Perakuan tiga syarat (three-point recommendation) telah diterima oleh Perdana Menteri Thailand, Mejar Kuang Apaiwong dan Menteri Luarnya En. Sombat Siri, setelah berbincang dengan duta Jepun di Thailand, En. K. Yamamoto. Syarat-syarat adalah seperti berikut:-

1. Melucutkan senjata askar-askar dan polis Perancis yang lari berlindung di Thailand.
2. Melayani diplomat dan penduduk Perancis di Thailand sebagaimana warganegara Perancis dilayani di Nippon.
3. Kerjasama dalam hal pertukaran barang antara Indochina dan Thailand di masa hadapan.

## **12 MAC**

*Berita Penang Shimbun*

Raja Annam mengisytiharkan kemerdekaan!

Harinya telah tiba bagi 23 juta rakyat Annam untuk menamatkan penaklukan dan penindasan Imperialis Perancis selama 60 tahun apabila Baginda Raja Annam, Bao Dai, memansuhkan Perjanjian 1886 Annam-Perancis. Untuk mencapai cita-cita negara, kerajaan baru Annam telah mengumumkan hasrat negara untuk bekerjasama dengan Dai Nippon dengan sepenuhnya kerana keyakinannya terhadap keikhlasan Empayar Dai Nippon.

## **13 MAC**

*Berita Penang Shimbun.*

*Syonan-To, 12 Mac*

Unit pertahanan Dai Nippon telah menembak jatuh dua buah pesawat B-29 dan merosakkan sebuah lagi apabila 40 buah B-29 menyerang kawasan selatan Syonan-To pada jam 10.40 pagi ini menurut satu pengumuman yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Pertahanan Syonan-To petang ini. Kerosakan yang amat ringan telah dilaporkan kerana bom-bom yang digugurkan telah jatuh ke dasar laut.

## **14 MAC**

*Phom Penh, 12 Mac*

Kambodia hari ini mengisytiharkan kemerdekaannya ekoran pengisytiharan pemansuhan Perjanjian 1886 Annam-Perancis oleh Baginda Raja Annam pada 4 Mac lalu. Pada jam 10.00 pagi, Baginda Raja Kambodia, Raja Norokom Shihanouk, telah mengisytiharkan pemansuhan Perjanjian Kambodia-Perancis dan seterusnya telah mengumumkan kemerdekaan Kambodia.

## **15 MAC**

*Berita Penang Shimbun*

Muzium Kuala Lumpur menjadi sasaran serangan musuh!

Dua buah pesawat B-29 telah mencorobohi ruang udara Kuala Lumpur pada jam 11.00 pagi 10 Mac tetapi telah dihalang oleh pesawat-pesawat pejuang Dai Nippon. Pesawat-pesawat musuh telah gagal dalam serangannya ke atas sasaran ketenteraan tetapi berjaya menggugurkan bom ke atas Muzium Kuala Lumpur, yang terkenal dengan koleksinya dan benda-benda yang mempamerkan sejarah Malaya. Tidak ada kerosakan besar lain yang dilaporkan.

## **19 MAC**

*Berita Penang Shimbun.*

*Lisbon, 15 Mac*

Duke of Windsor telah meletakkan jawatannya sebagai Gabenor Kepulauan Bahamas. Jawatannya telah diambil alih oleh En. W. L. Murphy, Setiausaha Penjajah bagi kepulauan itu menurut satu berita yang diterima dari London hari ini. Berita itu tidak pula memberi sebab-sebab Duke meletakkan jawatannya.

## **21 MAC**

*Berita Penang Shimbun*

Wabak taun telah dilaporkan di utara Syburi (Kedah). Suntikan percuma akan diberi kepada orang awam mulai

dari 16 hingga 23 Mac, di antara jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, di tempat-tempat berikut:-

1. Universal Dispensary
2. Colonial Dispensary
3. Ho Dispensary
4. Malaya Dispensary
5. Mission Clinic Jalan Burma
6. Persatuan Buddist Jalan Anson
7. Mission Clinic, Ayer Hitam
8. Sekolah-sekolah Jelutong, Kampung Jawa

### **25 MAC**

Ramai orang Nasrani keturunan pertama telah ditahan mulai hari ini.

### **26 MAC**

*Sumatra, 24 Mac*

Langkah lanjut ke arah kemerdekaan Indonesia!

Sebagai satu langkah lanjut ke arah kemerdekaan Indonesia yang diharap-harapkan, sebuah majlis penasihat pusat yang dianggotai oleh 30 orang ahli telah ditubuhkan di Sumatra mengikut satu ordinan. Perkara ini telah diumumkan oleh Pentadbiran Ketenteraan Sumatra.

### **27 MAC**

*Notis Akhbar Penang Shimbun.*

Harga akhbar Penang Shimbun (edisi Inggeris dan Cina) mulai 1 April 2605 ialah \$7.50 sebulan. Harga edisi Melayu \$3.50 sebulan. Bayaran hendaklah dijelaskan sekurang-kurangnya untuk tiga bulan.

### **30 MAC**

*Notis Kerajaan No 19.*

Mulai dari bulan April 2605, bekalan beras kepada rakyat telah ditetapkan seperti berikut:-

### Kati Sebulan

Jantina	Bandar	Luar Bandar	Dahulu Untuk Bandar
Lelaki	6	3	8
Perempuan	4	2	6
Kanak-kanak	3	1	4

### 31 MAC

*Berita Penang Shimbun.*

Penyerang Syonan melarikan diri!

20 buah pesawat B-29, yang kelihatan di beberapa kawasan Syonan-To pada jam 1.00 tengah hari 20 Mac, telah melarikan diri pada jam 3.00 petang. Lebih kurang 30 buah pesawat B-29 telah menyerang Syonan-To pada jam 2.50 pagi. Setelah menggugurkan bom, pesawat-pesawat telah melarikan diri pada jam 4.30 pagi. Kerugian yang dialami oleh Dai Nippon adalah amat kecil.

### 7 APRIL

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 6 April*

Laksamana K. Suzuki membentuk kabinet baru!

Laksamana K. Suzuki telah menerima perintah maharajanya untuk membentuk sebuah kabinet baru bagi menggantikan Kabinet Koiso, yang telah meletakkan jawatannya kelmarin. Laksamana Suzuki telah membentuk kabinetnya di Koisikawa Ward. Awal pagi ini, Koiso telah meletakkan jawatan untuk membuka jalan ke arah pembentukan sebuah kerajaan yang lebih kuat memandangkan masalah yang dihadapi oleh negara yang semakin serius.

Perjanjian Berkecuali Nippon-Soviet akan dibatalkan!

Satu pengumuman Kementerian Luar Negeri Jepun, yang dikeluarkan pada jam 2.00 petang ini, menyatakan En V Molotoff, Komisar Luar Negara Soviet, telah memberitahu Duta Jepun, En Sato, pada 5 April hasrat Rusia untuk memansuhkan perjanjian berkecuali Nippon-Soviet.

Perjanjian tersebut yang menentukan kedua-dua pihak tidak akan berperang telah ditandatangani pada 3 April 1941. Pada ketika perjanjian dibuat peperangan Jerman-Soviet belum lagi bermula dan Dai Nippon belum berperang dengan Kuasa-Kuasa Amerika/British. Semenjak itu, keadaan telah berubah kerana Dai Nippon telah membantu sekutunya – Jerman dan Itali – yang berperang dengan sahabat-sahabat Soviet – Amerika/Britain. Oleh yang demikian, perjanjian berkecuali Nippon-Soviet tidak bermakna lagi dan penerusannya adalah dianggap mustahil. Oleh sebab ini, kerajaan Soviet akan membatalkan perjanjian tersebut apabila tempohnya tamat pada bulan April tahun hadapan, mengikut Fasal 2 yang termaktub dalam Perjanjian Nippon-Soviet.

*Berita Domei*

*Tokyo, 6 April*

Keputusan Soviet bukan perkara luar dugaan!

Sama ada perjanjian Soviet-Nippon itu wujud atau tidak, kerajaan Dai Nippon akan berusaha untuk meneruskan dasar berkecualinya dengan Soviet Union. Sumber-sumber dekat dengan Kementerian Luar Negeri Dai Nippon telah berkata, “memandangkan keadaan dunia sekarang, khususnya krisis teruk yang dihadapi oleh Dai Nippon pada ketika ini, kerajaan Dai Nippon tidak ada jalan lain selain meningkatkan lagi persediaannya untuk menghadapi sebarang dan semua cabaran di masa hadapan.”

### **13 APRIL**

*Berita Penang Shimbun.*

*Lisbon, 12 April*

Roosevelt meninggal dunia!

Franklin D Roosevelt telah meninggal dunia dengan mengejut akibat penyakit perdarahan cerebral di Warm Spring petang ini. Menurut satu despac dari Washington upacara sebelum pengkebumian mendiang Presiden akan diadakan pada hari Sabtu di Bilik Timur Rumah Putih. Presiden itu akan dikebumikan di tanah perkuburan Hyde Park pada petang hari Ahad.

Harry Truman Presiden baru!

Menurut satu berita dari Washington, Timbalan Presiden Harry Truman akan dilantik sebagai presiden baru Amerika Syarikat. En. Truman telah tiba di Rumah Putih sebaik sahaja kematian Presiden Roosevelt diumumkan.

#### **14 APRIL**

*Berita Penang Shimbun.*

*Lisbon, 12 April*

Kerajaan Sepanyol telah mengumumkan kelmarin hasratnya untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Dai Nippon menurut satu despac dari Madrid. Despac itu menyatakan keputusan kerajaan Madrid adalah ekoran satu mesyuarat segera Jemaah Menteri yang dipanggil oleh Jeneral Francisco Franco.

#### **19 APRIL**

*Berita Penang Shimbun.*

Anak tempatan memasuki Universiti Imperial!

En. Eusoffe Abdoolcader, seorang calon tunggal dari Pulau Pinang, telah dipilih untuk menjalani kursus lanjutan di Nippon pada bulan Mei. Beliau dan beberapa orang calon lain dari Malai telah diterima sebagai penuntut di Imperial Universiti Kyoto. En. Eusoffe Abdoolcader selepas peperangan telah mengikut jejak ayahandanya, Sir H H Abdoolcader, dalam bidang undang-undang. Beliau kemudian telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Agung Malaysia dan telah dianugerahkan darjat kebesaran Diraja P.S.M. yang membawa gelaran Tan Sri.

#### **25 APRIL**

Persidangan San Francisco untuk mengasaskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bermula hari ini.

#### **26 APRIL**

*Berita Penang Shimbun.*

Satu berita Associated Press dari Berne menyatakan Mar-



shal Henri Petain telah memasuki Negara Switzerland dari Negara Jerman setelah membuat satu pengumuman yang beliau bersedia untuk dibicarakan di negaranya – Perancis. Baginda Raja Leopold dari Belgium, yang menyerah kalah negaranya kepada pihak Jerman pada tahun 1940, dijangka akan sampai di sempadan Switzerland hari ini. Pierre Laval, Premier Kerajaan Vichy, juga tiba di sempadan Switzerland tetapi tidak dibenarkan masuk. Kuasa-Kuasa Bersekutu telah diberitahu terlebih dahulu tentang kedatangan Petain. Petain tiba di sempadan Switzerland dengan kereta bersama-sama lapan buah kereta dalam rombongannya. Beliau dan isterinya berada dalam otomobil yang pertama. Marshal Petain tidak meninggalkan keretanya semasa rundingan selama sejam berlangsung di sempadan tentang kedatangannya ke Switzerland sebelum beliau dibenarkan masuk.

Sebuah kereta pengiring Jerman telah berpatah balik dan terus meninggalkan sempadan. Perbicaraan Marshal H Petain akan diadakan di Paris pada 17 Mei. Penyokong-penyokong Petain berpendapat Marshal itu harus akan menerima hukuman mati. Jika tidak, perbicaraan penderhakaan semasa peperangan yang melibatkan pegawai-pegawai rendah Petain tidak dapat diuruskan. Ketibaan Petain, dengan cara dramatis, di Switzerland dan kesedarannya untuk menyerah diri adalah satu peristiwa yang kurang manis kerana Marshal Petain ialah seorang perwira teragung semasa Peperangan Dunia Pertama dan perbicaraannya akan memecahbelahkan parti-parti politik Perancis.

Memandangkan perjalanan peperangan di benua Eropah semakin baik, Amerika Syarikat telah memberhentikan pembinaan pesawat B-17, B-24, dan P-38 dan mula membina pesawat yang lebih besar iaitu B-29 dan B-32. Pesawat besar ini dijangka akan digunakan di medan peperangan Asia Timur.

*Lisbon, 25 April*

Hitler mengetuai peperangan Berlin!

Berlin telah dikepung oleh Tentera Merah Soviet menurut satu perintah Marshal Stalin yang diterima dari Moscow.

Perintah utama itu telah mengumumkan, "Tentera Pertama Kulit Putih Soviet, yang telah menyekat semua jalan menuju keluar masuk Berlin ke arah barat, telah bergabung markas dengan Tentera Pertama Ukraine di barat laut Potsdam. Oleh itu, kepungan bandar Berlin telah berhasil sepenuhnya."

Satu laporan Reuter yang diterima dari Berlin mengesahkan Adolf Hitler masih berada di Berlin dan kini sibuk mengetuai pertempuran maut yang berlaku di jalan-jalan raya, bangunan-bangunan yang masih terbakar dan dari terowong kereta api bawah tanah.

Satu despac dari London menyifatkan peperangan barat telah memasuki fasa yang kritikal apabila pesawat-pesawat pengebom British jenis Lancaster telah menggugurkan bom, sebanyak lebih kurang 12,000 pound, ke atas sebuah gunung tempat perlindungan Adolf Hitler di Berchtesgaden.

#### **1 MEI**

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 30 April*

**Mussolini dibunuh!**

Satu berita Reuter yang diterima dari Radio Milan kelmarin (Ahad) menyatakan Benito Mussolini dan pemimpin-pemimpin Fascistnya telah dibunuh oleh gerilagerila.

#### **5 MEI**

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo 2 Mei*

**Reich Fuhrer Adlof Hitler menemui maut di Markasnya!**

Satu berita Reuter yang dipetik dari Radio Milan melaporkan kematian Adolf Hitler di markas pemerintahannya kelmarin, 1 Mei. Bekas Laksamana Tertinggi Jerman, Grand Admiral Karl Doenitz telah menggantikan mendiang Adolf Hitler. Laksamana Doenitz telah mengeluarkan ucapan utamanya hari ini - "Sahabat-sahabat saya! Fuhrer Adolf Hitler telah meninggal dunia. Benar dan jujur dalam usaha murninya untuk memelihara orang Eropah

daripada ideologi Bolshivisme, Adolf Hitler telah mengorbankan nyawanya dan telah menemui maut sebagai seorang pahlawan. Dengan perasaan hormat yang tidak terhingga, semasa tempoh berkabung ini, marilah kita merendahkan bendera sebagai tanda penghormatan kita kepadanya.

Fuhrer kita telah melantik saya sebagai penggantinya dan seterusnya sebagai Panglima Tertinggi bagi pemerintahan ketenteraan Jerman. Kita akan meneruskan perjuangan kita terhadap Bolshivik sehingga tentera kita dan beratus-ratus keluarga Jerman terselamat daripada keabadian dan kemusnahan. Kepada Kuasa-Kuasa British dan Amerika Syarikat saya kata saya akan meneruskan perjuangan untuk menghalang Bolsivisme sejauh mana yang boleh dan selagi kuasa-kuasa itu tidak menghalang saya."

*Tokyo, 3 Mei*

Marshal Stalin kelmarin mengumumkan berita tentang kejatuhan Berlin. Berita penawanan ibu kota itu telah disiarkan oleh Radio Moscow yang menyatakan 70,000 askar Jerman telah ditawan dalam operasi pembersihan ketenteraan. Reuter melaporkan Field Marshal Gert Von Rundstedt telah ditahan oleh Tentera Ke-7. Rundstedt, Panglima Tertinggi di medan peperangan barat telah ditemui di sebuah hospital di Badtoetz 25 batu selatan Munich.

Goebhels membunuh diri!

Biro Penerangan Soviet hari ini mengumumkan bahawa Dr. Joseph Goebhels, Menteri Propaganda Hitler, telah membunuh diri menurut satu laporan dari London.

*Zurich, 4 Mei*

Akibat kejatuhan kota Hamburg ke tangan Tentera Kedua British dan pengumuman pihak Jerman yang mengisytiharkan bandar Praque sebagai "bandar hospital"; askar-askar Amerika-British dan Soviet telah dapat mempercepatkan penyerahan diri askar-askar musuh di beberapa medan peperangan. Tanda-tanda semakin jelas bahawa peperangan Eropah akan tamat dalam masa yang singkat.

Sebuah bandar besar di tebing Sungai Danube telah ditawan oleh Tentera Ketiga Amerika Syarikat. Manakala

wilayah-wilayah Voralberg dan Salsburg di Austria telah menyerah kalah bersama-sama tentera Jerman di Itali. Di medan pantai Baltic pula askar-askar British dan Soviet telah bergabung markas di timur bandar Lubeck. Askar-askar Jerman di kawasan ini sedang melarikan diri ke Denmark. Askar-askar Jerman di Denmark telah mula menyerah diri beramai-ramai.

## 9 MEI

*Berita Penang Shimbun.*

Di satu markas di selatan Jerman, 7 Mei

Berita tentang kematian Adolf Hitler merupakan satu kehilangan besar kepada rakyat Jerman. Sumber-sumber rapat dengan Hitler telah menceritakan hasrat Adolf Hitler untuk menerima nasib yang sama dengan ibu kotanya, Berlin, untuk memberikan peluang kepada rakyat Jerman meneruskan ideologi Nazisme semula. Beberapa orang jeneral tertinggi telah memujuk Hitler supaya meninggalkan Berlin dan meneruskan kepimpinannya di satu tempat yang lain kerana kehadirannya adalah amat penting untuk menghadapi krisis ini. Pada satu ketika, Hitler telah bersetuju dengan cadangan jeneral-jeneralnya. Untuk maksud ini, sebuah kapal terbang khas, yang boleh naik ke udara dari sebatang jalan, telah disediakan. Sebatang jalanraya yang lebarnya 70 meter, lebih kurang 200 meter dari kubu Hitler, telah dipilih. Semua tiang lampu di jalan tersebut telah diubah untuk menyediakan satu landasan sepanjang 500 meter. Walau bagaimanapun, Adolf Hitler enggan meninggalkan Berlin dan bersedia untuk menanti mautnya di ibu kota kesayangannya sebagai seorang pahlawan. Sebab-sebab Adolf Hitler berbuat demikian tidaklah diketahui tetapi satu daripadanya kononnya untuk menjadikan dirinya sebagai umpan untuk menarik askar-askar Soviet ke Berlin supaya pertempuran tindak balas dapat dilaksanakan untuk menghancurkan askar-askar Bolshivik. Ada juga sumber-sumber yang berkata, Adolf Hitler telah menghantar Himmler, Doenitz dan panglima-panglima yang lain pada

21 April ke Utara Jerman untuk membuat rayuan terakhir kepada pihak British dan Palang Merah Swiss tentang cadangannya yang beliau dan markasnya bersedia berpaling tadah untuk meneruskan peperangan bersama-sama Markas British untuk menghapuskan musuh dunia bebas iaitu Rusia. Rayuannya telah gagal. Ideologinya yang tertulis dalam bukunya, *Mein Kemp*, malangnya tidak terhasil. Hitler kerap kali telah menyebarkan ideologi ini dalam ucapannya sebelum peperangan tercetus. Impian terakhirnya tidak menjadi kenyataan. Hitler telah memilih maut sebagai jalan keluar di Chancellernya apabila Berlin terkepung dan ibu kota itu menerima pembedilan maut dari beberapa arah.

Herman Goering, Ketua Tertinggi *Luftwaffe*, dan bekas Panglima Tertinggi di Itali, Field Marshal Kesserling, telah ditahan oleh Tentera Ketujuh Amerika Syarikat. Satu despac Reuter dari Paris menyatakan, Herman Goering telah memberitahu sumber-sumber tertentu beliau telah dijatuhkan hukuman mati oleh Adolf Hitler kerana cadangannya pada 21 April supaya beliau mengambil alih kuasa daripada Hitler. Goering berkata beliau telah ditahan oleh askar-askar S.S. tetapi telah diselamatkan oleh askar-askar *Luftwaffe*.

*Tokyo, 8 Mei*

Peperangan tamat pada 7 Mei

Upacara penyerahan kalah tanpa syarat oleh askar-askar Jerman telah berlaku pada jam 2.41 pagi waktu Perancis di sebuah rumah bercat merah di Reims, Perancis. Penyerahan ini telah menamatkan peperangan di Eropah dengan rasminya setelah peperangan itu berlangsung selama lima tahun, lapan bulan dan enam hari.

Menurut berita Associated Press, Jeneral Eisenhower tidak hadir di majlis tersebut tetapi sejurus selepas upacara berlaku, wakil Jerman, Jeneral Gustav Jodl, dan pegawai-pegawai pengiringnya, telah mengadap Jeneral Eisenhower yang hanya ingin mengetahui sama ada mereka benar-benar faham syarat-syarat penyerahan kalah yang diwajibkan dan sama ada syarat-syarat itu boleh dilaksanakan. Perwakilan itu

telah menjawab "Ya". Pengumuman rasmi tentang penyerahan kalah tanpa syarat itu telah dibuat oleh Grand Marshal Karl Doenitz kepada rakyat Jerman. Doenitz juga mengarahkan semua tentera Jerman supaya meletakkan senjata dengan serta merta.

#### *Berita Reuter*

Satu despac Reuter dari Paris yang dikeluarkan pada 8 Mei telah mengumumkan butir-butir tentang penyerahan ketenteraan itu seperti berikut:-

#### Pertama,

Kami, penanda-penanda tangan warkah ini, bagi pihak Markas Kuasa Tertinggi Jerman, dengan ini, menyerah kalah tanpa syarat kepada Kuasa-Kuasa Ekspedisi Bersekutu di laut, darat dan udara, markas-markas yang sehingga tarikh ini berada di bawah penguasaan Jerman.

#### Kedua,

Markas Tertinggi Jerman akan mengeluarkan perintah, dengan serta merta, kepada semua kuasa ketenteraannya – darat, laut, dan udara, supaya menamatkan operasi ketenteraan pada jam 11.00 malam waktu Eropah Tengah pada 8 Mei dan terus berada di tempat yang dikuasai mereka pada waktu itu. Kapal laut dan udara ataupun badan kapal, mesin dan peralatan lain tidak boleh dirosakkan dengan sengaja.

#### Ketiga,

Markas Tertinggi Jerman akan mengeluarkan, dengan segera, satu perintah yang sesuai untuk menentukan pelaksanaan syarat-syarat ini ataupun perintah lanjut yang dikeluarkan oleh Panglima Agung Kuasa-Kuasa Ekspedisi Bersekutu dan Soviet Union.

#### Keempat,

Maka kuasa penyerahan ketenteraan ini boleh dan akan digantikan dengan apa jua syarat penyerahan am, yang dikenakan oleh atau bagi pihak Amerika Syarikat, terhadap negara Jerman dan tentera-tenteranya pada keseluruhannya.

Kelima,

Sekiranya, Markas Tertinggi Jerman ataupun mana-mana pihak tertentu di bawah penguasaannya gagal bertindak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, Kuasa-Kuasa Ekspedisi Bersekutu dan Markas Tertinggi Soviet akan mengambil tindakan menghukum ataupun tindakan lain yang dianggap wajar.

## **10 MEI**

*Tokyo, 9 Mei*

Menurut satu berita Reuter, Perdana Menteri British, En. Winton Churchill, telah membuat satu pengumuman menerusi radio yang menyatakan satu perwakilan Jerman telah menyerah kalah. Penyerahan ini melibatkan segala tentera Jerman di laut, darat dan udara kepada Kuasa-Kuasa Bersekutu pada jam 2.41 pagi 7 Mei 1945. Perjanjian tentang penyerahan itu akan disahkan dan dimeterai di Berlin pada hari Selasa 8 Mei. Tambah Churchill, peperangan akan tamat pada jam 12.01 pagi, 8 Mei.

Reuter telah melaporkan bahawa En. Winston Churchill telah berucap tentang adanya tentera Jerman yang masih bertempur dengan tentera Soviet di beberapa kawasan. Sekiranya mereka meneruskan pertempuran itu, mereka akan terkeluar daripada perlindungan undang-undang peperangan. Sewaktu mengumumkan hari ini sebagai hari kelepasan am, Winston Churchill berkata "Esok kita akan merakamkan penghargaan kita kepada sahabat kita Soviet Union. Kebolehan tentera Soviet di medan peperangan adalah suatu sumbangan besar yang telah menjaminkan kemenangan." Tentang Dai Nippon, Winston Churchill telah berkata "Nippon masih tidak tertewas lagi dan kini kita mestilah menumpukan kekuatan kita dan sumber penghasilan kita untuk menunaikan tanggungjawab kita di dalam dan di luar negeri."

*Tokyo, 9 Mei*

Presiden Harry Truman dalam ucapannya pada 7 Mei telah berkata "Inilah satu hari yang sedih tetapi juga amat

gembira bagi kita. Peperangan akan diteruskan sehingga Nippon meletakkan senjata dan menyerah kalah tanpa syarat. Tentera Kuasa-Kuasa Bersekutu dengan semangat pengorbanan dan kesetiaan, dengan takdir Tuhan, akan menghasilkan penyerahan kalah tanpa syarat daripada Dai Nippon. Banyak lagi yang perlu dibuat. Kemenangan yang tercapai di Barat sekarang hendaklah juga diperolehi di Timur."

### **13 MEI**

#### *Notis Kerajaan*

Mulai dari hari ini harga beras yang diedarkan oleh kerajaan kepada rakyat dinaikkan daripada 10 sen sekati kepada \$1.80 sekati. Kenaikan ini masih rendah jika dibandingkan dengan harganya di pasar gelap.

Urusan untuk mengimport beras, yang kini diuruskan oleh kerajaan, telah dipindahkan kepada biro pengimport beras dan padi.

### **14 MEI**

Minggu pembersihan bandar telah dilancarkan pagi ini. Tujuannya adalah untuk meningkatkan lagi kebersihan Pulau Pinang serta menentukan pengangkutan sampah dijalankan dengan tetap. Minggu pembersihan ini akan tamat pada 20 Mei. Bandar Georgetown akan dibahagikan kepada 10 seksyen dan dua seksyen akan dibersihkan setiap hari. Penghuni-penghuni rumah hendaklah menjemur bantal, kain selimut, tilam dan sebagainya. Rumah mestilah dibersihkan, longkang dicuci dan sampah sarap dihimpun di tempat tertentu yang dikenali sebagai "tempat memungut sampah."

### **24 MEI**

Perdana Menteri British, Winston Churchill, telah meletakkan jawatannya hari ini. Dengan tindakan ini, partinya telah keluar daripada kerajaan campuran yang telah memerintah Great Britain pada waktu krisis yang terbesar sekali dalam sejarahnya. Churchill telah menyampaikan warkah perletakan jawatannya kepada Baginda King George



VI. Beberapa jam selepas itu, baginda telah menjemput Winston Churchill membentuk sebuah kerajaan sementara sehingga pilihan raya umum diadakan.

## 26 MEI

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 25 Mei*

Netaji Subhas Chandra Bose, Ketua Kerajaan Sementara Azad Hind, telah tiba di Bangkok bersama-sama menteri-menteri dan kakitangannya. Dalam ucapan utamanya kepada pegawai-pegawai dan askar-askar Azad Hind di sebuah kubu dekat dengan sempadan Burma, beliau telah berkata "Pegawai-pegawai dan askar-askar yang berani! Dengan hati yang sedih saya akan meninggalkan Burma penuh dengan kenangan peristiwa pertempuran yang kita perjuangkan bersama-sama semenjak bulan Februari 2604, yang masih diteruskan. Saudara, saudara! Pada saat yang kritikal ini, saya hanya mempunyai satu perintah yang saya ingin menyampaikan kepada saudara-saudara sekalian, iaitu jika saudara-saudara akan tertewas buat sementara waktu biarlah kita tertewas sebagai pahlawan sambil berperang dengan bendera tiga warna kita dijulang tinggi."

## 29 MEI

Pengimportan beberapa jenis beras, tepung beras dan bihun oleh pengimport-pengimport berlesen dibenarkan mulai dari 21 Mei. Semenjak 15 Mei tahun lalu, urusan mengimport semua jenis beras, beras pulut, beras masak setengah matang, beras tanpa dibersihkan, tepung beras dan bihun telah diharamkan kecuali dengan kebenaran kerajaan.

## 1 JUN

Menurut satu laporan daripada En. Tamin Sutan Demam kepada Persatuan Melayu Pulau Pinang, orang Melayu yang diwajibkan bekerja sebagai petani di Ladang Bertam Seberang Perai sekarang ini mengalami kekurangan bahan makanan yang serius. Mereka hanya dibekalkan tiga kati beras sebulan. Oleh itu, ada beberapa keluarga yang hidup dengan

memakan ubi kayu selama lima belas hari dalam sebulan. Ramai daripada mereka yang mengidap penyakit malaria dan penyakit lain. En. Tamin telah merayu agar Persatuan akan mengambil tindakan yang wajar dan segera untuk mengatasi masalah ini kerana besar kemungkinan kadar catuan akan dikurangkan lagi.

*Notis Kerajaan No. 26*

Kadar catuan beras mulai dari 1 Jun adalah seperti berikut:-

Kati Sebulan		
Jantina	Bandar	Luar Bandar
Lelaki	3	1 1/2
Perempuan	2	1
Kanak-kanak	1 1/2	1/2

Harga sekati telah dinaikkan daripada \$1.80 kepada \$3.60 sekati. Masalah beras kini menjadi lebih rumit.

**6 JUN**

En. Mohamed Khan, seorang penentang kuat terhadap kerajaan Dai Nippon, ditahan dan disiksa oleh tentera zalim kerana fitnah orang, telah meninggal dunia di penjara Pulau Pinang. Allahyarham telah dikebumikan di tanah perkuburan Jalan Perak, kata orang, tanpa pengetahuan keluarganya.

**7 JUN**

*Berita Penang Shimbun.*

*Lisbon, 6 Jun*

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Markas Tertinggi Amerika Syarikat-British di Eropah, jumlah mangsa peperangan yang terkorban, semenjak penyerbuan Normandy sehingga tamat peperangan, ialah 689,686 orang askar Amerika Syarikat, British dan Kanada.

**8 JUN**

Harga buah-buah tempatan dan barang-barang lain dalam mata wang (pokok pisang) Jepun pada ketika ini, adalah

seperti berikut:-

Durian	\$70.00 sebiji
Manggis	\$10.00 seikat
Rambutan	\$100.00 untuk 100 biji
Ikan Talang	\$25.00 sekati
Ikan Pari	\$35.00 sekati
Beras	\$250.00 segantang
(N A B) Suntikan Sifilis	\$180.00 sekali
Ikan Terubuk	\$48.00 sekati
Minyak Kelapa	\$28.00 sebotol

## 28 JUN

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 26 Jun*

Selepas mesyuaratnya hari ini, kabinet Dai Nippon telah mengeluarkan satu kenyataan tentang keazamannya untuk menghadapi ancaman ketenteraan yang agak kritikal yang kini menimpa negaranya setelah tamat peperangan di Okinawa.

## 29 JUN

Satu serangan udara secara mengejut tanpa isyarat semboyan ke atas kawasan Weld Quay telah berlaku pada jam 1.15 pagi. Inilah serangan pertama oleh musuh Dai Nippon dalam masa beberapa bulan.

## 30 JUN

Persatuan Pengawalan Penjualan Ikan Pulau Pinang telah dimansuhkan. Semenjak pemansuhan ini, harga ikan telah turun sedikit dan apa juga jenis ikan dapat dibeli di pasar. Dahulu, semasa pengawalan berkuatkuasa, harga ikan sangat mahal dan sukar pula ditemui. Ikan yang bermutu dijual kepada masyarakat Jepun dan yang baki dijual di pasaran gelap menerusi pintu belakang, dengan harga tinggi. Manakala ikan yang hanya sesuai untuk makanan haiwan dijual kepada orang ramai.

### **3 JULAI**

*Berita Penang Shimbung.*

*Syonan-To, 1 Julai*

Syonan-To umumkan rancangan lengkap untuk pemindahan rakyat!

Satu rancangan lengkap untuk memindahkan rakyat dengan cepat, satu sistem perlindungan dan pengurangan bahaya untuk rakyat dan kerja-kerja untuk mengurangkan masalah sampingan, telah diumumkan kelmarin di Syonan-To oleh pihak berkuasa.

Pengumuman itu menyatakan peperangan telah sampai pada satu tahap kritikal dan sekiranya kemudahan pengangkutan terganggu maka masalah pembekalan bahan makanan akan menjadi amat serius. Pihak berkuasa akan menyediakan kemudahan pengangkutan percuma dan juga bantuan kewangan. Kerajaan akan menyerahkan amanah kepada syarikat-syarikat untuk menjaga harta rakyat yang berpindah. Mereka yang mempunyai keluarga atau kawan di negeri-negeri di Malai yang ingin melarikan diri ke sana akan diterima oleh kerajaan negeri berkenaan yang akan menjaga kebajikan mereka. Kawasan-kawasan yang telah dipilih ialah Ipoh, Taiping, Kampar, Kuala Lumpur, Mentakab, Bahau dan Tampin. Mereka boleh juga berhijrah ke Tanah Jawa dan Sumatra jika mereka ingin berbuat demikian.

### **5 JULAI**

Persatuan Pasar-Pasar Pulau Pinang mula bertugas hari ini dengan syarat-syarat berikut:-

1. Harga yang tidak berpatutan tidak dibenarkan.
2. Sewa gerai dibatalkan dan sebagai penggantinya kerajaan akan mengambil 3% daripada bahan yang dibekalkan kepada pasar.
3. Tertakluk kepada pemindahan (subject to amendment) kerajaan akan memungut sedikit daripada keuntungan yang dihasilkan oleh penjual seperti berikut:-

- 10% daripada penjualan ikan,
- 15% daripada penjualan sayur-sayuran,
- 10% daripada penjualan daging,
- 15% daripada penjualan ayam.

Persatuan ini diketuai oleh En. Heah Joo Siang dan melibatkan lapan buah pasar di Pulau Pinang. Pengawalan harga tidak ditetapkan. Penurunan harga yang amat ketara telah dihasilkan mengikut sistem baru ini semenjak ikan dan barang-barang lain dijual di dalam pasar dengan harga berpatutan dan bukan di luar pasar lagi dengan harga tinggi, seperti yang telah berlaku tempoh hari. Penjual boleh menetapkan harga barang mereka. Pihak berkuasa akan campur tangan sekiranya harga terus meningkat.

Di sebelah malam anasir-anasir komunis kini giat dalam usaha mereka untuk bertapak dalam beberapa unit Jikedan. Semua Jikedan telah dipanggil berkumpul di kawasan masing-masing dan di Ibu Pejabat untuk menerima taklimat. Pihak berkuasa menyangka kekacauan akan tercetus pada hari perayaan "Double-7" yang akan tiba dua hari lagi.

*Berita Penang Shimbun.*

*Ruang kematian.*

Dr. A O Merican telah meninggal dunia pada hari Ahad, 17 Jun 2605 di rumahnya di Kota Baru, Kelantan. Allahyarham telah meninggalkan seorang balu, lima orang anak dan beberapa orang adik beradik di Pulau Pinang. Upacara pengkebumian telah diadakan pada hari yang sama. Dr. A O Merican ialah seorang ahli pengasas Persatuan Melayu Pulau Pinang (PMA) dan juga presidennya yang pertama. Allahyarham ialah juga seorang bekas pegawai bertauliah dalam Kompani 'C' P & P W V C (Penang & Province Wellesley Volunteer Corps) dan telah diletakkan dalam kumpulan pegawai simpanan sebelum berpindah ke Kelantan. Allahyarham memulakan perkhidmatannya sebagai seorang doktor swasta di sebuah klinik di Jalan Penang. Allahyarham telah ditawarkan pingat Jaksa Pendamai oleh kerajaan Negeri-Negeri Selat tetapi beliau menolaknya. Sebabnya? Allahyarham terlalu muda untuk anugerah

tersebut! Dr. A O Merican ialah sahabat karib Kapt. Baba Ahmed dan ayah kepada adik beradik, Datuk-Datuk Merican, yang terkenal dari Kelantan.

## 11 JULAI

*Notis Kerajaan No. 38*

Pengguna air di kawasan Georgetown, Tg. Bungah, Tg. Tokong, Ayer Itau dan Gelugor dinasihatkan supaya memasak air sebelum minum. Ini adalah sebagai satu langkah berjaga-jaga kerana wabak tabun telah dilaporkan di Negera Siam dan di negeri Perlis.

## 23 JULAI

*Berita Penang Shimbun.*

Mulai dari 18 Julai, orang awam tidak dibenarkan memiliki alat penerimaan suara tanpa wayar (wireless sets) ataupun alat penggantinya menurut satu pengumuman bersama yang dibuat oleh En. Takahashi, Penang Hosu Kyukuchō dan En. Matsumoto, Penang Sendenkachō. Alat penerimaan kepunyaan panggung wayang, taman hiburan, restoran dan tempat serupa dengannya yang digunakan untuk tujuan perniagaan telah dikecualikan. Mereka dibenarkan menyimpan dan terus menggunakan alat-alat tersebut tetapi hak miliknya dituntut oleh Penang Hosu Kyuku yang akan membeli alat-alat tersebut daripada pemilik-pemiliknyanya. Alat-alat itu kemudian akan disewakan kepada pemilik-pemilik asalnya dan, jika kerosakan berlaku, alat-alat itu akan diperbaiki oleh Hosu Kyuku. Orang kenamaan seperti Keisatsushōcō-Jikendachō dan lain-lain akan diberi kebenaran untuk terus memiliki alat mereka untuk mendengar notis kerajaan ataupun untuk menerima amaran tentang permulaan sesuatu serangan udara jika ini dibuat melalui radio. Mereka juga dikehendaki menjual alat mereka kepada Hosu Kyuku dan kemudian alat tersebut akan dipinjamkan kepada mereka. Pemilik-pemilik di kawasan bandar boleh menyerahkan radio masing-masing di lima buah pusat penerimaan mulai dari 24 hingga 26 Julai di antara jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang.

Bayaran berpatutan akan dibuat kepada semua pemilik yang menyerahkan radio masing-masing setelah pihak berkuasa berunding dengan penjual-penjual radio. Harga pengangkutan juga akan dibayar kepada pemilik-pemilik berkenaan. Alat-alat yang dibeli akan digunakan untuk memperluaskan skop siaran dan bilangan alat radio kerajaan untuk faedah rakyat.

Orang awam tidak dibenarkan memiliki alat-alat berikut:-

1. Semua jenis alat radio termasuk alat-alat yang rosak
2. Semua jenis amplifayar elektrik
3. Semua jenis alat peti bunyi (gramophone)

## 24 JULAI

*Berita Penang Shimbun.*

Wabak taun telah dilaporkan di Kuala Muda setelah merebak dari Kuala Perlis melalui Songkla. Lima belas kes telah dilaporkan termasuk dua kematian. Rakyat Syburi tidak dibenarkan melawat tempat-tempat lain sehingga tindakan wajar diambil oleh kerajaan. Kedai-kedai makanan akan diperiksa oleh doktor-doktor Jepun dan kedai-kedai yang kotor akan ditutup. Gerakan suntikan untuk mencegah wabak tersebut akan dijalankan secara besar-besaran di beberapa buah negeri di utara Malai.

## 27 JULAI

*Berita Penang Shimbun.*

Winston Churchill tersingkir!

Parti Konservatif mengalami kekalahan teruk!

Winston Churchill, Perdana Menteri British keturunan diraja, yang memimpin rakyat British ke alam peperangan selama lima tahun, penuh dengan peristiwa berdarah dan pahit, tidak lagi dikehendaki oleh rakyat. Parti Buruh British mencapai kemenangan dengan kelebihan undi yang tinggi dalam pilihan raya umum baru-baru ini. Dengan kemenangan ini, Parti Buruh telah berjaya menyingkirkan Winston Churchill dan partinya yang dianggap sebagai satu simbol

yang mencerminkan imperialisme dan eksploitasi British di seluruh dunia.

Clement Alee, 68 tahun, Ketua Parti Buruh British, telah menggantikan Winston Churchill sebagai Perdana Menteri British baru apabila Parti Buruh mencapai kemenangan yang cemerlang dalam pilihan raya British yang pertama dalam masa sepuluh tahun. Keputusan terakhir pada jam 3.30 petang hari ini menunjukkan pemindahan pengundian yang besar ke kiri apabila Parti Buruh memenangi 375 kerusi berbanding dengan 188 kerusi yang dimenangi oleh Parti Konservatif.

*Lisbon, 25 Julai*

Winston Churchill kembali ke London!

Winston Churchill, diiringi oleh Menteri Luarnya Sir Anthony Eden dan Ketua Parti Buruh, Clement Alee, telah kembali ke London dari Persidangan Potsdam untuk melihat dengan lebih dekat keputusan pilihan raya British yang telah diadakan baru-baru ini. Setibanya di London, Winston Churchill telah mengadakan Baginda King George VI di Istana Buckingham untuk menyampaikan taklimat berkenaan dengan persidangan tiga pemimpin dunia di Potsdam.

*Lisbon, 25 Julai*

*Berita Domei*

Laksamana Lord Louis Mountbatten, Panglima Tertinggi Asia Tenggara, telah tiba di London dengan kapal terbang dari Potsdam setelah mengambil bahagian dalam persidangan di bandar itu. Baru-baru ini, Mountbatten telah bersidang dengan Jeneral Douglas McArthur di Manila.

## 28 JULAI

Satu senarai harga barang keperluan harian yang terkumpul setakat ini menunjukkan betapa serius masalah inflasi di kalangan rakyat yang terus menderita di bawah pemerintahan Dai Nippon.

Kelapa	\$6.00	sebiji
Taugeh	\$7.00	sekati
Koay Teow	\$16.00	sekati



Asam Jawa	\$22.00	sekati
Garam	\$19.00	sekati
Bawal Hitam	\$50.00	sekati
Gula Melaka	\$42.00	sekati
Gula Putih	\$70.00	sekati
Kuchai	\$8.00	sekati
Peria	\$19.00	sekati
Terung	\$10.00	sekati
Daging Lembu	\$70.00	sekati
Beras	\$250.00	segantang
Angsa	\$550.00	seekor
Emas	\$1,500.00	semayam

Jika harga-harga ini, dalam mata wang 'pokok pisang' Jepun, dibandingkan dengan, misalnya, gaji yang dibayar kepada seorang kerani muda sebanyak \$35.00 sebulan (dalam mata wang Jepun juga), maka barulah kita mengetahui betapa besar masalah hidup yang dihadapi oleh rakyat di zaman penaklukan Jepun.

### 30 JULAI

*Berita Penang Shimbun*

*Markas Nippon, 28 Julai*

Markas Phuket mematah serangan musuh!

Tentera Dai Nippon di Pulau Phuket telah berjaya mematahkan dengan segera dua serangan musuh untuk mendarat di pulau itu pada pagi dan petang hari Khamis. Pihak musuh telah mula cuba mendarat 500 orang askarnya di Pulau Phuket pada jam 8.00 pagi hari Rabu lalu dengan lima buah kapal pendarat di bawah perlindungan meriam-meriam besar. Tentera Dai Nippon telah berjaya memaksakan askar-askar musuh berundur ke kawasan pantai dan kemudian ke perairan laut.

Serangan musuh itu yang dibuat dengan bantuan hanya lapan buah kapal pengangkut telah menunjukkan kemampuan ketenteraannya yang terhad untuk operasi ini. Ini memastikan serangan itu hanya bercorak pengintipan sahaja dan bukan satu serangan besar-besaran. Dalam operasi tersebut dua buah kapal perang laut musuh, sebuah jenis

pesiar dan sebuah lagi jenis kapal induk pesawat udara, telah ditenggelamkan oleh kor udara khas Dai Nippon di lautan Phuket.

## **6 OGOS**

*Berita Penang Shimbun.*

*Syonan-To, 5 Ogos*

Syonan musnah dua pesawat penyerang musuh!

Dua buah pesawat udara musuh telah ditembak jatuh oleh unit pertahanan udara Dai Nippon apabila sembilan buah pesawat pejuang P-38 mencerobohi udara Syonan-To pada jam 11.50 pagi kelmarin. Penyerang-penyerang lain telah melarikan diri.

Harga beras kini meningkat lagi kepada satu angka yang tertinggi - \$300.00 segantang!

## **10 OGOS**

Puasa bermula hari ini dalam suasana bimbang tetapi penuh dengan harapan dan keyakinan. Secara jelas prospek untuk berakhirnya zaman kegelapan mula kelihatan.

*Tokyo, 10 Ogos*

Soviet menyerang Manchoukuo!

Dai Honye mengumumkan hari ini, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada jam 5.00 petang, berita seperti berikut:-

Pertama,

Pada 9 Ogos jam 12.00 tengah malam sebahagian besar tentera Soviet telah mencerobohi sempadan Soviet - Manchoukuo di wilayah timur dan baratnya. Serentak dengan itu, pesawat-pesawat udara Soviet telah membuat beberapa serangan berasingan ke atas wilayah utara Manchoukuo dan Chosen.

Kedua,

Tentera Dai Nippon dan Manchoukuo telah melancarkan serangan balas dan kini berperang dengan askar-askar Soviet.

*Berita Penang Shimbun  
Tokyo, 8 Ogos*

Musuh menggunakan bom jenis baru!

Pemusnahan yang amat besar telah dialami oleh bandar raya Hiroshima dua hari lalu akibat serangan udara oleh beberapa buah pesawat B-29 yang menggugurkan bom-bom jenis baru. Satu penyiasatan sedang dijalankan.

## 11 OGOS

*Berita Penang Shimbun  
Tokyo, 10 Ogos*

Serangan udara Amerika Syarikat ke atas Hiroshima satu pembunuhan beramai-ramai yang dirancang!

Akhbar Nippon Times dalam lidah pengarangnya telah menulis:-

*Kebiadapan akhlak terhadap manusia!*

*Akhbar ini mengutuk, dengan sekeras-kerasnya, serangan udara Amerika Syarikat ke atas bandar raya Hiroshima pada hari Isnin lalu. Bukan sahaja sebahagian besar bandar raya itu telah dijadikan padang jarak padang tekukur tetapi sebahagian besar penduduknya telah terkorban ataupun tercedera. Pengguguran bom jenis baru ini dengan tenaga pemusnahannya yang amat besar dan buruk memerlukan perhatian berat dunia kerana teknik atau cara baru yang digunakan dalam perjalanan sesuatu peperangan. Lebih-lebih lagi kerana masa hadapan manusia yang kini terancam. Serangan Amerika Syarikat ke atas Hiroshima, satu tindakan pembunuhan beramai-ramai yang disengajakan, telah melibatkan orang awam yang tidak bersalah dan yang tidak mempunyai peluang langsung untuk melindungi diri mereka daripada maut. Ini bukanlah satu perkara yang menyentuh undang-undang, sama ada tindakan itu patut atau tidak dilaksanakan dalam aspek tingkah laku antarabangsa. Ini satu perkara yang lebih luas yang menyentuh konsep pokok kesusilaan manusia. Bagaimanakah seorang manusia, yang mempunyai akhlak, boleh dengan sengaja mengakibatkan pembinaan dan pembunuhan serta merta dengan satu serangan ke atas harta dan jiwa beratus ribu manusia?*

*Ini bukan peperangan lagi! Ini bukan pembunuhan! Ini adalah semata-mata pemusnahan beramai-ramai. Ini juga satu jenayah terhadap Tuhan dan manusia, yang menyentuh, pada pokoknya, persoalan tentang adanya moral atau tidak. Apakah maknanya, dalam pandangan undang-undang antarabangsa, dari segi ahlikah manusia, dalam konsep benar atau salah, jika pengasasan ahlikah diketepikan sebagai peralatan peminusiaan menyeluruh? Apakah lebih buruk lagi daripada keganasan biadap dan pemusnahan menyebarkan sebuah bandar raya dengan sekali gus yang tidak kira sama ada mangsa-mangsa itu lelaki, perempuan, kanak-kanak atau mereka yang lemah, tua dan tidak berdaya – yang tidak diberikan setipis-tipis peluang untuk mengangkat sebatang jari untuk mempertahankan diri? Berkenaan dengan kebiadapan Amerika Syarikat ini terhadap kesusilaan manusia, Dai Nippon mengisytiharkan protesnya dengan sekeras-kerasnya kepada dunia terhadap kemusnahan negara itu.*

Pesawat-pesawat udara Amerika Syarikat telah mengugurkan risalah yang menyenaraikan bandar-bandar lain yang akan turut diserangkan tetapi lidah pengarang 'Nippon Times' telah menjelaskan bandar-bandar itu tidak boleh dianggap sebagai sasaran ketenteraan.

## **15 OGOS**

*Berita Penang Shimban.*

Jika pihak musuh terus menggunakan senjata haramnya (bom jenis baru) pihak Dai Nippon terpaksa akan menggunakan senjata-senjatanya yang juga mempunyai tenaga letupan yang lebih kuat dan luas. Sebenarnya, Dai Nippon tidak menggunakan senjata seperti ini sehingga ini kerana tujuan Dai Nippon bukanlah untuk menyebabkan pembinasan dan kerosakan yang tidak terhad.

Dai Nippon sebenarnya mementingkan pembebasan Asia Tenggara Raya dan serentak dengan itu kewujudan satu kawasan kemakmuran bersama bagi faedah penduduk kawasan tersebut.

## 17 OGOS

Unit Polis Tentera telah mula meronda di seluruh Georgetown – satu operasi luar biasa yang telah membangkitkan harapan di kalangan rakyat bahawa penyerahan kalah oleh askar-askar Dai Nippon di Pulau Pinang akan menjadi kenyataan dalam beberapa hari lagi.

*Lisbon, 16 Ogos*

Petain menerima hukuman mati!

Menurut satu laporan dari Paris, Henri Phillipe Petain, 89 tahun, bekas Ketua Kerajaan Vichy Perancis, pagi ini dijatuhkan hukuman mati atas tuduhan penderhakaan terhadap negaranya. Kini nasibnya terserah kepada Jeneral Charles De Gaulle, yang mempunyai kuasa untuk meringankan hukuman tersebut, sama ada Petain akan hidup atau mati. Petain sendiri telah memberitahu peguam belanya bahawa beliau tidak akan 'memohon belas kasihan'.

*Berita Domei*

Soviet Union dan Chungking telah menandatangani satu perjanjian damai dan persahabatan ekoran lawatan Perdana Menteri China, Dr. T V Soong dan Menteri Luar Chungking, En. Wang Shih Chieh, ke Soviet Union. Butir-butir tentang perjanjian ini akan diumumkan sebaik sahaja perjanjian disahkan oleh kedua-dua kerajaan.

*Lisbon, 16 Ogos*

Hukuman Petain mungkin diringankan

Menurut satu laporan dari Paris, Jeneral Charles De Gaulle akan meringankan hukuman mati yang dijatuhkan terhadap Marshal H P Petain. Jeneral de Gaulle akan mengambil langkah ini sebelum bertolak ke Amerika Syarikat untuk lawatan rasmi.

## 19 OGOS

Petikan berikut telah dituliskan di atas papan propaganda Dai Nippon yang terletak di pemisah Lebuh Pitt.

"Kedzahiran Malai Baharu. Seluruh rakyat menyambut sekutu hari kedzahiran Malai baharu, menjadi asas ke-

menangan Penang sudah tentu. Halaukan Anglo-Amèrikan selama-lamanya. Persilakan Malai baharu yang bahagia.”

## 21 OGOS

Orang awam telah memakai semula tali leher yang telah ditanggalkan sebaik sahaja Dai Nippon memerintah Pulau Pinang.

*Berita Penang Shimbun*

*Tokyo, 15 Ogos*

Satu Titah Diraja Maharaja Hirohito kepada rakyat telah dikeluarkan kelmarin. Kandungannya adalah seperti berikut:-

*“Kepada rakyat yang taat setia! Setelah memberikan perhatian berat kepada pemikiran dunia dan keadaan semasa yang terdapat dalam Empayar Dai Nippon sekarang, kami telah memutus untuk mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh negara sekarang dengan langkah-langkah luar biasa. Kami telah mengarahkan kerajaan kami untuk menghubungi Kerajaan-Kerajaan Amerika Syarikat, Great Britain, China dan Soviet Union untuk menyampaikan persetujuan kami untuk menerima syarat-syarat yang terkandung dalam pengisytiharan bersatu mereka.*

*Usaha untuk menghasilkan kemakmuran dan kegembiraan untuk semua negara dan kebahagiaan untuk semua rakyat adalah tanggungjawab kami yang diwarisi oleh datuk moyang kami, yang termaktub di dalam hati kami. Sesungguhnya, kami telah mengisytiharkan kewujudan peperangan ke atas Amerika Syarikat dan Great Britain kerana hasrat kami untuk memelihara diri sendiri dan untuk menstabilkan keadaan di Asia Timur dan bukan untuk melanggar kedaulatan mana-mana negara ataupun untuk memperluaskan kawasan bumi jajahan kami. Tetapi sekarang peperangan ini telah berjalan selama empat tahun. Meskipun, tiap-tiap seorang itu bersama-sama tentera kami, kakitangan kami telah berusaha dengan rajin dan dedikasi, peperangan ini telah berjalan tidak semestinya dengan baik bagi pihak Dai Nippon. Lebih-lebih lagi kecenderungan dunia telah menentang kepentingan kita. Lagipun, pihak musuh telah mula menggunakan bom-bom jenis baru, yang boleh menyebabkan pembinasaan yang tidak terkira dan meragut nyawa orang awam yang tidak berdosa. Sekiranya kami*

terus berperang, tindakan musuh ini akan menyebabkan pembinaan yang buruk dan akhirnya kehilangan negara Dai Nippon dari muka bumi. Ia juga akan memusnahkan tamadun manusia di masa hadapan. Oleh yang demikian, bagaimanakah kami hendak menyelamatkan berjuta-juta rakyat kami ataupun menebus maruah kami di sisi roh keramat nenek moyang kami? Inilah sebabnya kami telah mengeluarkan arahan supaya syarat-syarat yang terkandung dalam pengisytiharan bersama Kuasa-Kuasa Berserikat diterima. Kami ingin menyampaikan perasaan kesal kami kepada semua negara di Asia Timur yang sentiasa bekerjasama dengan Empayar kami ke arah pembebasan Asia Timur. Apabila kami mengenang kembali jasa pegawai-pegawai tentera dan askar-askar mereka, mereka yang terbunuh di tempat-tempat bertugas dan di mana-mana tempat sahaja dan keluarga-keluarga yang berkabung, perasaan yang amat sedih sentiasa menguasai diri kami, siang dan malam. Kebahagiaan dan kebaikan mereka yang tercedera, mereka yang menderita kerana peperangan, mereka yang kehilangan rumah tangga dan pencarian nafkah, menjadi sumber kesepian besar kami. Kesusahan dan penderitaan yang menimpa negara kami sudah tentu akan menjadi lebih besar. Kami mengetahui perasaan yang tersimpan dalam hati rakyat kami. Walau bagaimanapun, mengikut keperluan masa dan keazaman kami untuk membuka jalan ke arah pendamaian untuk generasi akan datang, tidak ada jalan selain memikul apa yang tidak terpikul dan menderita apa yang tidak menderita.

Kerana kebolehan kami untuk memelihara dan meneruskan struktur negara Empayar kami, maka kami sentiasa berada di samping rakyat kami, yang taat setia kepada kami sambil mengharapkan keikhlasan dan ketulusan hati mereka. Kawallah emosi kamu dengan rapi supaya jangan ia membangkitkan sebarang kerumitan, yang boleh mengelirukan rakyat dan membawa mereka ke jalan sesat yang akan menyebabkan kehilangan kepercayaan dunia. Biarlah seluruh negara bergerak terus sebagai satu keluarga, dari generasi ke generasi, teguh dengan kepercayaan mereka terhadap bumi pertiwi mereka supaya bumi itu tidak hilang dari muka bumi. Dan sesungguhnya sentiasa memikul amanah mereka yang berat di sepanjang jalan panjang di hadapan mereka. Bersatupadulah dengan sepenuh tenaga untuk membentuk masa hadapan kita.

*Bukalah pintu ke arah pemulihan, semadilah perasaan kemuliaan semangat dan bekerjalah dengan sepenuh tenaga untuk memben-tukkan masa hadapan kita bagi meninggikan keagungan Empayar kita sambil bergerak maju dengan kemajuan dunia."*

*Domei*

*Tokyo, 17 Ogos*

H I M Maharaja Jepun hari ini telah mengeluarkan satu titah Diraja kepada Tentera Dai Nippon seperti berikut:-

*"Semenjak kami mengisytiharkan kewujudan peperangan ke atas Amerika Syarikat dan Great Britain, tiga tahun lapan bulan telah berlalu dan dalam masa ini tentera-tentera yang dikasihi telah berperang dengan semangat kepahlawanan di padang, pekan, di hutan rimba dan di laut yang bergelombang maut. Kami amat terharu dengan pengorbanan ini. Kerana Soviet Union telah memasuki peperangan ini dan memandangkan keadaan semasa di dalam dan di luar negeri, kami fikir penerusan peperangan ini akan hanya meningkatkan kengerian peperangan yang kemudian boleh membahayakan kedudukan negara kita. Meskipun Tentera Imperialis kami - darat, laut dan udara - masih bersemangat untuk berperang tetapi kami ingin mencari satu perdamaian dengan Kuasa-Kuasa Amerika Syarikat, Great Britain, Soviet Union dan China untuk meneruskan dasar murni negara. Kami merasa sedih apabila teringat kembali kepada pegawai-pegawai yang berani dan berdisiplin dan askar-askar mereka yang telah terkorban dalam peperangan dan yang mati kerana penyakit. Kami menganggap kehaudalan dan kepahlawanan askar-askar kami sebagai mutiara kenegaraan selaras dengan tradisi kita beribu-ribu tahun dahulu.*

*Askar-askar kami! Kami menyeru kamu supaya berusaha untuk memperkukuhkan kedudukan negara kita untuk beberapa tahun yang akan datang dengan cara berdiri teguh dalam perpaduan dan bersedia untuk menerima dan memikul apa yang dianggap mustahil."*



### *Pesanan Markas Tertinggi Dai Nippon kepada rakyat Malaya*

Rakyat Malai yang dikasihi!

Dengan perintah mulia daripada Tenno Heika Dai Nippon, kami telah diperintah supaya menamatkan peperangan mulai dari 14 Ogos 2605.

#### *Pengisytiharaan Dai Nippon 21 Ogos 2605*

Sesiapa yang terlibat dalam jenayah yang tersebut di bawah akan menerima hukuman berat:

1. Merampas dan merosak harta orang.
2. Menyebabkan kecederaan.
3. Menyebar berita-berita angin yang tidak berasas.

Semua lampu jalan akan dipasang mulai dari malam esok. Peraturan tentang perintah penggelapan telah dimansuhkan.

### **23 Ogos**

#### *Berita Utama (Scoop!)*

Sumbernya tidak diketahui dan besar kemungkinan berita ini telah diterima secara sulit oleh orang tertentu di hadapan batang hidung kuasa Dai Nippon sendiri!

Berita tersebut menyentuh satu perintah yang dikeluarkan oleh Lord Louis Mountbatten, Panglima Tertinggi Markas Kuasa-Kuasa Bersekutu Asia Tenggara, kepada Field Marshal Count Terauchi, Panglima Tertinggi Tentera Selatan Jepun.

1. Kamu hendaklah menghantar seorang wakil atau wakil-wakil dengan kuasa penuh untuk bertemu dengan Ketua Perjawatan saya di Rangoon pada 23 Ogos 1945 untuk mengatur butir-butir tentang penyerahan diri semua askar Jepun – darat laut dan udara. Wakil kamu hendaklah membawa mohor perjawatan kamu dan pengesahan bertulis kamu yang menyatakan mereka itu akan bertindak bagi pihak kamu.
2. Wakil-wakil kamu hendaklah berlepas dengan tidak lebih daripada dua buah kapal terbang, yang tidak bersenjata, yang akan disediakan oleh kamu. Pesawat-pesawat ini hendaklah dicat putih dengan pangkah



**ADMIRAL LORD LOUIS MOUNTBATTEN**

**Panglima Agung, South East Asia Command, yang membebaskan bumi Semenanjung Tanah Melayu daripada penaklukan Jepun tanpa penumpahan darah.**

**(Foto : Sumber Arkib Negara Malaysia)**

hijau dicat di kedua-dua sayap pesawat tersebut, yang boleh dilihat dari ketinggian lima ratus kaki dan penerbangannya hendaklah ditetapkan pada paras yang tidak melebihi seribu kaki.

3. Pesawat-pesawat itu akan terbang ke Moulmein dan kemudian ke Elephant Point. Di situ pesawat akan berputar dan kemudian menuju ke lapangan terbang Mingladon. Di antara Elephant Point dan Mingladon, pesawat hendaklah terbang pada ketinggian seribu kaki dengan roda-rodanya tersedia untuk mendarat.
4. Wakil-wakil kamu hendaklah membawa bersama-sama mereka dua orang operator wireless Jepun untuk memancar perintah kepada kamu dalam bahasa Dai Nippon untuk dilaksanakan oleh kamu.
5. Wakil-wakil kamu hendaklah diiringi oleh seorang jurubahasa yang mahir.
6. Wakil-wakil kamu hendaklah membawa bersama-sama mereka keterangan-keterangan berikut:
  - a. Bilangan dan lokasi semua tentera darat, laut dan udara di bawah perintah kamu.
  - b. Carta-carta yang menunjukkan lokasi periok-periok api yang telah dipasang dan selat-selat yang telah dibersihkan.
  - c. Carta-carta yang menunjukkan tempat-tempat periok api pemusnah kereta kebal dan manusia dipasang.
  - d. Satu senarai yang menyenaraikan semua lapangan terbang di bawah perintah kamu.
  - e. Senarai askar-askar tawanan dan tawanan-tawanan lain.
  - f. Lokasi semua kabel dasar laut dan suar-suar.
  - g. Tempat-tempat simpanan peluru.
  - h. Bilangan pelabuhan dan pangkalan dan berat kapal yang boleh melabuh.
  - i. Lokasi dan bilangan kapal dagang Nippon.
  - j. Lokasi kapal perang laut dan udara.
  - k. Tempat-tempat simpanan bahan makanan.

- l. Lokasi depo-depo minyak dan petrol.
- m. Jumlah hospital di bawah jagatan kamu.
- n. Bilangan penduduk di tiap-tiap negeri di bawah penaklukan Dai Nippon.
- o. Lokasi stesen pemancar radio di bawah pemerintahan Dai Nippon.

Kamu hendaklah mengesahkan penerimaan perintah ini dan juga hendaklah memberitahu kami waktu wakil-wakil kamu akan tiba di lapangan terbang Mingladon melalui radio markas Saigon dengan menggunakan gelombang Gretz 11/80KLS.

Lord Louis Mountbatten

## 24 OGOS

### *Berita Penang Shimbun*

Menurut satu berita bukan rasmi, 480,000 orang telah terkorban akibat serangan bom jenis baru ke atas Hiroshima dan Nagasaki baru-baru ini.

Bilangan kapal perang laut dan dagang Dai Nippon sebelum dan selepas peperangan adalah seperti berikut:-

Jenis	Sebelum	Tenggelam	Rosak
Induk	12	11	1
Induk Pesawat Udara	9	7	2
Induk Pesawat Udara			
Tambahan	5	5	-
Pesiar	29	27	2
Penyelamat	235	174	-
Pemusnah	178	151	3
Dagang	7 juta tan	5 juta tan	

### *1. Undang-undang Peperangan Khas*

Satu perintah khas telah dikeluarkan hari ini.

Sesapa yang melanggar undang-undang berikut boleh diembak mati di tempat kejadian:-

1. Merampas harta orang.
2. Menyebabkan huru-hara

3. Membunuh secara haram dan membunuh kerana menuntut bela.

## 2. *Notis Kerajaan.*

1. Walaupun besar kemungkinan kapal-kapal perang laut British akan kelihatan di perairan Pulau Pinang lewat petang ini tetapi sebarang operasi pendaratan akan diumumkan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, orang awam janganlah terpengaruh dengan berita angin yang tidak berasas.
2. Catuan beras, gula, garam dan mancis akan digandakan tiga kali dengan serta merta. Pengedaran akan tamat pada akhir bulan ini.

## 26 OGOS

*Berita Penang Shimbun.*

*Tokyo, 22 Ogos.*

Jeneral Douglas MacArthur, Panglima Tertinggi Tentera-Tentera Bersekutu di Medan Pasifik, akan tiba di Tokyo pada 28 Ogos diiringi oleh pembesar-pembesar tentera dari Amerika Syarikat, Great Britain, China dan Soviet Union. Pendaratan askar-askar penaklukan di wilayah Tokyo akan tamat pada 31 Ogos. Kumpulan pertama askar penaklukan yang akan mendarat berjumlah lebih sedikit daripada 20,000 orang.

## 27 OGOS

Semua syarikat dan hotel Jepun telah menamatkan operasi masing-masing pagi ini. Begitu juga dengan bengkel-bengkel ketenteraan dan kilang-kilang. Urusan perniagaan dan juga taman-taman perjudian di Georgetown terhenti.

*Berita Penang Shimbun*

*Tokyo, 23 Ogos*

Subbhas Chandra Bose, Ketua Kerajaan Azad Hind, telah meninggal dunia di sebuah hospital di Nippon pada 19 Ogos kerana luka parah dalam satu nahas udara yang berlaku di Taihoku apabila dalam penerbangannya dari Syonan-Fo ke

Tokyo. Beliau telah berlepas dari Syonan-To pada 16 Ogos untuk berunding dengan kerajaan Dai Nippon. Kapal terbang yang dinaiki beliau telah terjatuh berhampiran lapangan terbang Taihoku pada jam 2.00 petang 18 Ogos. Beliau meninggal dunia pada 12.00 tengah malam 19 Ogos. Lt. Jen. Shidee juga terkorban dalam nahas tersebut.

Askar-askar Kuasa-Kuasa Bersekutu akan mendarat di Kanoya di Selatan Kyushu pada 1 September. Persiapan yang perlu dijalankan oleh Jepun telah disempurnakan. Askar-askar laut dan darat Jepun telah diundurkan untuk mengelakkan pertempuran.

Askar-askar Dai Nippon di Syonan-To telah menamatkan semua gerakan ketenteraan pada tengah malam 25 Ogos. Serentak dengan itu, mereka telah diarah supaya jangan menembak pesawat-pesawat udara British yang membawa bungkusan makanan untuk askar-askar dan orang tawanannya di Syonan-To ataupun melucutkan kipas-kipas kapal terbang mereka. Orang awam juga diingatkan supaya jangan merampas bungkusan makanan yang terjatuh di luar kawasan tempat tahanan. Markas Tentera Jepun mula mengambil langkah-langkah untuk mematuhi perintah-perintah tersebut.

## 28 OGOS

Beberapa kategori kakitangan Hospital Pulau Pinang telah menerima sebagai hadiah perpisahan bekalan kain seperti berikut:-

Doktor dan Pembantu Hospital Kanan	5 eka kain dril putih
Pembantu Hospital Biasa	5 eka kain berjalur
Atendan	kain biru
dan 10 kati bihun dan sekati daging lembu tiap-tiap seorang.	

### *Natis Kerajaan*

1. Lewat petang ini kapal-kapal laut British akan kelihatan di perairan Pulau Pinang dalam satu operasi pembersihan periok api di sekitar perairan Terusan. Serentak dengan itu, jika perlu, kami akan memberi

apa jua pertolongan dan juga akan menyediakan kemudahan yang wajar.

2. Askar-askar marin British akan mendarat sebelum 2 September 1945.

Pejabat Tentera Laut  
Dai Nippon

## 29 OGOS

Kapal-kapal laut British sudah mula kelihatan di perairan Pulau Pinang. Kapal-kapal ini diketuai oleh kapal pemerintah HMS Nelson.

Hari ini pesawat-pesawat British telah menggugur risalah di merata tempat di Georgetown. Kandungan risalah dalam tulisan jawi adalah seperti petikan berikut:-

"Kepada penduduk-penduduk Tanah Melayu. Tentera-tentera Jepun di serata-rata tempat telah mengaku kalah. Tentera-tenteranya telah dihapuskan oleh Tentera British yang ke-14 di Burma. Tentera-tenteranya yang lain, yang mempertahankan wilayah-wilayah di Filipina, Iwojima dan Okinawa telah dikalahkan oleh tentera-tentera Amerika Swarikat. Manakala beribu-ribu kapal terbang Amerika telah mengebom negeri Jepun. Angkatan-angkatan laut British dan Amerika yang belayar dekat dengan Jepun telah membedil bandar-bandar raya di daerah pantai. Bom baharu yang dibuat oleh ahli-ahli siasat British dan Amerika, 2,000 kali kuatnya daripada bom biasa, telah membinasakan dua buah bandar Jepun. Segala serangan menuju jantung hati Jepun itu memaksa mereka mengaku kalah dan Tanah Melayu terpelihara daripada bencana perang. Peperangan sudah tamat dan Jepun mesti mengikut perintah pihak Berikat. Dengan hal yang demikian, amatlah sukacita kita kerana tidaklah payah kita berperang di Tanah Melayu untuk menghalaukan Jepun itu dengan mengebom serta membedil bandar-bandar dan pekan-pekan.

Apabila sampai sahaja tentera-tentera kita ke Tanah Melayu kita akan halaukan semua Jepun. Sementara itu, askar-

askar Jepun di Tanah Melayu telah diperintah berkumpul di tempat-tempat yang ditentukan. Jalanlah kewajipan negeri dan jagalah keselamatan dan harta tuan-tuan dengan seboleh-bolehnya. Jauhkan diri tuan-tuan daripada tempat yang ditentukan dan jangan sekali-kali mencari jalan pergaduhan dengan Jepun di dalam beberapa hari ini. Sabar sahajalah dan ingatlah bahawa tiap-tiap Jepun atau penderhaka di Tanah Melayu yang membuat pekerjaan aniaya akan dihukum dengan teruknya apabila kita kembali. Pergaduhan ketika ini merbahaya dengan sia-sia sahaja diri tuan-tuan dan sanak saudara tuan-tuan. Gerila-gerila di Tanah Melayu serta pegawai-pegawai British, mereka yang telah melawan Jepun dengan gagahnya, telah diperintah duduk tetap di tempat-tempat mereka. Kemakmuran yang terbinasa oleh peperangan mustahil dipulih dengan segera tetapi dengan ketibaan kapal kita yang pertama ke Tanah Melayu, kita boleh bersama-sama membina semula negeri ini dan memelihara kemakmuran tanah air ini bagi sekalian penduduknya."

### 30 OGOS

Kumpulan pertama askar udara Kuasa-Kuasa Bersekutu telah mendarat di landasan lapangan terbang Atsugi di Jepun pada jam 8.28 pagi. Kumpulan pertama ini dianggotai oleh 150 orang pegawai dan askar di bawah perintah Kol. Tence. Unit ini tiba dari markas Amerika Syarikat di Pulau Okinawa. Tujuan mereka adalah untuk memperbaiki landasan kapal terbang yang akan menjadi markas Jeneral Douglas MacArthur. Baki daripada unit ini akan tiba kelak. Tentara ke-8 dijadual akan tiba di Yokohama pada 1hb September.

Beberapa buah kapal penyapu periok api sedang bertugas di seluruh Selat Melaka untuk membuka laluan itu kepada semua jenis kapal laut.

Hari ini, masyarakat India di Georgetown telah mengadakan satu majlis berkabung untuk memperingati mending Subbhas Chandra Bose di Sekolah Francis Light.



### *Notis Kerajaan*

Kapal-kapal perang laut British akan memulakan operasi pembersihan periok api di dasar laut hari ini (30 Ogos). Selama dua tiga hari semua kenderaan laut hendaklah belayar dengan berjaga-jaga dan janganlah mengambil tindakan yang boleh mengganggu operasi tersebut.

### *Berita-berita ringkas:*

1. Pegawai-pegawai Jepun yang bertugas di Syarikat Eastern Smelting sedang menjual timah simpanan kepada orang awam.
2. Bahan propaganda di seluruh Georgetown telah dimusnahkan oleh askar-askar Jepun yang agak malu kerana penyerahan kalah markasnya di Georgetown.
3. Peperangan telah tamat di semua medan peperangan di benua China pada 21 Ogos setelah melarat selamat lapan tahun. Jeneral Okamura telah memberitahu Kerajaan China, peraturan untuk menyerah Nanking dan Chungking telah selesai diatur. Tentera China telah mengambil alih Nanking pada 28 Ogos.
4. Peperangan di sempadan Manchoukuo tamat pada 17 Ogos. Askar-askar Soviet telah mendarat di Port Arthur dan Darien pada 25 Ogos.
5. Peperangan di beberapa medan peperangan telah tamat pada hari-hari berikut:-

a. Sumatra	19 Ogos
b. New Guinea	21 Ogos
c. Pulau Bouganville	22 Ogos
d. Burma	23 Ogos

### **1 SEPTEMBER**

#### *Berita Penang Shimbun.*

Kapal-kapal perang laut Kuasa-Kuasa Bersekutu telah berlabuh di pelabuhan Yokohama. 9,500 askar penaklukan telah mengambil alih kubu laut Jepun itu. Armada pendaratan telah dianggotai oleh 380 buah kapal termasuk kapal pemimpin (flag ship) Laksamana Chester Nimetz "Missouri,"

kapal pemimpin Laksamana William Halsey "Iowa" dan 13 buah kapal induk Kuasa-Kuasa Bersekutu termasuk "HMS King George V" "HMS Duke of York", dan "Penington". Dari pagi sehingga jam 3.00 petang, 7.500 orang askar telah mendarat di Yokohama.

Beratus-ratus pesawat udara di Lapangan Terbang Tokyo!

Beratus-ratus pesawat udara Kuasa-kuasa Bersekutu sedang mendarat di lapangan terbang Tokyo – sebuah pesawat bagi tiap-tiap lima menit. Pesawat-pesawat yang mendarat setelah memunggah muatan telah terbang semula untuk meneruskan tugas. Ini adalah untuk menentukan askar dan bekalan tentera tiba di "pusat pendaratan pertama" dengan serta merta bagi menjamin kejayaan operasi penaklukan. Pesawat-pesawat dari medan peperangan Afrika telah tiba untuk membantu operasi besar-besaran ini.

### *Tokyo, 30 Ogos*

Jeneral Douglas MacArthur, Panglima Tertinggi Kuasa-Kuasa Bersekutu di Pasifik telah tiba di lapangan terbang Atsugi pada jam 2.05 petang dan 15 minit kemudian telah bertolak ke Yokohama. Beliau telah ditemu ramah oleh wartawan dari Negera-Negera Bersekutu dan wartawan lain. Di lapangan terbang Atsugi, Jeneral MacArthur telah mengeluarkan satu kenyataan seperti berikut:-

"Rancangan penyerahan diri askar-askar Nippon sedang berjalan seperti yang telah dipersetujui dahulu. Di medan-medan peperangan terpencil pertempuran telah hampir tamat. Di kawasan ini 300,000 askar Jepun telah meletakkan senjata mereka. Proses demobilisasi telah tamat. Orang Nippon kelihatan bertindak penuh dengan kerjasama yang baik dan besar kemungkinan penyerahan akan berlaku tanpa penumpahan darah."

Jeneral MacArthur telah tiba di New Grand Hotel di Yokohama, tempat kediamannya, pada jam 4.00 petang 31 Ogos. Askar-askar yang tiba di Yokohama hari ini berjumlah 20,000 orang. Panglima-panglima tertinggi yang akan bersama-sama tinggal di New Grand Hotel ialah:-

1. Jen. Kenny, Komander Tentera Udara Amerika Syarikat
  2. Jen. Spaatz, Komander Tentera Udara Timur Jauh Amerika Syarikat.
  3. Jen. Eichelberger, Komander Tentera Ke-8 Amerika Syarikat.
  4. Jen. Whitehead, Komander Tentera Udara Ke-5 Amerika Syarikat.
- dan 150 pegawai lain.

Sementara itu, di Pulau Pinang,

1. Penurunan harga barang keperluan!  
Encik Shaik Madar, pengurus Pasar Chowrasta, hari ini mengumumkan penurunan besar harga barang keperluan harian.
2. Kakitangan kerajaan telah diberikan sebulan gaji sebagai bonus perpisahan oleh kerajaan Dai Nippon buat kali terakhir sebelum mereka ke Tanah Seberang untuk menyerah diri, kata orang, di Bukit Mertajam.
3. Hari ini hari terakhir keluaran akhbar Penang Shimbun.

Walaupun media massa telah dikuasai ketat oleh Jabatan Propaganda Dai Nippon, namun akhbar Penang Shimbun telah mencapai prestasi yang amat baik dalam usahanya dan peranannya untuk menyebarkan berita, suka dan duka, dalam atau luar negeri, kepada rakyat Pulau Pinang yang berada dalam kegelapan. Penduduk Pulau Pinang terhutang budi, yang tidak terhingga, kepada akhbar Penang Shimbun, akhbar Penang Daily News, akhbar Pancaran Matahari (Jawi) dan akhbar-akhbar lain yang telah memainkan peranan mereka terhadap masyarakat lebih-lebih awal lagi! Syabas!!

### **3 SEPTEMBER**

Pada jam 8.20 pagi, beribu-ribu penduduk masyarakat keturunan Cina telah mengadakan barisan kawad (berjalan), dengan membawa bendera Kebangsaan China, yang bermula dari Lebuh Pitt dan bergerak ke arah pusat bandar untuk menyambut pendaratan askar-askar British.

Pada jam 9.10 pagi semua jalan yang menuju ke arah Pelabuhan Swettenham telah ditutup. Empat buah kapal perang laut British telah berlabuh di Pelabuhan Swettenham. Pada jam 10.00 pagi askar-askar marin British telah mendarat di kawasan pelabuhan dan bendera Union Jack telah dinaikkan semula. Marin-marin itu kemudian meninggalkan pelabuhan dengan lori dan kenderaan lain yang telah disediakan ke markas mereka di Hotel E & O dan Hotel Runnymede.

Kapt. Mohd Noor b. Mohamed dengan pakaian seragam seorang pegawai bertauliah Kompani C, Penang & Province Wellesley Volunteer Corps, telah tiba di Pelabuhan Swettenham untuk menyambut kedatangan semula askar-askar British.

*Tokyo, 2 September*

Hari ini hari yang amat sedih bagi Maharaja Hirohito dan rakyatnya di negara matahari terbit. Upacara rasmi penyerahan kalah oleh Markas Tertinggi Tentera Dai Nippon ke bawah Markas Tertinggi Kuasa-Kuasa Bersekutu telah berlangsung di atas sebuah kapal laut induk Amerika Syarikat, USS Missouri, yang berlabuh di Teluk Jepun.

Warkah penyerahan kalah yang bersejarah itu telah ditandatangani oleh Menteri Luar Jepun yang baru, Shigemitsu San, dan Ketua Perjawatan Tertinggi Markas Dai Nippon, Umezui San, bagi pihak kerajaan Jepun. Dengan mengguna pen baru Jeneral Douglas C. MacArthur kemudian menandatangani warkah selaku Panglima Tertinggi Kuasa-Kuasa Bersekutu di Pasifik.

Warkah kemudian ditandatangani oleh para panglima dan laksamana yang masing-masing mewakili negara-negara mereka yang menganggotai pakatan tentera Kuasa-Kuasa Bersekutu:-

Laksamana Chester Nimitz	Amerika Syarikat
Jeneral Hsu Yung-Chang	China
Laksamana Sir Bruce Fraser	United Kingdom
Lt. Jen. K. Derevyanko	Soviet Union

Jeneral Sir Thomas Blamey	Australia
Kol. L. Moore-Gosgrove	Canada
Jeneral Jacques Leclerc	France
Laksamana C.E.L. Helfrich	Netherlands
Naib Marshal Udara Sir L.M.Isitt	New Zealand

Upacara ini telah disaksikan oleh beberapa orang panglima dan laksamana Kuasa-Kuasa Bersekutu yang telah memainkan peranan penting dan berjaya dalam perjalanan peperangan yang baharu sahaja tamat.

Dalam senarai ini, yang menarik minat kita, ialah Lt. Jen. Arthur E. Percival, Panglima Tertinggi Malaya, yang mengetahui tentera British apabila Malaya diserang oleh Dai Nippon pada 8 Disember 1941. Percival, yang ditawan sepanjang peperangan, dikatakan kelihatan lega, tenang dan gembira kerana akhirnya beliau dapat juga menebusi malu dan maruahnyanya dan askar-askarnya yang terhina di tangan Tentera Imperialis Dai Nippon apabila Markas British menyerah kalah di Bengkel Ford di Bukit Timah, Singapura, pada 15 Februari 1942.

#### 4 SEPTEMBER

Pada jam 3.00 petang satu pergaduhan telah berlaku di persimpangan Lebuh Pitt dan Lebuh Chulia antara orang Muslim India dan orang Tamil India. Pergaduhan telah berhenti apabila dua puluh orang askar marin di bawah perintah seorang pegawai telah tiba di tempat itu dan telah menyuraikan mereka yang terlibat.

Akhbar "Straits Echo" telah diterbitkan semula dan dijual dengan harga sepuluh sen.

Kini Jalan Penang kelihatan lebih sibuk jika dibandingkan dengan masa Jepun dahulu. Nama jalan sedang diubahsuai kepada nama lama oleh Public Works Department (PWD).

*Berita Straits Echo.*

Beribu-ribu wajah gembira telah menyambut kedatangan semula askar-askar British ke Pulau Pinang dari Weld Quay

ke Jalan Penang dan Jalan Carnavon. Orang ramai telah bertepuk sorak apabila lori yang membawa askar-askar marin melalui jalan terkemuka. Sebuah jawatankuasa penyambut diiringi oleh sebuah pancaragam telah mendahului orang ramai dalam satu perarakan untuk menyambut kedatangan markas British ke Georgetown. Tepukan gemuruh telah diberikan kepada lebih kurang 10,000 marin apabila lori-lori mereka melalui Lebuh Farquar, Lebu Light dan Jalan Penang. Beribu-ribu kanak-kanak telah berbaris di tepi-tepi jalan pada awal-awal lagi untuk memberi sambutan meriah kepada askar-askar marin British.

Belum pernah Georgetown melihat sebegitu ramai manusia yang berdisiplin semenjak perayaan Jubli Perak Baginda King George V. Orang ramai tidak melengah-lengah menghulurkan tangan persahabatan kepada askar-askar marin, yang juga turut gembira dan berbalas salam. Ramai juga askar menghadihkan rokok kepada orang ramai sambil lori bergerak. Seorang kanak-kanak pengemis, yang kebuluran, telah dihadihkan setengah biji roti oleh seorang askar marin. Budak ini bolehlah menganggapkan dirinya bertuah, daripada beberapa orang lain yang bertuah, yang pertama kali dapat menikmati semula cita rasa roti yang sebenarnya! Rasanya yang berlainan sekali daripada cita rasa roti jagung yang dibekalkan di masa pemerintahan Jepun!

Sejurus selepas pendaratan askar-askar marin di Georgetown, Radio BBC telah mengumumkan semua jam hendaklah diubahsuai kepada waktu Malaya yang sebenarnya.

Pembebasan Pulau Pinang sedang berjalan dengan baik mengikut jadual dan rancangan. Pengumuman ini telah dikeluarkan oleh Pegawai Tentera Laut British Pulau Pinang. Beberapa portfolio perjawatan dalam kerajaan dan ketua-ketuanya telah diumumkan:-

Lt. Kol Bareblock	Perubatan
Mej. Dickens	Mata Wang & Kewangan
Mej. Drake-Brockman	Kesihatan
Mej. Somerville	Buruh
Mej. Jackson	Polis

Kapt. Street	Polis
Kapt. Simpson	Polis
Mej. Dew	J K R
Kapt. Graham	J K R
Kapt. Hootan	Perjawatan
Kapt. Dallow	Telegraf & Pos
Kapt. Holland	Percetakan
Wing Commander Fowle	Catuan & Bekalan
En. Shelton	Pengedaran bekalan
Kol. Harvey	Hal Ehwal
(Bekas Pemungut Hasil Tanah P P)	

### 5 SEPTEMBER

Undang-undang ketenteraan telah berkuatkuasa mulai hari ini:-

1. Semua jenis perampasan (looting) diharamkan.
2. Semua harta Jepun hendaklah diserahkan kepada kerajaan British.
3. Rakyat yang memiliki barang-barang yang dirampas akan didakwa dan barang-barang tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa.

Undang-undang lain di bawah perintah ini ialah:-

1. Kesalahan terhadap tentera.
2. Pembentukan mahkamah-mahkamah khas.
3. Moratorium.

### 6 SEPTEMBER

Satu perbarisan kawad (berjalan) yang hebat telah dilakukan oleh askar-askar Laut Diraja British kelmarin pada jam 11.00 pagi. Laksamana Walker telah menerima tabik hormat.

Laksamana Walker, Pegawai Perintah Kumpulan Petugas yang mendarat di Pulau Pinang baru-baru ini, telah membuat 'pendaratan rasmi' hari ini apabila beberapa platon dari kapal-kapal pemusnah di Pelabuhan Swettenham telah berkumpul di pelabuhan itu dan kemudian telah berkawad (berjalan) melalui jalan-jalan terkemuka di Georgetown.

## 7 SEPTEMBER

### Mata wang Jepun

Menurut satu arahan Jabatan Hal Ehwal Awam, Ketuanya Kol. Harvey telah menjelaskan, sebagai satu langkah sementara, ringgit-ringgit Jepun bernilai \$5.00 ke bawah boleh diterima sebagai pembayaran untuk membeli barang keperluan harian ataupun untuk membayar cukai kerajaan dengan kadar pertukaran 100:1

Kemudian, kemudahan ini akan melibatkan wang Jepun bernilai \$10.00. Akhirnya pertukaran seperti ini akan dibatalkan sama sekali.

### *Berita Straits Echo*

Pembebasan Pulau Singapura telah diselesaikan tanpa sebarang kerumitan. Askar-askar British dan India telah mengambil bahagian dalam operasi ini. Kapal-kapal laut British yang terkemuka di timur jauh telah mendaratkan askar-askar tersebut pada jam 11.30 pagi kelmarin. Radio Singapura yang tamat siarannya pada bulan Februari 1942 telah memulakan siarannya selepas lebih kurang tiga setengah tahun.

Kelmarin, dalam suasana tepukan gemuruh daripada buruh-buruh yang bertugas di sepanjang Pelabuhan Singapura, sekumpulan kapal perang laut British dan kapal-kapal lain, telah belayar masuk perairan Singapura dengan tembakan hormat dari meriam-meriam kapal pesiar HMS Essex yang diacukan ke arah pantai sekiranya ada cabaran daripada musuh.

### *Titah ucapan khas King George VI.*

Ibu Pejabat Markas British di Asia Tenggara dalam siarannya dari Ceylon telah melaporkan dalam warta beritanya, iaitu King George VI dalam titah khasnya kepada rakyat Singapura, pada 5 September telah berkata, "Ingatan kami sentiasa kepada rakyat kami di Singapura pada tahun-tahun yang mereka menderita. Dengan kuasa Tuhan, keamanan akan dipulihkan semula."



*Ucapan King George VI kepada penduduk Timur Jauh.*

King George VI, dalam titah ucapannya kepada penduduk-penduduk Malaya, Burma, Borneo dan Hong Kong telah berkata, "Saya faham sepenuhnya pertalian ketaatsetiaan dan kemesraan antara saya dengan rakyat-rakyat timur adalah amat baik sekali yang telah dikekalkan sepanjang masa kegelapan dan penderitaan mereka yang dipikul berat oleh mereka. Masanya telah tiba apabila kekuatan dan ketekunan akan dibuktikan sebagai satu kemenangan kepada seluruh dunia. Kesan-kesan kekejaman yang zalim tidak dapat dihapuskan dalam sehari dan tugas-tugas pemulihan adalah berat dan akan mengambil masa yang panjang tetapi ini adalah satu tanggungjawab yang kita akan pikul bersama dengan bangga dan penuh keyakinan dalam kepercayaan kita iaitu perdamaian, keselamatan dan kegembiraan akan, dengan kuasa Tuhan, dihasilkan semula tidak beberapa lama lagi."

*Lady Thomas membuat siaran dari Singapura.*

"... bersama-sama gembira dan menderita dengan para tawanan peperangan... supaya saya dapat memanggil diri saya seorang rakyat Malaya." Suaminya, Sir Shenton Thomas, Gabenor Singapura, telah dibawa ke Formosa dan kemudian ke Manchuria sebagai seorang tawanan peperangan. Sebelum meninggalkan Singapura, Sir Shenton Thomas telah membuat satu ucapan perpisahan kepada orang tawanan yang beliau akan menolong mereka sebaik sahaja peperangan ini tamat. Lady Thomas berkata "Kita semua berada bersama-sama pada taraf yang sama – orang Melayu, Cina, India dan Nasrani dan bangsa-bangsa lain dan tidak lama lagi kita akan memperkuat lagi tali persahabatan antara satu sama lain dengan lebih baik daripada dahulu."

## **8 SEPTEMBER**

Hari ini Hari Raya Puasa. Walaupun belum semeriah seperti hari-hari raya sebelum peperangan, tanda-tanda menunjukkan suasana riang mula ternampak yang akan menjadikan lebih meriah di tahun-tahun yang akan datang. Insya-Allah.

## 12 SEPTEMBER

Laksamana Lord Louis Mountbatten, Panglima Agung Markas Asia Tenggara, tiba di Pulau Pinang kelmarin untuk lawatan rasmi. Beliau diraikan di satu majlis makan malam oleh Kapt. T J K Hilken, Pegawai Perintah Tentera Laut Diraja British, Pulau Pinang.

*Berita Straits Echo*

Quisling menerima hukuman mati!

V. Quisling, 59 tahun, telah dikenakan hukuman mati kerana tuduhan menderhaka terhadap negaranya Norway. Setelah tamat perbicaraan selama tiga minggu, beliau telah didapati bersalah atas semua tuduhan kerana menderhaka membantu musuh, mencuba membawa negaranya kepada penaklukan kuasa-kuasa asing dan kerana cuba memindah perlembagaan negara secara haram. Perkataan "Quisling" kini digunakan dalam istilah dunia sebagai rujukan kepada seseorang 'tali barut' musuh.

*London, 10 September*

Kekejaman Jepun!

Ramai askar Jepun yang memakan daging askar-askar Australia, Amerika Syarikat dan askar-askar mereka sendiri yang terkorban mengikut satu laporan Reuter.

*Berita Straits Echo.*

Mata wang Jepun

Mata wang ketenteraan Jepun dikatakan mempunyai nilai tidak lebih daripada harga kertas cetakan wang itu, menurut berita Straits Echo.

Sambil menyentuh perkara ini dalam keluarannya pada hari Sabtu, akhbar tersebut telah melaporkan "Pihak pentadbiran tidak akan terima ringgit 'pokok pisang' Jepun itu untuk ditukarkan ke mata wang Malaya yang akan digunakan dengan luas tidak lama lagi."

Askar-askar marin Diraja British (Force Roma) di bawah perintah Lt. Kol. G A Grant telah digantikan oleh Tentera RAF di bawah perintah Wing Commander A Yates.

*Berita Straits Echo*  
*Singapura, 11 September*

Pegawai Hal Ehwal Awam Malaya telah mengumumkan kelmarin nilai mata wang ketenteraan Dai Nippon dalam edaran mempunyai nilai lebih daripada £100,000 sterling. Lapan tan mata wang Malaya, yang nilainya terjamin, telah tiba pagi ini. Dengan ketibaan ini, inflasi dapat dielakkan dengan menambahkan pengedaran wang baru dan dengan cara memperlembihkan bekalan barang-barang pengguna.

*Rancangan Lord Louis Moutbatten untuk mengambil alih Malaya.*

Sekiranya Dai Nippon tidak menyerah diri, askar-askar British akan berperang di bumi Tanah Melayu untuk mara ke Singapura. Hari 'D' yang asal dijadualkan pada 9 September. "Saya telah melihat sistem pertahanan Jepun pagi ini. Saya yakin kita dapat menembusi kubu-kubunya semudah seperti ketiadaan sebarang rintangan. Pendaratan telah dilaksanakan di pantai Port Dickson dan Port Swettenham dan sekarang askar-askar berada tiga puluh batu di kawasan pedalaman. Operasi ini telah dirancang di India beberapa bulan yang lalu tetapi, pada kali pertama dalam sejarah, strategi yang dirancang tidak dilaksanakan. Kita telah menawan lebih kurang 1/2 juta askar Jepun. Sekiranya mereka enggan menerima perintah, pada bila-bila masa, mereka akan sedar apa akan terjadi. Kita akan melayani mereka sebagai musuh penuh dengan keadilan dan perasaan perikemanusiaan tetapi kita akan menjadi tuan kepada mereka."

*Tokyo, 11 September.*

Tojo telah menembak dirinya apabila beliau cuba melarikan diri daripada penangkapan sebagai seorang penjenayah peperangan. Jen. Hideki Tojo ialah bekas Perdana Menteri Jepun yang mengetuai kerajaan Jepun pada masa serangan Pearl Harbour. Jen. MacArthur telah mengeluarkan satu arahan supaya Tojo ditangkap dalam operasi awal gerakan penangkapan penjenayah-penjenayah

peperangan. Menurut radio Amerika Tojo 61 tahun, masih hidup dan dianggap akan sembuh.

### **13 SEPTEMBER**

*Singapura, 12 September*

Satu upacara rasmi penyerahan kalah oleh Tentera Imperialis Dai Nippon yang bertapak di seluruh Semenanjung Tanah Melayu kepada Tentera Ekspidisi Lord Louis Mountbatten telah diadakan di Bangunan Perbandaran Singapura (Singapore Municipal Building) hari ini.

Satu upacara perbarisan kawad yang disertai oleh askar-askar British dan India telah diadakan terlebih dahulu di atas padang terkemuka Singapura yang tersergam di hadapan Bangunan Perbandaran yang indah itu. Perbarisan telah diperiksa hormat oleh Lord Louis Mountbatten sendiri.

Setelah selesai upacara gilang-gemilang ini beberapa orang jeneral Jepun telah diiringi masuk ke dalam bangunan oleh askar-askar British yang bertindak sebagai pengawal pengapit. Sebelas salinan warkah telah ditandatangani oleh Lt. Jen. Seichiro Itagaki bagi pihak Jepun yang dilakukan atas kuasa Field Marshal Comd Terauci yang dikatakan uzur untuk menjalankan tugas yang sedih itu.

Comd Terauci ialah Panglima Tertinggi Wilayah Selatan. Beliau akhirnya telah ditahan di sebuah rumah di Johor Baru dan telah meninggal dunia awal tahun 1946. Abu mayatnya telah dikebumikan di tanah perkuburan orang Jepun di Chuan Hoe Avenue yang merintang Jalan Yio Chuan Kang, Singapura.

### **14 SEPTEMBER**

*Berita Straits Echo.*

Menurut satu laporan dari Radio New Delhi, Tentera Jepun ke-14 akan menyerah diri di Kuala Lumpur hari ini.

### **15 SEPTEMBER**

*Berita Straits Echo*

*Singapura, 14 September*

Seorang Eropah telah ditahan di Singapura oleh askar

British atas tuduhan mengintip. Tertuduh ini dikatakan telah memberikan maklumat kepada Jepun, yang menyebabkan HMS Prince of Wales dan HMS Repulse ditenggelamkan oleh pesawat udara Jepun di perairan pantai timur Malaya pada tahun 1941. Tertuduh itu seorang yang pendek, kurus tetapi kuat. Beliau bernama Kemperley dan kewarganegaraannya tidak diketahui setakat ini. Beliau sekarang ini ditahan di penjara pusat bersama-sama lima puluh dua orang lain termasuk beberapa orang Jepun yang dituduh menjalankan kekejaman serta penindasan ke atas tawanan-tawanan perang.

*Penduduk Butterworth memberi sambutan meriah kepada Askar-askar Berserkutu.*

Serentak dengan operasi pembebasan tanah penaklukan di selatan Malaya, yang berjalan dengan baik, operasi untuk menawan semula Malaya telah dimulakan kelmarin pada jam 12.00 tengah hari dengan ketibaan askar-askar daripada Batalion Royal Sussex Ke-9 Briged 74, di bawah perintah Brigadier J C W Cargill OBE. Askar-askar telah tiba dengan tiga buah kapal pendarat.

*Mountbatten tetap mahu pedang Terauchi!*

"Sebagai tanda memperingati penyerahan Singapura, saya telah memberitahu Count Terauchi sebaik sahaja ia sihat, saya akan mengambil langkah untuk menentukan ia sihat, beliau akan datang ke mari dan menyerahkan pedangnya kepada saya dengan diri sendiri. Saya tetap mahu pedang tersebut. Inilah sesuatu tanda kenang-kenangan yang saya mahu daripada peperangan ini."

## **16 SEPTEMBER**

Beribu-ribu orang miskin telah diberikan hidangan nasi percuma tiap-tiap hari di Sekolah Convent Cina Jalan Datuk Keramat dan di pusat-pusat lain oleh kerajaan selama dua minggu.

## **18 SEPTEMBER**

*Alor Star dan Sungai Petani telah dibebaskan kelmarin!*

Askar-askar Royal Sussex Regiment telah mengambil alih Alor Star pada waktu magrib kelmarin. Askar-askar telah tiba dengan berpuluh-puluh lori. Sungai Petani telah dimiliki semula terlebih awal lagi pada hari yang sama.

Bank-bank tempatan telah menyambungkan semula perniagaan hari ini. Bank-bank tersebut ialah:-

- Overseas Chinese Banking Corporation
- Bank of China
- Ban Hin Lee Bank
- The Indian Bank
- Indian Overseas Bank

*Berita Straits Echo*

"Kerajaan akan memberi bantuan kepada rakyat miskin sebanyak \$5.00 bagi setiap keluarga." Begitulah ucapan Brigadier H C William, Timbalan Ketua Hal Ehwal Awam, kepada tiga puluh dua orang wakil dari beberapa daerah di Dewan Masyarakat Cina. 15 juta ela kain akan sampai di Malaya dari India tidak lama lagi.

**20 SEPTEMBER**

*Berita Straits Echo*

*London, 19 September*

*'Lord Haw Haw' dikenakan hukuman mati!*

William Joyce yang dikenali sebagai Lord Haw Haw, seorang juruhebah propoganda yang bertugas dengan Radio Germany, telah dikenakan hukuman mati di Old Bailey, Mahkamah Penjenayah Agung British, atas tuduhan ber-subahat dengan musuh King George VI di antara September 1939 hingga Julai 1940.

**22 SEPTEMBER**

*Maharaja Jepun mungkin akan meletakkan Takhtanya!*

Persoalan ini sedang dibincangkan oleh kerajaan-kerajaan Amerika Syarikat dan Jepun sebagai satu langkah untuk mengelakkan tuduhan jenayah peperangan. Putera Chichibu, saudara kepada Maharaja Hirohito, telah disebut sebagai



**SIR HAROLD MACMICHAEL.**

Wakil Kerajaan British untuk menghasilkan perjanjian dengan Baginda-Baginda Sultan dalam hal pembentukan Malayan Union.

(Foto : Sumber Arkib Negara Malaysia)

penggantinya. Beliau telah menerima pendidikan di England dan biasa melawat Amerika Syarikat.

#### **24 SEPTEMBER**

Ketua Hal Ehwal Awam Malaya, Mej. Jen. Hone berkata dalam satu temuramah "Semua Quisling akan disingkirkan daripada jawatan awam."

#### **27 SEPTEMBER**

Perkhidmatan pos dan kereta api telah dilaksanakan semula. Surat boleh dihantar ke seluruh dunia dengan percuma buat sementara waktu. Perkhidmatan kereta api di antara Prai dan Ipoh dimulakan tanpa bayaran.

#### **2 OKTOBER**

*London, 28 September*

Askar-askar Jepun di Indochina yang disyaki mencuba melakukan huru-hara telah ditawan. Ibu Pejabat Sulit Count Terauchi ditemui hari ini. Count Terauchi, Panglima Tertinggi Wilayah Selatan, telah ditahan oleh askar-askar Kuasa Bersekutu.

#### **10 OKTOBER**

Satu senarai rasmi yang mengandungi nama-nama Quisling Pulau Pinang telah dikeluarkan hari ini.

Kerajaan British telah mengumumkan berita tentang pembentukan sebuah perlembagaan baru untuk bumi Semenanjung Tanah Melayu yang akan dikenali sebagai Malayan Union. Di bawah perlembagaan ini, sembilan buah negeri Melayu yang diperintah oleh sultan dan dua buah negeri Selat akan menjadi negeri-negeri anggota Malayan Union. Singapura akan tetap menjadi pulau jajahan British.

#### **11 OKTOBER**

Menurut satu berita, Sir Harold MacMichael telah tiba di Semenanjung Tanah Melayu dengan kuasa penuh dan syarat-syarat rujukan untuk menghasilkan perjanjian-perjanjian baru dengan Baginda-Baginda Sultan yang diakui oleh kerajaan British. Perjanjian ini akan membuka jalan ke arah pem-



## Nippon People Orderly And Ready To Co-operate

### WHAT ALLIED FORCES WILL FIND DURING OCCUPATION

TOKYO, Aug. 25.—General Hyrna apparently working on Nippon. In a radio speech this evening over the Tokyo Radio to the U.S. forces on route to Nippon, declared that the U.S. forces will find the Nippon people orderly and ready to co-operate, according to the Potsdam Treaty.

He asked the occupation soldiers, however, to maintain a reserve of avoiding anything unbecomingly in contact with the Nippon people in order to allow any approximation.

Excerpts of Hyrna's speech to the soldiers read: "I believe the most impressive thing to strike you at first will be the absence of disorder, quiet and restrained atmosphere, the calmness of the general public and the entire resignation of the people to the Emperor's will. They will co-operate readily in carrying out the treaty terms.

#### SAFEST BET

"But underneath this general orderliness there is awaiting you a people with misgivings about you and your probable attitude towards them, a people hardly daring to hope for the best but fearing the worst, in fear that you will be overbearing and vindictive. So long as there persists this apprehension it is obvious that the most innocent actions of foreign soldiers may be badly interpreted, that a wholly legitimate and decent act of fun may be misunderstood as evil. Consequently, the safest bet for the avoidance by the soldiers of any unfortunate incidents or complications is for them to lean to the other extreme, to abstain from any and all things unbecomingly in contact with the Nippon people.

"The clearest fear on the part of the Nippon people is that you will play the role of victorious

common soldier to a self-blaming pilot, the Nippon forces have proved that death means nothing to them, nothing to be feared. The whole world recognizes this fact.

"We really appreciate the striking truth that the Nippon Army, immense and powerful, were waiting to defend their mainland. The command of their Emperor that they should lay down their arms before they had even begun to fight was infinitely more pregnant to them and infinitely more difficult to obey than would have been his command to fight to the last man.

"Consequently, that obedience rendered by the Nippon Army to this command of their Emperor was a far greater demonstration of their devotion to him than would have been their actually fighting to the last man.

#### ALLIED RESPONSIBILITY

"We pray that all will progress to a harmonious and speedy fulfillment of the terms of the Potsdam Declaration. However, great responsibility in their own successful contribution, the same purpose rests upon the American and Allied soldiers, the responsibility particularly is heavy in the first stages of occupation when misunderstandings or disturbances may be more

## PROCLAMATION

1. After this evening British vessels may be sighted in minesweeping operations in waters off Penang Island and, at the same time, if it is necessary, we shall afford them all assistance and facilities.

2. We are given to understand that the British forces will not land on Penang Island before Sept. 2.

Penang Navy Headquarters.  
Aug. 28, 2605.

## Shimomura Broadcasts To Army

TOKYO, Aug. 26.—War Ministry Sadao Shimomura in a broadcast over Tokyo Radio at 7 p.m. this evening emphasized to officers and men as well as civilians in military service that strict observance of the Imperial Rescript is the only way left for them to serve the

## Mankind's Hope That This Will Be Last War

### ALL MEN SHOULD BE GIVEN EQUAL RIGHTS, OPPORTUNITIES

TOKYO, Aug. 27.—The "Nippon Times" under the caption "Great Hope" led a said that, as the end comes to the greatest war in history, mankind's hope is again being expressed that it will prove to be the last war ever to have plagued the world.

Millions who have been killed, crippled or deprived of their kin, property and happiness should not have been made to suffer in vain but their sacrifices should be made to result in the realization of a truly better and happier world, the paper asserted. It stressed that the responsibility for preventing any future upheavals, of course, lies to a major degree with the victors.

Excerpts of the editorial read: Among the vanquished peoples there must of necessity be some strains of bitterness. The end of active fighting cannot be itself immediately being about the end of all bitterness. It is true that most of the population of the vanquished as well as the victorious nations are glad that peace has returned and they have already begun to prepare actively for work which will be useful for the era of permanent peace which they hope has come.

#### FREEDOM, TOLERANCE

But the bitter atmosphere of the long period of war intensified by propaganda and the actual sufferings to which they have been subjected has burned deep into the hearts of many people. No amount of physical oppression can eliminate this bitterness. Active work for consideration of a better world and a truly harmonious attitude toward all nations and peoples on the part of the victors are necessary to eliminate the old bitterness in the hearts of the defeated.

The peoples of the defeated nations have given all for victory and failed. Now in defeat they must be made to feel that they have been conquered by sheer might

of the victors if they are to make enduring peace which has just begun is their responsibility in justifying the idea of racial prejudice.

There must be an elimination of racial discrimination. All men may not be created equal because of differences in environment, wealth and inherent intelligence of their parents. But all men should be given equal opportunities and equal rights. There obviously must be political and religious freedom and tolerance. To this must be added racial tolerance.

#### FOR ENDURING PEACE

If peace, which is now being ushered in, is to be made enduring the profound ideals of victory must be put into actual practice and the defeated must strive to contribute actively to the building of the world of mankind and both must co-operate to make the world in truth one. A peaceful world need not, in fact cannot, be a world dominated by any one nation which enforces its wishes only, but it must be a world in which each of the States may realize its individual attributes and fulfill them. Now in defeat they must be made to feel that they have been conquered by sheer might

...the Nippon forces would ever dream of accusing them of cowardice, of having stopped fighting from fear of death. From AND LAUD TO OIKAWA, from a

### Nippon's Machine Industries Will Undergo Changes

TOKYO, Aug. 25.—While Nippon's machine industries are bound to undergo drastic changes many of them will be allowed to continue their business, the *Nippon Sanjyo Kwan* leading financial daily, said in its feature story today.

The paper pointed out that not all machine industries are classified as *botoda* for the manufacturing of arms and ammunition, but on the contrary, most of them will be indispensable for payment of reparations and maintenance of the people's living. The manufacturing of chemicals, spinning, looms, electric apparatus, agricultural implements, clocks, watches, bicycles and others as well as the manufacturing of machine tools necessary for the production of these things will come within the category of machine industry which is expected to be allowed.

The paper emphasized that there can be no hope for recovery in industries of this line if we go on operating with such inefficiency as witnessed in the past. It is essential to be true at a time when burdened with colossal reparations while simultaneously Nippon's machine industry will be cut down to a minimum.

In order to reconstruct our machine industry from its very foundation and our national economy, we should adopt the most rational and efficient methods of re-examining the past machine manufacturing systems as well as discard inefficient and uneconomical manufacturing processes. The paper emphasized that this

...the great blessing upon your (Baba) at home, a blessing beyond the power of any earthly prince—Domei.

### Allied Internees, War Prisoners Well Treated

CANTON, Aug. 25.—Excellent treatment is now being given to Allied internees and prisoners-of-war in Hongkong consistent with permission given them to listen to foreign broadcasts by means of short-wave sets by the Nippon authorities as well as leave the compounds of internment camps to visit their friends outside.

Although other prisoners and internees are still remaining in camps in Kowloon and Stanley Peninsula so that their livelihood can be insured, they are enjoying various luxuries of life such as Anglo-American food, medical supplies and even sweets for children. Consequently they are in excellent physical conditions.

Furthermore, since the change in the world situation these internees are able to listen to foreign broadcasts from abroad by means of short-wave receiving sets donated to them by the Nippon authorities. Prisoners-of-war and internees have been allowed to communicate freely among themselves.

Those with special reasons are permitted to leave their camps while others have been allowed to visit internees. Living under such conditions, Allied internees and prisoners-of-war have all voiced their appreciation to the Nippon authorities and are now calmly awaiting the arrival of transport facilities to be sent home—Domei.

is the only way we can possibly meet the heavy reparations which will be imposed upon us—Domei.

...of the Japanese... Destroyed. It struck him just like a bolt from the blue and that he could not sleep the whole night. It was only until the following morning that he could fully understand the real situation.

He pointed out that he came to understand the real situation and the right answer to what he should do because he remembered the words specially given to the man of the Nippon fighting service by Emperor Meiji. Emperor Meiji said that all men of the Nippon fighting service should share sorrow with His Majesty whether the national prestige is victorious or not. He expressed sympathy for the heart-breaking grief on the part of the officers and men and stressed, however, that in view of the fact that the imperial decision has been given that not a single man should be overcome by passion and resort to action contrary to the Imperial Decree, thus giving anxiety to His Majesty and at the same time causing trouble to the government, as well as their fellow countrymen—Domei.

### New Administrative System

TOKYO, Aug. 25.—Necessary procedure for the reorganization of administrative machinery to the changes in the internal and foreign situation arising out of the termination of the war has been completed, the Board of Information announced today.

The reorganization comprises firstly, the abolition of the Munitions Ministry and the creation of the Commerce and Industry Ministry, secondly, the remaining of the Ministry of Agriculture and Commerce Ministry as the Agriculture and Forestry Ministry, and thirdly, the amalgamation of the Ministry of Greater East Asia into the Foreign Ministry.

It is understood that plans are under way for changing the Board of Information and the Composite Planning Bureau and elevating the status of the Board of Communication to a Ministry—Domei.

### British Silent On U.S. Offer

ZURICH, Aug. 26.—The British Government up to last night had not definitely decided to reply to the United States offer of 30 years' credit to pay for supplies formerly obtained under lend-lease. A Reuters message from London reported today.

It was said in Washington yesterday that British officials had been asked to arrange preliminaries for a conference.

Sen. Bloom, Chairman of the American House of Representatives Committee on Finance, said in Washington yesterday that British companies were without money that loan-makers were "unreliable." The Lend-Lease Act had made it perfectly plain what is going to happen, Bloom said—Domei.

### Chance To Build Up Nippon On New Basis

TOKYO, Aug. 21.—The entire people of Nippon rejoice at the price of defeat, however ruinous, without a grudge, Hideo Toyama, of the late Military Training, great nationalist leader of modern Nippon, declared in a radio broadcast last night.

The Nippon people have only themselves to blame for the present defeat and have no reason to blame others, Mr. Toyama said. Modern Nippon, as a whole, was built upon superficial culture and civilization without an efficient organization of machinery which is a prerequisite for victory.

Mr. Toyama further stated that the Nippon people should not blame each other because the responsibility for defeat should be borne by the entire nation. The present defeat should give the Nippon people an opportunity to remold themselves and build up their country on a new basis. Mr. Toyama continued—Domei.

### Nehru Voices Congress Stand

ZURICH, Aug. 26.—Pandit Jawaharlal Nehru, former President of the All-India Congress Party, today told 200,000 people in Lahore that Congress would plunge into the forthcoming general and provincial legislative elections with force and enthusiasm and oppose all communal or reactionary organizations, says a Reuters message from Lahore.

Nehru said he thought the elections would be stepping-stones in the formation of a constituent assembly. With regard to the Muslim demand for Pakistan, Nehru said that in view of the fast-developing changes and international situation, all talk of Pakistan seemed empty and meaningless.

He invited the Muslim League to think dispassionately on the way the question of Pakistan could be judged against the reality of "revolution created by the atomic bomb." A Reuters despatch said that more than 4 children fainted when the crowd's enthusiasm led to a stampede. Domei.

### Dance At Eurasian Store

Members of the Eurasian Store and their friends held a dance at the Eurasian Store on Sunday night in celebration of the return of peace. A full orchestra under Mr. Bertie Lohr was in attendance and popular melodies and old favourites were rendered.

Dancing, community singing and merry-making were carried on till a late hour.

bentukan Malayan Union yang memerlukan kuasa-kuasa sultan diserahkan dengan sepenuhnya kepada kerajaan British.

#### 14 NOVEMBER

Satu kemalangan jalan raya telah berlaku di Jalan Race Course antara sebuah kereta dengan sebuah lori tentera. Kereta tersebut yang dipandu oleh Dr. K M Ariff telah menerima kerosakan teruk. Selain Dr. K M Ariff, penumpang-penumpang yang berada dalam kereta ialah isteri Dr. Ariff – Puan Rahiman, beberapa orang anak, seorang cucu dan Kapt. Baba Ahmed. Dr. K M Ariff, Puan Rahiman dan Kapt. Baba Ahmed telah dimasukkan ke hospital masing-masing dengan kecederaan di muka/tulang belakang muka dan kepala. Akibat kemalangan ini catatan-catatan tidak dibuat dalam buku harian buat sementara waktu.

Bulan November merupakan bulan yang malang bagi orang Melayu di bumi pertiwi mereka sendiri. Sembilan buah perjanjian baru telah dihasilkan oleh Sir Harold MacMichael dengan Baginda Raja-Raja, dengan tergopoh-gapah, tanpa memberi ruang nafas kepada Raja-Raja Melayu untuk berbicara dengan kerabat-kerabat dan majlis-majlis negeri ataupun berbicara sesama sendiri. Malahan kandungan warkah perjanjian baru itu tidak diketahui oleh Raja-Raja Melayu sehinggalah warkah itu diserahkan untuk ditandatangani dan dimeterai. Tindakan seperti ini, yang dilaksanakan beberapa bulan sahaja setelah tamat peperangan, apabila raja dan rakyat baru sahaja mula bertenang daripada kesengsaraan peperangan, adalah dianggap tidak manis sama sekali. Sebagai sebuah kuasa pelindung bagi orang Melayu, pihak British telah menunjukkan sifatnya yang sebenarnya. Bak kata pepatah Melayu, harapkan pagar, pagar memakan padi. Dai Nippon dikatakan zalim tetapi tindakan British ini adalah lebih buruk kerana tindakan itu mengancam bangsa dan keturunan orang Melayu yang akan datang.

Kerana ancaman ini dan kemarahan orang Melayu terhadap tindakan British itu, maka gergasi dan raksasa yang

terpendam dalam jiwa mereka telah membangun untuk menentang tindakan kerajaan British dengan sekeras-kerasnya. Semangat kenegerian, yang berkuasa kuat di fikiran orang Melayu pada ketika itu, telah menyeberangi sempadan dan menjelma dengan semangat nasionalisme. Orang Melayu telah bangun untuk memelihara maruah dan ketuannya, yang terancam dalam cadangan Malayan Union. Beberapa tunjuk perasaan secara besar-besaran telah diadakan. Beribu-ribu orang Melayu telah berhimpun dengan memakai lilitan kain putih di songkok mereka sebagai tanda berkabung. Sahutan "Hidup Melayu!" menggerunkan suasana perhimpunan. Aktiviti kemarahan ini meningkat dari sehari ke sehari sehinggalah Malayan Union dibatalkan dan digantikan dengan perlembagaan sekarang.

### **BULAN DISEMBER**

Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita, bekas Panglima Tertinggi yang memerintah Tentera Dai Nippon di Malaya, telah dijatuhkan hukuman mati pada 7 Disember 1945 di Manila. Beliau kelihatan bingung apabila meninggalkan mahkamah setelah menerima hukuman tersebut. Sebelum hukuman dijatuhkan, beliau telah berkata "Saya berdiri di sini dengan hati murni yang jelas. Saya tidak bersalah." Perbicaraan Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita telah mengambil masa selama enam minggu atas 64 tuduhan jenayah peperangan pada keseluruhannya.

Pada 23 Februari 1946, Lt. Jeneral T. Yamashita, Harimau Malaya, telah menjalani hukuman gantung sampai mati pada jam 3.02 pagi waktu Manila. Ucapan terakhirnya ialah "Saya berdoa moga-moga Tuhan akan mengurniakan Maharaja saya usia yang panjang dan kemakmuran yang kekal abadi!"

Maka dengan kematian Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita tamatlah al-kisah penaklukan Georgetown oleh Tentera Imperialis Dai Nippon.

Selepas Peperangan Dunia Ke-2, Dai Nippon telah menerima hukuman yang wajar dan boleh dikatakan telah menebusi dosa-dosanya. Perkara yang mengkagumkan kita

dan dunia ialah keupayaannya untuk membangun semula, daripada debu-debu peperangan, dan kini telah menjelma sebagai raksasa dalam bidang ekonomi dunia. Cita-cita yang mereka gagal memperolehi menerusi peperangan mereka telah menghasilkan segala-galanya menerusi proses damai melalui sifat-sifat rajin, tekun, dedikasi. Ini adalah simbol semangat Bushido mereka. Penduduk Asia Tenggara menyanjung tinggi keagungannya, kemakmurannya, kepakarannya sebagai teladan yang baik yang mendorong Malaysia, umpamanya, mewujudkan dasar pandang ke timur dalam usaha-usahanya untuk membangunkan negara. Kini, setengah abad selepas peristiwa-peristiwa buruk itu, kita "mengangkatkan topi" dan menghulurkan tangan persahabatan sambil mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Dai Nippon atas segala usahanya dan peranannya untuk membantu Malaysia dalam usaha-usaha kita membangunkan negara ke arah Wawasan 2020!

## PANTUN NOSTALGIA

Adolf Hitler mula mencabut pedang  
Turut bersama Benito Mussolini,  
Sang harimau garang yang datang,  
Sang tikus pula yang kembali.

Hideki Tojo mulakan peperangan  
Pearl Harbour dibom buta tuli,  
Datipada debu-debu peperangan  
Telah muncul gergasi ekonomi.

Dari Colombo Mountbatten ke mari,  
Dengan armadanya bandal sekali,  
Ekonominya dipupuk dengan sendiri,  
Menjadikan yen masyhur sekali.

Subhas Chandra Bose berpangkat tinggi  
Tenteranya tidak tahu berundur,  
Teknologi Dai Nippon amat tinggi,  
Mendorongkan Malaysia pandang ke timur.

Tomoyuki Yamashita orang berbakat,  
Strateginya amat berkesan sekali,  
Ekonomi Jepun sebegitu kuat,  
Bolehkah sejarah berulang lagi?

Mountbatten mahu cenderamata perang,  
Pedang Terauchi yang berlumur darah,  
Inilah cerita nostalgia zaman perang,  
Yang mengandungi unsur-unsur sejarah.

Masjid Tengah, Masjid Titi Papan  
Tempat sembahyang melegakan hati,  
Jikalau ada sebarang kesilapan,  
Jangumlah simpan dalam hati.

Dari Pulau Pinang ke Pulau Bukum,  
Singgah sebentar di Sri Menanti,  
Saya mengucapkan Assalamualaikum,  
Kepada para budiman yang dihormati.

Handwritten text, likely bleed-through from the reverse side of the page, is visible along the left edge. The text is mostly illegible due to blurring and being cut off.